

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUABELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 45

Selasa

14 Oktober 2008

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 27)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2009	(Halaman 28)
USUL: Usul Anggaran Pembangunan 2009	(Halaman 28)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa , 14 Oktober 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Peraturan mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 24, sebelum kita memulakan sesi soal jawab hari ini, saya ingin membangkitkan tentang satu perkara mengenai soalan saya hari ini dan juga tiga lagi soalan yang lain, kesemua empat yang dituju terhadap Kementerian Wilayah Persekutuan telah ditolak ke belakang.

Soalan-soalan hari ini, saya ingin membantah apa yang telah berlaku, kerana saya telah difahamkan dari sumber dalaman yang boleh dipercayai bahawa, misalnya soalan saya yang sepatutnya ditempatkan dalam soalan sepuluh teratas, sekarang ditolak ke belakang kerana ada arahan oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey, Yang Berhormat, Cukup, Yang Berhormat. Saya faham..

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...Menteri Wilayah Persekutuan sendiri yang meminta semua soalan terhadap kementeriannya ditolak ke belakang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Yang di-Pertua, sikit lagi, ini soalan penting, soalan penting, sebab...

Seorang Ahli: Pagi-pagi lagi. Cukuplah!

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...seseorang ahli Dewan ini kalau soalannya dibunuh, macam mana kami boleh menegakkan keadilan dalam Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ini yang dituju kepada dia yang menyoalkan satu pelancongan keseronokan oleh Menteri Wilayah Persekutuan dan Datuk Bandar Kuala Lumpur termasuk kroni-kroni mereka yang tidak kena-mengena dalam satu rombongan besar ke Eropah, ke England.. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Cukup Yang

Berhormat. Yang Berhormat sila duduk Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Menteri mengelak untuk menjawab soalan ini. Ini dibuat dengan sengaja. Saya ingin minta satu siasatan dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua supaya perkara ini disiasat dan Dewan dimaklumkan hasilnya, apakah ini benar? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, *Standing Order* 36(5) di mana ini ahli daripada Cheras membuat sangkaan jahat terhadap pegawai dan menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya akan jawab Yang Berhormat Cheras.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Speaker jawab dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Cheras..

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Tapi saya ada hak, kerana ini sangkaan jahat kalau begitu lain kali saya pun boleh persoalkan kerana saya punya soalan tidak dikemukakan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Speaker, saya ada satu *point of order* yang telah diambil, perlu buat satu *ruling* selepas itu baru alih kepada *point of order* yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ini yang saya nak lakukan Yang Berhormat Ipoh Barat, tapi Yang Berhormat bangun lagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, yang ini kita perlu ada...

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Ipoh Barat tidak ada kuasa berdiri kerana tidak ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat Kalabakan...

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: *Point of order. What point of order you have?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: *Point of order.* Kita dengan hormat meminta...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Ruling first!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Cheras saya terima teguran, tetapi Yang Berhormat pertama sekali menggunakan Peraturan Mesyuarat 24 ini pun tak betul, ini merupakan soal pentadbiran, walaupun soalan Yang Berhormat diturunkan ataupun dinaikkan, akhir sesi petang ini, jawapan itu akan diberi secara bertulis, ia tidak ada soal mengelak, tidak ada soal tidak menjawab soalan, dan kalau Yang Berhormat maklum bahawa ini merupakan perkara yang lazim.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Yang di-Pertua ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, peraturan mesyuarat, apabila Speaker bercakap, Yang Berhormat kena dengar. Ini perkara yang lazim berlaku. Ada ketika soalan Yang Berhormat di bawah dan dinaikkan ke atas, ada soalan yang di atas diturunkan ke bawah, itu perkara yang berlaku dalam Dewan. Tidak ada sedikit pun pelanggaran terhadap peraturan mesyuarat berlaku terhadap perkara-perkara seperti ini, soal pentadbiran seperti ini, saya minta agar Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat bolehlah terus merujuk kepada Setiausaha untuk meminta penjelasan.

Saya jemput Yang Berhormat Tuan Masir Kujat...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Yang di-Pertua, memang ada perbezaan di antara soalan yang dijawab dalam Dewan ataupun dijawab secara bertulis, kerana yang dijawab oleh Dewan boleh dipertanyakan soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya sudah buat keputusan Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Saya ingin merujukkan di sini sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih.

1. **Tuan Masir Kujat [Sri Aman]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah dasar kerajaan untuk menyerapkan pekerja sementara yang telah lama berkhidmat kepada pekerja tetap di sesebuah sekolah kerajaan.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak terikat untuk menyerap pekerja-pekerja sementara yang telah lama berkhidmat ke jawatan tetap. Walau bagaimanapun pekerja-pekerja sementara ini juga berpeluang untuk menjawat jawatan tetap, sekiranya memenuhi syarat di bawah skim perkhidmatan yang dipohon dan berjaya dalam temu duga.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menambahkan norma perjawatan anggota kumpulan sokongan di sekolah yang terdiri daripada pembantu tadbir perkeranian, pembantu tadbir rendah, pembantu pengurusan murid, juruteknik, juruteknik komputer, pembantu am pejabat, penyelia asrama dan pembantu makmal.

Hasil daripada usaha ini, sebanyak 5,521 jawatan bukan guru telah diluluskan pada tahun ini dan pada tahun akan datang ianya telah diluluskan 7,738 jawatan. Sekian.

■1010

Tuan Masir Kujat [Sri Aman]: Terima kasih kepada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan bahawa kebanyakan jawatan bukan guru ini, mereka telah berkhidmat lebih daripada lima tahun hampir di kesemua sekolah menengah di bahagian Sri Aman. Jadi saya kluatir kalau isu ini tidak diambil perhatian, kita akan menghadapi masalah sebab mereka ini akan meneruskan jawatan yang sementara sehingga bila. Jadi saya mohon kalau dapat walaupun mereka telah mengikut temu duga tempoh hari tetapi bukan semua

mereka akan diserapkan ke jawatan tetap. Jadi, apakah pendirian Kementerian Pelajaran setakat ini?

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Tujuan kita menambahkan perjawatan itu adalah untuk menampung keperluan di sekolah. Maka apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi sebenarnya merupakan keperluan di sekolah dan apabila seseorang itu telah berkhidmat lebih daripada lima tahun dan sekiranya memenuhi syarat, saya tidak nampak kenapa ianya tidak boleh diterima dan salah satu syaratnya ialah lulus temu duga. Jadi kalau ada kes spesifik, bolehlah Yang Berhormat bawa kepada saya dan kita akan bagi jaminan bahawa perkara-perkara seperti ini tidak berlaku. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah tahun pengalaman yang dijadikan syarat untuk dibawa kepada skim pekerja tetap yang telah ditetapkan oleh kementerian? Oleh sebab memandangkan pekerja-pekerja yang lama yang berjawatan sementara tetapi mempunyai pengalaman yang lama ini, mereka mempunyai kemahiran berbanding dengan pekerja baru yang tidak mempunyai sebarang kemahiran. Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan. Sebenarnya apabila kita menerima masuk seseorang pekerja, ia bukan semata-mata bergantung kepada pengalaman kerja itu sendiri ataupun berapa lama seseorang itu menjadi pekerja sementara.

Salah satu faktor yang mendorong berjaya atau tidak, seseorang itu diambil adalah dari segi kelayakan dan sekiranya seseorang itu tidak mempunyai kelayakan minimum, maka itu sebagai satu prasyarat, mungkin ianya tidak dapat dipenuhi. Akan tetapi sekiranya dalam keadaan di mana JPA meluluskan perjawatan dan bergantung kepada jawatan mana yang dipohon, sekiranya layak untuk jawatan-jawatan yang lebih rendah, maka saya tidak nampak masalahnya.

Kalau mereka yang telah berkhidmat sebagai pekerja sementara untuk satu tempoh dua atau tiga tahun atau lebih lima tahun, saya nampak itu satu *advantage* kepada mereka yang memohon. Terima kasih.

2. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan cara-cara yang digunakan dengan berkesan untuk mengambil rekrut PDRM dari 5,092 pada 2007 kepada 10,000 dari 2008 hingga 2012 apabila yang bersara meningkat ke 3,087. Bagaimana beliau mencapai kualiti bertaraf dunia dan bilangan tambahan 60,000 anggota.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Syed Hamid Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kepong. PDRM telah membuat perancangan untuk mengambil dan melatih rekrut bermula pada 2007 hingga 2012. Perancangan ini juga mengambil kira kadar persaraan setiap tahun. Namun pada pertengahan tahun 2008, kadar persaraan adalah sifar kerana peningkatan umur persaraan kepada 58 tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah bersetuju secara dasarnya untuk mewujudkan jawatan tambahan berjumlah 60,000 perjawatan bagi pegawai dan anggota polis. Namun penambahan perjawatan baru ini akan dilakukan secara berperingkat setiap tahun sehingga 2012. Pengisian jawatan baru ini juga adalah bergantung kepada kemampuan pihak PDRM untuk mengadakan latihan-latihan asas kepada pegawai dan anggota polis yang baru serta faktor keadaan semasa kewangan kerajaan.

Walau bagaimanapun, selaras dengan ini, pihak PDRM telah mengambil langkah proaktif untuk mengisi penambahan perjawatan baru yang diterima secara berperingkat iaitu pertama, PDRM akan mengadakan lebih kerap urusan pengambilan dan pelantikan baru bagi pegawai dan anggota polis iaitu daripada dua kali setahun kepada empat kali setahun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 1 Julai 2008, sejumlah 2,364 orang telah dilantik ke jawatan konstabel polis dan 879 orang dilantik ke jawatan inspektor polis yang jumlahnya keseluruhan 3,243 dan adalah dijangkakan sejumlah 2,000 orang calon lagi akan dilantik sebagai konstabel polis sehingga akhir tahun 2008.

Kedua, penambahan dan pembinaan pusat-pusat latihan yang baru di seluruh negara sedang giat berjalan dan dijangkakan dua pusat latihan yang mempunyai kapasiti latihan untuk 3,000 orang pegawai dan anggota polis akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2009 iaitu Pusat Latihan Polis di Pulau Langkawi, Kedah dan Pusat Latihan Polis Ulu Kinta, Perak. Ini naik taraf daripada sekolah latihan PGA (Unit Khas).

Selaras dengan itu juga, prasarana dan kemudahan pusat-pusat latihan polis sedia ada seperti PULAPOL, Kuala Lumpur, Ayer Hitam, Kuching dan Kota Kinabalu turut dinaik taraf bagi mempertingkatkan lagi keupayaan dan kemampuan PDRM dalam mengadakan kursus latihan asas kepada pegawai dan anggota polis yang baru dilantik.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang saya nampak ada usaha untuk menambahbaikkan PDRM kita dan saya berharap usaha ini akan dipertingkatkan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa untuk tahun depan sahaja peruntukan bagi polis ini meningkat kepada RM5.4 bilion.

Sebelum itu, kita mengalu-alukan pelajar daripada Sekolah Menengah Batu 8, Puchong. *[Disampuk][Tepuk]* Kita hendak tengok, mereka hendak tahu sahajalah keberkesanan komitmen pihak PDRM. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, soalnya, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Apa siaran langsungnya? Oleh kerana ia langsunglah, kita langsungkanlah semua. *[Ketawa]* Ini peruntukan RM5.4 bilion dan tahun ini sahaja, Yang Berhormat, pihak PDRM merancang untuk mengadakan sekurang-kurangnya 162 buah balai polis. Setakat manakah ini dapat dijayakan termasuklah, Tuan Yang di-Pertua, yang penting

walaupun Yang Berhormat tidak sebutkan bilangan yang bersara, bagi saya lebih daripada 2,000 atau 3,000 dan apakah bilangan rekrut dan inspektor dapat dilatih setiap tahun sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini kerana saya nampak tidak begitu ramai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah dua soalan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sekurang-kurangnya. Adakah Yang Berhormat mengakui bahawa kalau kita hendak tambah kepada 60,000 pada tahun 2012, ini bermakna setiap tahun kita mesti mengambil 12,000 orang. Akan tetapi sekarang saya nampak tidak sampai 5,000 setahun, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Jadi ini boleh dilanjutkan kepada 10 tahun lagi. Adakah ini maksud pihak PDRM sekarang?

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut perancangan kita, kalau kita latih tiap-tiap tahun dengan penambahan dan menaik taraf pusat-pusat latihan, sampai tahun 2012, kita mempunyai kapasiti untuk melatih 88,074 orang anggota yang terdiri daripada inspektor dan juga konstabel iaitu inspektor 6,704 dan konstabel 81,370. Jadi bermakna semua perancangan yang dibuat untuk menentukan keperluan polis dan jumlah angka yang kita hendak capai akan tercapai.

Jadi soalan Yang Berhormat yang kita tidak akan tercapai mengikut perangkaan, kita tidak akan mencapainya. Ini kerana di dalam tahun 2007 sampai 2012, kita akan mengambil 1,200 inspektor dan 10,800 konstabel tiap-tiap tahun. Jadi kita akan mencapai angka yang diharapkan.

Berkenaan jumlah balai-balai polis, berapa akan dibina itu, saya akan memberikan jawapannya secara bertulis. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita tahu kita sekarang berebut pergi ambil rekrut PDRM tetapi di sini saya mahu mempersoalkan, sejauh mana kualiti disiplin jurulatih. Kita tahu daripada pusat latihan, jurulatih itu banyak bergantung masalah disiplin bagi polis yang menjadi jurulatih di pusat latihan. Minta penjelasan sedikit.

■1020

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Bintulu di atas soalan dari segi kualiti dan tiap-tiap latihan yang kita atur dan kita rancang.

Perkara yang penting ialah hendak menentukan kita dapat mencapai kualiti yang dikehendaki. Polis menjadi satu pasukan yang berdisiplin supaya dapat menjaga keselamatan dan keamanan negara kita. Kalau ada dari segi ini kita juga mengambil pegawai-pegawai yang

berpengalaman yang telah bersara untuk menjadi jurulatih bagi pusat-pusat latihan polis iaitu dari semasa ke semasa kita akan terus memantau dari segi kualiti dan disiplin mereka.

3. Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kementerian sedar atau tidak bahawa hampir semua syarikat besar milik bukan bumiputera di negara ini menjadi payung kepada syarikat-syarikat kecil bukan bumiputera. Sebaliknya adakah syarikat-syarikat GLC memainkan peranan yang sama kepada syarikat-syarikat bumiputera.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak mahu perniagaan diurus berdasarkan soal perkauman. Oleh yang demikian kerajaan sentiasa menggalakkan semua syarikat sektor swasta supaya memainkan peranan membangunkan vendor tempatan termasuk vendor bumiputera. Dengan itu syarikat besar milik bukan kerajaan terutamanya yang memegang lesen atau yang mendapat kontrak daripada kerajaan patut mengutamakan pembangunan syarikat-syarikat kecil tempatan dan sederhana dan bumiputera.

GLC juga mempunyai peranan untuk memberi peluang dan mendidik pengusaha bukan sahaja pengusaha bumiputera tetapi juga pengusaha tempatan bukan bumiputera. Peranan GLC menyokong pembangunan negara adalah salah satu teras utama program transformasi GLC. Ia membawa kepada penerbitan Buku Merah pada April 2006 sebagai garis panduan serta amalan terbaik perolehan bagi syarikat GLC termasuk inisiatif membangunkan masyarakat usahawan bumiputera dan tempatan yang kukuh dan berdaya saing.

Selari dengan garis panduan ini, syarikat GLC telah berperanan memayungi syarikat pengusaha dan pembekal kecil bumiputera melalui pelbagai program seperti pelaksanaan program pembangunan vendor bumiputera yang diwujudkan khusus untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuan syarikat kecil serta menggalakkan penyertaan usahawan bumiputera di dalam aktiviti ekonomi.

Sebagai contoh, daripada jumlah keseluruhan perolehan Tenaga Nasional Berhad yang berjumlah RM5.5 bilion bagi tahun 2007, sebanyak 32% atau RM1.8 bilion dianugerahkan kepada vendor Bumiputera. TNB juga memainkan peranan sebagai payung kepada 250 vendor yang diletakkan di bawah Program Pembangunan Vendor Bumiputera. Pemantauan ke atas pelaksanaan Program Buku Merah oleh syarikat GLC secara keseluruhannya pula dibuat melalui Jawatankuasa Putrajaya Bagi Prestasi Tinggi GLC sebagai salah satu elemen utama program transformasi GLC.

Peranan GLC menyokong agenda pembangunan negara tidak terhad kepada aspek perolehan sahaja. Sebaliknya, program transformasi GLC juga memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan warganya sebagai usaha berterusan memperkasakan prestasi GLC. Membangunkan tenaga kerja yang berprestasi tinggi dan berdaya saing akan memacu perkembangan ekonomi negara dan pada masa yang sama akan melahirkan pemimpin korporat

dan usahawan masa hadapan. Perkara ini telah terbukti dengan lahirnya komuniti usahawan berjaya yang sekarang ini menyokong operasi syarikat seperti Petronas dan PROTON.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri yang datang untuk menjawab. Terima kasih banyak-banyak Dato' Sri. Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan tadi kita akur bahawa pada dasarnya memang kita dengar cerita-ceritanya dan juga apa yang disasarkan oleh kerajaan itu memang baik dan bijak.

Cuma pada hakikatnya, kenyataannya di bawah kita dapati banyak lagi kelompok-kelompok yang perlu diisi. Sebagai contoh, kita dapati banyak syarikat-syarikat bumiputera yang mula-mulanya dipupuk diberi payung untuk dibangunkan.

Dalam tahun 1990-an, Syarikat Guthrie adalah di antara syarikat yang diberi kontrak besar oleh kerajaan untuk membekalkan *furniture* ataupun perabot kepada sekolah-sekolah.

Pada hari ini, syarikat-syarikat ini 50% daripadanya sedang diburu oleh bank kerana Syarikat Guthrie tidak lagi menjalankan tugas yang sama. Bukan sahaja itu, bahkan kontrak yang diberikan kepada Syarikat Guthrie telah menguncup walhal industri perabot telah berkembang.

Industri perabot bukan sahaja berkembang dalam negara, bahkan ia turut berkembang ke luar negara. Putrajaya sendiri dengan bangunan-bangunan yang hebat mengisikan perabot-perabot yang canggih, tetapi syarikat-syarikat bumiputera yang sepatutnya dibangunkan oleh syarikat-syarikat sebegini gagal kerana memayungi sahaja tidak mencukupi bahkan membimbing dan membangunkan syarikat ke tahap yang lebih tinggi.

Jadi saya ingin bertanya di sini kepada pihak kementerian, sama ada kita ada cadangan untuk mengadakan satu pusat di mana mereka-mereka iaitu syarikat-syarikat yang bermasalah ini dapat datang mengadu hal memberikan maklumat yang sebenar. Saya pernah membawa perkara ini kepada Kementerian Kewangan sudah lebih daripada satu tahun. Akan tetapi sehingga hari ini masih lagi mereka ini yang mengalami masalah belum lagi mendapat pembelaan dan pendengaran. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Padang Besar yang telah membangkitkan perkara ini. Sebenarnya saya telah berjumpa dengan wakil-wakil syarikat-syarikat kecil bumiputera yang terlibat dalam bidang perabot. Mereka telah mengadu kepada saya bahawa mereka tidak ada peluang dalam pertimbangan tender yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran.

Saya telah meminta supaya tender itu dikaji semula dan sekiranya perlu kita akan ganti dengan sistem *central contract* supaya syarikat-syarikat perabot kecil bumiputera ini akan mendapat peluang daripada kerajaan dan kerajaan akan memastikan bahawa pertimbangan akan dapat diberikan kepada kelompok ini kerana kalau tidak, mereka akan gulung tikar. Peluang sepatutnya diberikan kepada mereka.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan untuk Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Jika kita bandingkan prestasi di antara syarikat GLC dan *non* GLC dalam bidang yang hampir serupa, misalnya MAS – AirAsia, Maybank – Public Bank, TNB – YTL Power. Kalau diletakkan kesemua urutan petunjuk prestasi, pemerhatiannya didapati bahawa *performance* GLC itu ketinggalan berbanding *non* GLC.

Isunya ialah, kalaulah di peringkat domestik syarikat GLC ini sekalipun menerima bimbingan, asuhan dan banyak bantuan keutamaan daripada kerajaan masih tewas dari segi persaingan terbuka dengan *non* GLC, apa sebenarnya harapan yang boleh diletakkan oleh kerajaan untuk syarikat GLC ini bersaing di peringkat antarabangsa yang menjanjikan kejayaan?

Apakah Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh menerangkan secara khusus rancangan dan strategi untuk memerhatikan perkara ini? Terima kasih.

Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kalau dibandingkan dengan sebelum garis panduan transformasi GLC dibuat oleh kerajaan, kita lihat bahawa prestasi syarikat-syarikat GLC adalah kurang menggalakkan. Akan tetapi setelah kita keluarkan garis panduan itu dengan KPI, kita lihat banyak perubahan telah berlaku dan prestasi GLC telah meningkat. Ada juga GLC yang begitu cemerlang tetapi kita belum berpuas hati lagi. Kita akan terus memberikan pemantauan supaya prestasi syarikat GLC terus meningkat dan sekiranya ada kelemahan-kelemahan tertentu, kita sanggup memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut.

■ 1030

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Soalan tambahan saya adakah pihak kerajaan bercadang untuk memastikan syarikat bumiputera ataupun syarikat-syarikat GLC ini dapat memainkan peranan kepada semua syarikat kecil, menjadi payung kepada semua syarikat kecil sama ada syarikat bumiputera ataupun syarikat bukan bumiputera. Sekurang-kurangnya kita ada syarat-syarat tertentu, cara-cara tertentu ataupun kaedah tertentu yang dapat dibuat oleh pihak kerajaan. Jangan ada apa-apa perbezaan di sini. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri Kewangan?

Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi bahawa teras kepada usaha kita ialah melalui *vendor development program*. Dalam pada itu di bawah program ini kita minta syarikat bumiputera benar-benar berdaya saing dan berprestasi tinggi. Jangan disebabkan bahawa semata-mata dia syarikat bumiputera mereka mengharapkan kontrak tanpa mereka menunjukkan prestasi yang sepatutnya. Jadi kita akan teruskan usaha seperti ini.

4. **Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]** minta Perdana Menteri menyatakan alasan mengapa terdapat percanggahan dalam jawapan lisan Parlimen YAB Perdana Menteri pada 7 Mei 2008 dan YB Menteri Dalam Negeri pada 6 Mei 2008 berkenaan dengan laporan polis penyeludupan dakwat kekal sehingga ianya terpaksa dibatalkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kelana Jaya tidak tepat kerana jawapan-jawapan yang diberi adalah berdasarkan kepada soalan asalnya. Hakikatnya memang ada laporan polis berkenaan penyeludupan dakwat kekal telah dibuat sebelum pilihan raya umum dan memang SPR juga telah diminta untuk mengkaji semula penggunaan dakwat kekal tersebut memandangkan ianya mungkin bercanggah dengan Artikel 19 Perlembagaan Malaysia. Pihak SPR telah membuat keputusan untuk tidak menggunakan dakwat kekal tersebut berdasarkan masalah keselamatan dan undang-undang perlembagaan yang timbul. Polis pula telah pun membuat siasatan terhadap laporan-laporan polis tersebut dan hasil siasatan telah pun dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat sebelum ini.

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Terima kasih. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa dakwat kekal bagi menghalang pengundi berganda adalah dakwat khas dan seluruh negara ASEAN pun memperolehnya dari India. Maka dengan itu laporan berkaitan dengan penyeludupan dakwat kekal dari negara jiran adalah tuduhan tidak berasas dan tidak boleh berlaku. Walaupun ada *police report* mengenai perkara import dakwat kekal ini mengapa tidak ada sebarang pendakwaan dan penjenayah tersebut sepatutnya didakwa dengan hukuman berat tetapi jika ternyata laporan polis itu palsu adakah dan apakah tindakan yang akan diambil untuk mendakwa membuat laporan palsu tersebut dan memastikan hal ini tidak kembali berulang lagi. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dia tidak bangkitkan sama ada dakwat itu khas atau tidak khas, kalau dia khas sekalipun dan dia tidak dibeli oleh Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia dan dia dibawa masuk daripada negara-negara ASEAN yang mengimport dakwat khas ini. Ini bermakna bahawa kemungkinan dakwat khas yang dibawa masuk secara haram itu boleh digunakan untuk menjadikan pilihan raya kita ini kelam-kabut. Sebab yang hendak digunakan ialah yang dibeli oleh Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia. Jadi soal itu tidak bangkit.

Yang keduanya, kalau Yang Berhormat kata iaitu dakwaan itu adalah dakwaan palsu, ia bukan dakwaan palsu kerana daripada laporan yang saya terima ada tiga semuanya laporan polis, ini merupakan laporan yang dibuat oleh orang-orang yang telah mendengar bahawa kononnya ada cerita bahawa dakwat-dakwat ini telah pun dibawa masuk secara haram. Jadi berdasarkan kepada apa yang mereka dengar, mereka telah membuat laporan polis. Jadi apabila polis siasat didapati bahawa itu adalah tidak benar bukan bermakna bahawa pelapor itu membuat laporan palsu. Dia benar-benar percaya bahawa mungkin ada kebenaran jadi dia buat

laporan polis. Jadi sebab itu kalau sekiranya semua laporan yang dibuat itu adalah dianggap sebagai benar, tak perlulah polis buat penyiasatan. Dakwa sahajalah.

Jadi sebab itu dalam hal ini sama ada ia palsu ataupun tidak, banyak bergantung kepada niat orang yang melapor itu dan polis mendapati bahawa pelapor-pelapor itu tidak mempunyai niat untuk membuat laporan palsu melainkan mereka berasa prihatin bahawa kemungkinan perkara itu boleh berlaku.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Adakah kerajaan dan SPR bercadang untuk meneruskan penggunaan dakwat kekal ini pada masa pilihan raya akan datang? Apakah kebaikan dan keburukan penggunaan dakwat kekal? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara yang menyebabkan SPR tidak menggunakan dakwat ini ialah kerana soal fundamental iaitu soal perlembagaan bawah Artikel 119 sehingga ia diputus oleh mahkamah atau kita mendapat pandangan yang mengatakan bahawa ia tidak bercanggah. Mungkin pada ketika itu SPR akan menggunakannya. Kalau tidak kita terpaksa tidak boleh menggunakan dakwat kekal itu.

5. Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan sejauh manakah penggunaan 'hydrofuel' sebagai satu sumber tenaga alternatif dapat diperluaskan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Tuan Yang di-Pertua, hidrogen mempunyai potensi yang besar sebagai bahan api mesra alam dan dapat mengurangkan pergantungan negara terhadap pengimportan dan penggunaan tenaga. Berikutan itu penyelidikan teknologi hidrogen dan *fuel cell* telah berkembang dengan cepat di seluruh dunia khususnya di Amerika dan Eropah. Namun demikian penggunaan hidrofuel sebagai sumber tenaga alternatif pada masa ini terbatas kepada sektor automotif sahaja. Hidrofuel yang dijana daripada proses pemecahan atau penguraian molekul air kepada hidrogen dan oksigen berlandaskan proses elektrolisis masih dalam peringkat kajian lanjut di seluruh dunia untuk memastikan hasil yang didapati adalah benar-benar efisien dan sesuai untuk diguna pakai bagi jangka masa panjang dengan yang kos berpatutan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, beberapa isu masih perlu ditangani sebelum teknologi hidrofuel boleh diperluaskan penggunaan secara dikomersialkan dengan jayanya. Antara isu yang dihadapi dan memerlukan kajian mendalam adalah berhubung kait dengan:-

- (i) sistem penyimpanan hidrogen;
- (ii) teknologi pengeluaran dan pengagihan hidrogen yang diperlukan untuk kenderaan hidrofuel;
- (iii) penyediaan piawaian ataupun standard dengan izin dan infrastruktur bagi kenderaan biofuel; dan

- (iv) sistem tujahan elektrik atau *electric propulsion* yang boleh digunakan oleh kedua-dua *fuel cell* dan kenderaan elektrik hibrid.

Tuan Yang di-Pertua, untuk itu MOSTI melalui SIRIM Berhad sedang giat mengkaji penghasilan tenaga elektrik daripada hidrogen bagi aplikasi automotif. Projek yang dikenali sebagai *hydrogen powered engine*, *hydrogen generation* dan *diesel engine efficiency enhancement* memfokuskan kepada pembentukan kepada sistem penyampaian hidrogen, penyimpanan hidrogen dan oksigen untuk penjana elektrik automotif. Ujian prestasi pertama projek tersebut dengan penggunaan enjin yang statik seperti penjana kuasa dan enjin bot nelayan mendapati penggunaan diesel dapat dikurangkan sehingga 25% daripada penggunaan asal bahan bakar tersebut.

Sekiranya berjaya ianya dapat diperluaskan kepada penjana dan penjimatan tenaga secara kecil-kecilan untuk kegunaan perumahan yang menggunakan generator diesel atau cogen. SIRIM juga sedang membuat kajian bersama dengan syarikat swasta bagi menjana hidrogen untuk penggunaan insitu. Ini adalah bagi mengatasi masalah penyimpanan atau *storage* hidrogen yang dijana. Terima kasih.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang memberikan jawapan yang agak panjang. Soalan tambahan saya apakah peranan yang dimainkan oleh kementerian bagi membantu penyelidik-penyelidik ataupun ada syarikat-syarikat di dalam negara ini untuk memajukan hidrofuel ini di dalam negara kita ini supaya ianya dapat lebih dimajukan kerana kita mendapati bahawa negara kita pada ketika ini adalah menjadi negara pengguna sahaja tidak kepada negara pembuat.

■1040

Jadi untuk ke arah ini, apakah yang telah dibantu atau diberikan kepada pengusaha ataupun penyelidik-penyelidik ataupun syarikat-syarikat yang menuju ke arah ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sekijang atas soalan tersebut. Sememangnya dari dahulu sampai sekarang pihak kementerian menyediakan dana-dana yang bersesuaian untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan termasuk dalam sektor penggunaan *hydrofuel* ini. Seperti mana saya katakan tadi kajian-kajian yang dijalankan oleh SIRIM yang saya sebut tadi adalah sebenarnya dengan kerjasama syarikat-syarikat yang telah pun mempunyai perhubungan usaha sama termasuklah sokongan dana daripada pihak kementerian.

Saya ingin sentuh di sini bahawa sebenarnya industri tempatan sendiri pun sudah muncul maju dalam bidang ini dan memberi sumbangan yang luas termasuklah sumbangan di peringkat antarabangsa. Seperti mana kita sedia maklum pada 18 Julai yang lalu, Yang Berhormat Perdana Menteri telah pun melancarkan satu inisiatif untuk penggunaan *hydrofuel*

kepada kereta-kereta tempatan yang dianjurkan oleh Hydrofuel Industries Sdn. Bhd. di mana 30 teksi dan limousin di Klang Valley telah pun dipasang dengan *gadget* ini untuk tujuan kajian selanjutnya.

Jadi dalam soal ini, ini mencerminkan bahawa industri tempatan sebenarnya telah mula muncul dalam perkara ini. Pada masa yang sama dana-dana yang sedia ada juga di situ bagi mereka yang betul-betul mencerminkan minat dan kepakaran dalam bidang ini. Saya harus perbetulkan bahawa bila kita cerita *hydrofuel* ini Tuan Yang di-Pertua, ini bukannya ertinya air itu mengganti *fuel* sebagai kuasa kepada pemanduan kereta. Itu di seluruh dunia belum lagi ada kecuali dalam satu *stage* penyelidikan di Tokyo, Japan.

Akan tetapi konsep yang sebenarnya ialah *fuel* yang sedia ada itu ditambah dengan pemecahan hidrolisis di mana hidrogen dan oksigen itu dipecahkan dan hidrogen itu menjadi tenaga. Tambahan kepada *fuel* dengan itu *combustion* dia lebih efisien dan sekali gus boleh mengurangkan 30% sampai 50% mengikut kajian yang ada dari segi penggunaan *fuel*. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua kita semua tahu *hydrofuel* adalah satu alternatif *fuel* yang terbaru tetapi yang betul-betul lebih praktikal di negara ini adalah penggunaan solar *energy*. Nampaknya kementerian tidak ada polisi-polisi yang serius untuk memberi galakan dan membawa pembaharuan dalam arena ini. Bukan sahaja menggalak penggunaan solar *energy* tetapi betul-betul *harness renewable energy* yang kita dapat dengan *free*.

Saya hairan walaupun saya nampak di beberapa perkampungan Orang Asli menggunakan solar *energy* 30 tahun dahulu tetapi tempat-tempat di bandar belum lagi kerajaan pastikan supaya kita ada alternatif *energy* boleh diberi dengan harga yang murah, dengan sistem yang canggih supaya ia dapat lebih dipergunakan. Saya semalam ada di satu forum di Indian High Commission di Kuala Lumpur di mana menteri berkata di satu negeri di India mereka 100% menggunakan alternatif *energy* tidak gunakan konvensional *energy*. Semalam ada menteri-Menteri juga berada di *function* tersebut, nampaknya menteri berkenaan yang akan menjawab tidak hadir tetapi boleh saya beri sedikit komen berkenaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Apakah tindakan yang diambil supaya kita lebih menggunakan solar *energy* dan alternatif *energy* yang lebih murah dan *renewable* dalam hal ini.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih. Saya sedia maklum mengenai perjumpaan itu tetapi kerana ada komitmen yang lebih awal jadi saya tidak dapat hadir. Namun wakil-wakil kita ada juga mendengar taklimat. Saya ingin perjelaskan tidaklah betul bahawa pihak kementerian seolah-olah tidak ada usaha untuk membangkitkan alternatif *energy sector* khususnya daripada sektor solar *energy*. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya prioriti-

prioriti sektor-sektor utama dari segi penajaan dana daripada MOSTI saat ini sememangnya kita fokus kepada dua sektor utama. Pertama melalui alternatif *energy* dan kedua *biomass utilization*.

Dari segi alternatif *energy* ini satu ialah solar. Saya sendiri berpendapat daripada tenaga-tenaga lain daripada lain daripada *fuel* fosil, harus kita *harness*, dengan izin tenaga daripada awan ini kerana kita berada di tropika dan memang kekayaan kita begitu luas sekali. Namun dalam bidang ini untuk penjelasan Yang Berhormat, teknologi yang sedia ada untuk soal mengeluarkan tenaga solar masih lagi dalam peringkat saya katakan begitu *expensive*, mahal dari segi perolehan.

Jadi dalam soal ini kementerian memberi sokongan seberapa yang boleh kepada badan-badan penyelidik termasuk swasta dan agensi kerajaan yang ingin terus menjalankan R&D dalam pengeluaran *photovoltaic cells* yang lebih murah untuk diperolehi. Dalam hal ini, apa yang disentuh tadi itu beberapa projek sedang ditaja oleh pihak kementerian dalam perkara ini. Selain daripada itu, *energy* alternatif seperti soal *wind energy* seperti *wave energy*, *energy* daripada biomas yang saya katakan tadi adalah antara prioriti sektor yang diberi tumpuan untuk sokongan dana oleh pihak kementerian.

Jadi tidaklah betul mengatakan tidak ada apa-apa yang dijalankan, bahkan kita sentiasa berada dalam tahap memantau seluruh dunia mengenai teknologi yang ada dan beri sokongan kepada pihak pelabur-pelabur swasta dan syarikat-syarikat yang menjalankan penyelidikan untuk disokong oleh kementerian. Terima kasih.

6. Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, kesemua urusan dan kadar bayaran/komisen yang dikenakan ke atas kementerian bagi setiap urusan yang dijalankan oleh Pos Malaysia dan jumlah yang telah dibayar kepada Pos Malaysia bagi perkhidmatan tersebut sejak 5 tahun ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Gajah. Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi tidak membayar sebarang komisen kepada Pos Malaysia Berhad. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah entiti perniagaan, Pos Malaysia Berhad ada mengambil komisen ke atas perkhidmatan yang diberi kepada orang ramai bagi pihak agensi kerajaan dan syarikat-syarikat swasta. Pada masa ini, Pos Malaysia Berhad telah dilantik sebagai agen kutipan kepada 160 agensi.

Jumlah purata pungutan komisen Pos Malaysia Berhad bagi setahun ialah kira-kira RM100 juta untuk lima tahun kebelakangan. Daripada jumlah tersebut:

- (i) RM50 juta atau 50% adalah dikutip daripada transaksi pembayaran utiliti seperti pembayaran bil-bil air, elektrik dan telekomunikasi;
- (ii) dianggarkan RM30 juta atau 30% daripada komisen tersebut ialah daripada Permodalan Nasional Berhad (PNB) bagi urusan Amanah Saham Berhad;

- (iii) RM13 juta atau 13% adalah dikutip daripada urusan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) seperti pembaharuan cukai jalan, pembaharuan lesen memandu dan lain-lain; dan
- (iv) bakinya sebanyak RM7 juta atau 7% dikutip daripada lain-lain syarikat pembekal utiliti seperti Astro dan syarikat-syarikat telekomunikasi.

Terima kasih.

■1050

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih. Jawapan Yang Berhormat awalnya menyatakan bahawa tiada komisen diberi tapi diikuti pula dengan kenyataan bahawa ada diberi tapi oleh agensi-agensi kerajaan. Jadi saya nak tanya, apakah boleh Yang Berhormat memaklumkan Dewan ini apakah sama ada benar bahawa pembayaran rebat tunai yang dikendalikan oleh Pos Malaysia juga turut dibayar komisen dan saya rasa kita semua perlu tahu setiap urusan, berapakah nilai atau jumlah yang dibayar oleh agensi-agensi ini kepada Pos Malaysia. Pada masa yang sama, bagaimana pihak kementerian boleh memantau dan memastikan bahawa dengan penambahan urusan perkhidmatan yang diberikan kepada Pos Malaysia ini, perkhidmatan yang asas yang dijalankan Pos Malaysia ini sentiasa ditambah baik seperti contohnya layanannya, perkhidmatannya dan masa menunggunya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri akan terkejut ada hari biasa, bukan masa diumumkan pembayaran rebat, hari biasa saja, masa menunggu kadang-kadang sehingga 30 orang. Jadi dalam aspek ini, bagaimana pihak kementerian memastikan Pos Malaysia menjalankan tanggungjawab sosial korporatnya. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat atas pertanyaan tambahan. Yang Berhormat harus tahu bahawa ada perbezaannya di antara kerajaan dan agensi kerajaan. Kalau ditanyakan kerajaan memang tidak membayar komisen kepada perkhidmatan yang diberikan oleh Pos Malaysia tetapi agensi-agensi seperti GLC memang ada. Itu perbezaannya. Berkenaan dengan soalan iaitu kualiti perkhidmatan Pos Malaysia, Pos Malaysia memang sentiasa mencari jalan menambah baik perkhidmatannya tetapi ada manusia, maklumlah manusia yang menjalankan tugas dan perkhidmatan itu bukan ianya dapat dikeluarkan semacam robot atau secara automatik. Ada kalanya perkhidmatan itu tidak begitu selesa diterima dan ada kalanya orang yang menerima yang tidak merasa begitu senang. Akan tetapi Pos Malaysia sebagai agensi kerajaan memang sentiasa mencari jalan bagaimana ia dapat menambah baik prestasinya dan kita di kementerian memang memantau perkembangan berkenaan dengan tugas yang bertambah berikutan daripada perkhidmatan yang diserahkan bagi memberi ataupun mengendalikan rebat kepada pemandu yang membaharui lesen memandu atau yang membaharui *road tax*, rebat kepada *road tax*.

Memang ada kecacatan daripada segi pengendalian perkhidmatan tersebut dan kita mengaku ada kalanya pelanggan memang tidak senang hati oleh kerana *quenya* terlalu panjang

dan kerana kita tak dapat menduga berapa ramaikah pelanggan yang akan datang pada tiap-tiap masa. Apa yang boleh kita buat, kita sentiasa mencari jalan bagaimana kita dapat mengendalikan perkhidmatan dan memberi perkhidmatan yang terbaik dan berkenaan dengan berapa banyak ataupun berapakah nisbah yang diberi kepada Pos Malaysia bagi mengendalikan perkhidmatan memberi rebat tunai iaitu masih dalam perundingan di antara Kementerian Kewangan dan Pos Malaysia. Oleh yang demikian, saya tak dapat memberi angka ataupun jumlah yang sudah dibayar kepada Pos Malaysia dan Pos Malaysia pada masa ini masih berunding dan meminta penyelesaiannya kepada jumlah yang tertunggak semenjak April yang lalu. Terima kasih.

7. Datuk Juslie Ajirol [Libaran] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan dalam RMK-9 :-

- (a) berapa kilometerkah jauhnya jalan *gravel* dinaik taraf ke jalan luar bandar di Sabah; dan
- (b) adakah Jalan Dandulit dan Jalan Kg. Padas ke Tanjong Pisau dalam Parlimen Libaran termasuk dalam program kementerian.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Libaran. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Libaran, sehingga kini sepanjang 67.79 kilometer jalan *gravel* telah dinaik taraf kepada jalan aspal. Kementerian ini menyasarkan di bawah RMK-9, sepanjang 359.3 kilometer lagi jalan *gravel* akan dinaik taraf. Mengenai cadangan pelaksanaan Jalan Dandulit dan Jalan Kg. Padas ke Tanjong Pisau, kementerian ini belum menerima permohonan daripada pihak berkuasa Kerajaan Negeri Sabah. Sekiranya permohonan tersebut dikemukakan kelak, kementerian ini akan menyenaraikannya di bawah RMK-10. Terima kasih.

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, selain mekanisme yang ada, tidakkah kementerian melihat dalam beberapa waktu contohnya dua tahun atau tiga tahun dan seterusnya, menurap jalan-jalan utama di seluruh negara di daerah ataupun di kawasan Parlimen. Selain daripada itu, adakah kementerian buat penyelarasan dengan Kementerian Kerja Raya memandangkan Kementerian Kerja Raya mempunyai rekod tentang jalan-jalan utama luar bandar ini, contohnya jalan yang saya sebut dalam soalan saya iaitu Jalan Kg. Dandulit dan juga Jalan Kg. Padas di mana jalan-jalan ini mempunyai penduduk sekitar 15,000 orang ke atas dan ianya mempunyai pusat daerah mengundi lebih kurang 7000 orang pengundi di kawasan ini.

Jadi saya memohon supaya kementerian mungkin sampai masanya, saya percaya kerajaan mempunyai dana yang cukup bagi melaksanakan program jalan luar bandar ini, cuma barangkali sampai masanya kementerian selaku peneraju pembangunan luar bandar mencari

mekanisme yang terbaik bagi melaksanakan jalan-jalan utama di seluruh negara. Jadi minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat dari Libaran. Berkenaan dengan sama ada adakah kementerian KKLW mekanisme yang menyelaraskan jalan mana yang patut dinaik taraf ataupun diturap dengan JKR. Itulah sebabnya kita mengambil ataupun menyuruh kerajaan negeri yang mengumpul maklumat ini dan disalurkan kepada kementerian dan untuk Kementerian Jabatan Kerja Raya juga, sumbernya juga ialah kerajaan negeri. Jadi penyelarassannya ialah di peringkat negeri masing-masing dan bukan di peringkat KKLW ataupun Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ataupun peringkat Kementerian Kerja Raya.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat tadi supaya menurap jalan-jalan utama ini, Yang Berhormat, ada sejarah sedikit berkenaan dengan jumlah ataupun panjangnya jalan yang dapat diturap ataupun dinaik taraf di Sabah pada mulanya dalam RMK-9, peruntukan yang dibagi ialah lebih kurang setengah bilion dan selepas *mid-term review*, ada ditambah setengah bilion lagi.

■1100

Jadi saya yakin lebih banyak lagi jalan raya luar bandar dapat diturap dalam jangka masa RMK-9 ini. Sekian, terima kasih.

8. Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah pihak kerajaan bercadang untuk menubuhkan tabung renti kerja sementara untuk membantu pekerja setelah syarikat gulung tikar dan tiada pampasan diberikan kepada pekerja.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, keperluan untuk menubuhkan satu tabung khas untuk membantu pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan atas pelbagai sebab termasuk syarikat-syarikat yang gulung tikar dan tidak membayar pampasan yang sewajarnya telah menerima perhatian kementerian. Bagi tujuan tersebut, kementerian telah mengadakan beberapa siri perbincangan di pelbagai peringkat termasuk antara rakan sosial iaitu majikan, pihak pekerja. Saya dengan sukacita memaklumkan kepada Dewan bahawa penilaian teliti sedang dilakukan dari segi kadar caruman yang sepatut dibuat oleh majikan dan pekerja serta implikasinya.

Di samping itu, kerajaan pun sedang kaji *sustainability* tabung ini juga perlu secara menyeluruh untuk memastikan ia akan membantu pekerja. Setelah menangani isu-isu ini, kementerian akan meneruskan dengan melaksanakan cadangan penubuhan tabung ini. Terima kasih.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setelah saya meneliti jawapan daripada menteri dengan begitu tekun kerana fenomena krisis ekonomi dunia ini berlaku setiap 10 tahun. Saya berpandangan bahawa bila mana

berlakunya kegawatan ekonomi itu, kaum pekerja akan menjadi penerimaannya atau bahannya. Seperti mana yang berlaku pada 2008 ini dan sebelumnya 1998, kegawatan itu pengakhirnya, mangsanya ialah pekerja. Mengapa tidak kementerian memikirkan setelah berlakunya begitu, mengadakan satu tabung yang dikatakan sebagai bon *investment*. 10% diletakkan di dalam bon itu dan kalau gulung tikar sekalipun seperti yang berlaku di Nikko baru-baru ini..

Saya dimaklumkan di Johor, di Pulau Pinang sudah ada pun operasi dikucupkan dan ini menyebabkan kepada *retrenchment* berlaku dalam masa terdekat. Saya khuatir, saya percaya ratusan ribu pekerja kilang akan menghadapi kemelut *retrenchment* ini. Saya mencadangkan dalam proses ini, Menteri Sumber Manusia memikir kembali di bawah seksyen 25 Akta Pekerja 1955 yang membolehkan majikan dipotong RM1.00, pekerja dipotong RM1.00, kalau dikumpulkan RM11 juta berada dalam proses sebulan RM22 juta, dikumpulkan setahun RM250 juta. Kalau 10 tahun berlaku fenomena krisis ini, tabung ini akan dapat disumbangkan kembali kepada kaum pekerja. Saya percaya bahawa tabungan ini perlu ditubuhkan dengan segera dan saya memohon...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: ...apabila Yang Berhormat Padang Besar bicara terlalu panjang semua orang diam, beri peluang yang sama kepada saya. Ini RM11 juta punya isu. Oleh yang demikian memandangkan krisis kewangan yang melanda Amerika impaknya kepada kita. Soalan saya, bolehkah Menteri Sumber Manusia mencadangkan kepada Menteri Kewangan mengkaji semula cadangan bajet yang dibuat ini sekurang-kurangnya nafas pekerja itu dapat dibela. Sekian.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya akan asaskan jawapan saya kepada soalan pokok iaitu berkenaan dengan penubuhan tabung. Seperti yang saya telah beritahu di dalam jawapan asal saya, kerajaan bersetuju dengan pandangan bahawa sesuatu tabung untuk mengatasi isu yang dihadapi oleh pekerja-pekerja yang ditamatkan kerajaan di mana-mana keadaan termasuk di dalam keadaan kegawatan ekonomi mesti dikawal. Pada kerajaan, walaupun dari segi prinsip kita memberi persetujuan tetapi masa melaksanakan ini mesti dibuat selepas satu kajian yang menyeluruh untuk memastikan berapa caruman yang sepatutnya dibayar dan untuk memastikan keupayaan tabung ini di mana-mana keadaan, termasuk keadaan kegawatan ekonomi atau di dalam keadaan di mana ekonomi baik.

Oleh itu sekarang kementerian saya melalui PERKESO sedang meminta pihak pakar-pakar *actuarial* daripada ILO untuk bantu kita di dalam menjalankan kajian ini dan mereka akan habis kajian mungkin di dalam enam bulan, selepas itu pandangan berasas kepada apa maklumat yang didapati daripada kajian ini, kerajaan akan membuat keputusan dan membuat pelaksanaan. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Selain daripada tabung yang dijalankan, adakah

kementerian juga bercadang memperkenalkan atau mewajibkan insurans atau takaful pampasan bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan akibat daripada syarikat-syarikat atau kilang-kilang yang gulung tikar ini? Selain daripada tabung tadi, ada insurans atau pampasan melalui takaful. Terima kasih.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma boleh bincang tentang apa kewajipan majikan-majikan di bawah undang-undang di bawah kerajaan. Seperti yang di bawah, salah satu daripada kewajipan ialah pembayaran kepada KWSP, satu lagi daripada kewajipan ialah untuk pembayaran kepada SOCSO dan ini ialah perkara ketiga yang kita sedang bincang sekarang iaitu pembayaran kepada satu tabung khas untuk menghadapi isu-isu berkenaan dengan penamatan kerja.

Tentang pembayaran insurans dan sebagainya ini terpulang kepada majikan dan pekerja di mana mereka membuat keputusan, kalau satu-satu majikan mahu membuat satu caruman insurans kepada satu skim khas, itu terpulang kepada majikan dan bergantung pada kesukarelawan majikan untuk membuat bayaran kepada skim-skim tersebut. Terima kasih.

9. Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah program-program yang diperkenalkan oleh kementerian untuk membantu pelajar-pelajar yang berprestasi rendah dalam mencapai Penilaian Menengah Rendah yang kurang berminat dalam bidang akademik supaya mereka terus berada dalam sistem pendidikan negara.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada memperkenalkan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di sekolah harian biasa, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperluaskan aliran kemahiran dan vokasional di 69 buah Sekolah Menengah Teknik (SMT) bagi memberi peluang pembelajaran kepada murid lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang lebih cenderung dalam bidang kemahiran dan vokasional. Tiga aliran khusus di SMT adalah bagi menyediakan pendidikan kepada pelajar berdasarkan kategori pencapaian iaitu aliran teknikal untuk pelajar-pelajar yang berprestasi tinggi, aliran vokasional untuk pelajar berprestasi sederhana dan aliran kemahiran untuk pelajar-pelajar yang berprestasi rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif bagi ketiga-tiga aliran tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Aliran Teknikal - memberi pendidikan asas dalam bidang sains dan teknologi kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan terhadap bidang tersebut dan mengekalkan minat serta kecenderungan ini supaya membolehkan mereka melanjutkan pelajaran dalam bidang berkaitan di institusi pengajian tinggi kelak;
- (ii) Aliran Vokasional - menyediakan pelajar untuk menceburkan diri dalam bidang pekerjaan, pada masa yang sama bagi pelajar lepasan

vokasional yang cemerlang, mereka turut berpeluang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang berkaitan di institut pengajian yang lebih tinggi;

- (iii) Aliran kemahiran - memberikan latihan dan kemahiran kepada pelajar bersesuaian dengan pekerjaan yang memerlukan kemahiran di sektor perindustrian, pertanian dan sektor-sektor yang berkaitan.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan jawapan yang panjang lebar. Cuma saya ingin bertanya, soalan tambahan saya, berkenaan dengan pelajar-pelajar yang berprestasi rendah dalam PMR ini, kalau tidak disediakan pendidikan berunsur kemahiran, kemungkinan mereka ini akan tercicir dan dengan memperkenalkan mata pelajaran MPV, memberi ruang kepada mereka untuk meneruskan pelajaran, tetapi sejak akhir-akhir ini saya dapati bahawa pelajar-pelajar yang berprestasi baik pun mula berminat untuk mengikuti kursus begini, menyebabkan tempat untuk anak-anak kita ini menjadi berkurangan.

■1410

Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk merancang satu Program MPV secara menyeluruh yang memberi ruang yang lebih luas kepada anak-anak kita untuk mengikuti mata pelajaran MPV ini.

Yang Keduaanya, bagaimana pula dengan kedudukan dan keperluan guru? Oleh sebab saya dapati bahawa guru-guru yang terlibat dengan mata pelajaran MPV ini menghadapi masalah kerana kekurangan guru-guru tersebut menyebabkan mereka terpaksa kekal di beberapa buah sekolah untuk jangka masa yang begitu lama. Sekian, terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat, di atas soalan yang ditanya. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, sebenarnya Kementerian Pelajaran Malaysia telah membuat tiga kategori dan kita melihat prestasi pelajar itu sendiri. Kalau seseorang itu mempunyai pencapaian akademik yang baik, bermakna dia akan masuk kepada aliran sekolah teknik. Selepas itu setelah kita melihat pelajar-pelajar yang mendapat pencapaian yang sederhana, maka kita akan menetapkan pelajar ini masuk ke aliran vokasional. Bukan sahaja mereka menduduki peperiksaan SPM, mereka juga diberi sijil modular.

Untuk pelajar-pelajar yang dianggap lemah, maka kita menyediakan satu lagi latihan kemahiran dan kita juga melihat dari segi kemahiran dan kita telah bekerjasama dengan pihak-pihak berwajib untuk kita berikan sijil kemahiran tahap satu dan tahap dua. Maka, secara ringkasnya ingin saya nyatakan tiga jenis aliran yang saya katakan itu adalah secara khas diwujudkan.

Pada waktu yang sama juga, kita ada sekolah harian biasa yang mana kita juga memperkenalkan mata pelajaran MPV. Setakat ini kita ada 44,276 murid sejak 2002 yang telah menamatkan salah satu pelajaran yang ditawarkan di sekolah menengah harian yang mata pelajaran yang ditawarkan termasuklah pembinaan domestik, membuat perabot dan macam-

macam lagi dari segi pendawaian domestik, multi servis automatif, penyaman udara dan sebagainya.

Saya ada senarai yang boleh saya bekalkan di mana 22 kursus ini kita hendak memastikan kecenderungan pelajar itu, juga kita dapat mencungkil bakat mereka dan mereka boleh gunakan sebaiknya apabila mereka menceburi dalam bidang perniagaan ataupun kerjaya. Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya yang berkisar sekitar revolusi pendidikan yang sepatutnya mengambil kira pemikiran-pemikiran yang di luar kerangka dan kotak pemikiran lama yang melihat dan menghukum pelajar-pelajar dengan *assessment* yang lebih tertumpu pada *critical intelligence*.

Sesuai dengan edaran ataupun evolusi pemikiran yang mengambil kira tujuh domain *intelligent* termasuklah *kinesthetic* ataupun yang bersifat *locomotor*. Apakah kementerian bersedia untuk lebih mengawalkan lagi daripada tunggu mereka tercicir di peringkat PMR supaya dilakukan *streaming* itu dalam peringkat rendah, sekolah rendah atau lebih awal daripada itu yang akan meletakkan mereka itu kena dan sesuai dengan *intelligent* yang mereka ada. Tidak menghukum mereka tatkala mereka gagal sama ada di UPSR mahupun di PMR kerana kita mengikut statistik kementerian sendiri keciciran itu adalah agak tinggi.

Apakah boleh kiranya kementerian mengambil peredaran, pemikiran pendidikan hari ini yang lebih bersifat holistik dan *integrated* daripada apa yang saya maksudkan tadi, tujuh *domain intelligent* yang saya andaikan Yang Berhormat Timbalan Menteri faham. Dari apa yang dikemukakan. Ini bukan perkara baru, Profesor 'Howard' sudah dua dekad.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Jadi, jangan tunggu mereka tercicir.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Soalan?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Soalannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dua kali tanya dah Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sampai dah itu, Dua kali tanya dah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Soalannya, apakah kementerian bersedia untuk melakukan *streaming* pada peringkat awal supaya mereka tidak tercicir dan terus tercicir kerana *safety* nya adalah agak tinggi. Sekian, terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, Kementerian Pelajaran Malaysia sedang dalam rangka kita membuat transformasi dari segi pendidikan. Kita juga melihat perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat termasuk dari segi *creative thinking* dan kita membuat *streaming* pada peringkat yang lebih awal.

Salah satu pendekatan yang digunakan adalah kita telah memperkenalkan *aptitude test* dan kita hendak melihat kecenderungan pelajar itu sejak awal lagi bagaimana pelajar itu dapat kita melihat dari segi bakatnya.

Keduanya, kalau kita melihat. Yang Berhormat mengatakan selepas seseorang itu gagal dalam UPSR atau PMR, sebenarnya dalam sistem pendidikan kita tidak ada yang kata gagal dalam UPSR dan kita lihat dari segi kecenderungan seseorang itu dan mungkin kita akan memperluaskan lagi mata pelajaran MPV. Pada sekolah-sekolah, kalau melihat kekangan ataupun kemampuan kewangan yang ada, saya rasa mungkin kita memperluaskan lagi, banyak sekolah lagi dan kita memperkenalkan dari segi aliran vokasional itu yang ianya boleh diaplikasikan apabila mereka menceburi dalam bidang yang mereka cenderung itu. Terima kasih.

10. Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat] minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana perkembangan Pembangunan Koridor Timur (ECER) sehingga kini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Amirsham A. Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 106 program dan projek bagi Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau ECER diperakukan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 78 projek akan dan telah dimulakan dalam tahun 2008 dengan peruntukan berjumlah RM30 juta telah disalurkan kepada Majlis Pembangunan Pantai Timur atau ECERDC.

Beberapa program dan projek telah pun dimulakan khususnya bagi menyediakan kemudahan infrastruktur asas yang diperlukan bagi menarik pelaburan di ECER. Ini termasuklah:

- (i) kajian penyediaan tapak dan infrastruktur asas Projek Kelompok Industri Plastik Kerteh dan Taman Industri Produk Halal Gambang;
- (ii) kajian perincian pelaksanaan Projek Kelompok Pengeluaran dan Pemprosesan Lembu, Projek Taman Pertanian Kekal Buah-buahan Lanchang di Temerloh, Projek Agropolitan KESEDAR, Gua Musang di Kelantan Selatan dan Projek Kelompok Pengeluaran dan Pemprosesan Kambing yang telah pun disiapkan;
- (iii) Projek Industri Kenaf di Bachok Kelantan yang telah dilancarkan pada 22 Ogos tahun ini; dan
- (iv) pelancaran 12 pusat kecemerlangan di universiti berkaitan di Pantai Timur pada 14 Jun.

Tuan Yang di-Pertua, program dan projek yang dilaksanakan akan memberi banyak faedah kepada penduduk dan kawasan setempat. Projek Industri Kenaf contohnya, akan memberi manfaat kepada seramai 27 petani tempatan. Program ini akan diperluaskan ke

beberapa kawasan lain. Antaranya, Pasir Puteh, Pengkalan Chepa dan Setiu yang melibatkan lebih ramai peserta.

Pelaksanaan Projek Agropolitan di Gua Musang dan Kelantan Utara di Kelantan, Setiu dan Besut di Terengganu dan Pekan di Pahang pula bertujuan untuk mengurangkan kadar kemiskinan penduduk setempat Projek Agropolitan di Gua Musang contohnya akan memberi manfaat kepada kira-kira 3,500 peserta di kalangan miskin tegar.

Kerajaan percaya dengan adanya lebih banyak peluang pekerjaan atau perniagaan yang diwujudkan hasil program atau projek yang dilancarkan akan memberi lebih banyak faedah kepada penduduk pendapatan terutamanya dari segi peningkatan pendapatan dan kualiti hidup mereka ke tahap yang lebih baik. Terima kasih.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang kita maklum, ECER ini peneraju utamanya Petronas maka dengan sebab itu kita mengharapkan bahawa sebahagian besar daripada projek-projek adalah berkaitan dengan industri minyak dan gas. Namun, nampak jelas sekali daripada apa yang kita dengar setelah lebih kurang dua tahun dilancarkan.

■1120

Pertamanya hanya RM30 juta yang disebut telah dibelanjakan dan yang diumumkan peruntukannya. Dan yang diumumkan tadi ialah kajian, kajian, kajian semata-mata. Ini saya fikir amat-amat membimbangkan dan mengecewakan rakyat saya di Pasir Puteh dan rakyat Kelantan dan Terengganu dan Pahang yang lainnya.

Kita mengharapkan sebagaimana kita dengar Tuan Yang di-Pertua dalam akhbar hari ini. Misalnya projek yang ada yang tidak sebesar mana Jambatan Sultan Yahya Kedua sudah lebih daripada 13 bulan dilancarkan. Projeknya untuk 30 bulan dilaksanakan, tidak sampai 10% dilaksanakan sebagaimana diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dalam akhbar hari ini. Jadi ini adalah kegagalan-kegagalan yang jelas.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, oleh sebab Petronas lah peneraju utamanya. Adakah tidak Petronas bercadang untuk mewujudkan apa yang dipanggil *supply based* sama ada di Bachok atau di Pasir Puteh atau di Tumpat untuk menyelenggarakan pencarian, penemuan, penggalian dan pengeluaran minyak dan gas yang banyak terdapat di pesisir lautan negeri Kelantan dan Terengganu itu. Terima kasih.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Pelancaran ECER adalah pelancaran yang baru, bukanlah pelancaran yang telah dijalankan selama dua tahun. Ia bermula daripada pertengahan tahun 2008 ini. Memang betul peneraju ECER ini ialah Petronas. Banyak sekarang ini masih di peringkat perundingan untuk mendapatkan pelabur-pelabur dari sektor pembuatan termasuk sektor minyak dan petrol *chemical*.

Kita sekarang dalam pelaburan yang telah di komited, yang telah di *commit* oleh satu-satu sektor swasta termasuk Petronas adalah RM141.9 juta. Ini adalah fasa-fasa yang akan

dijalankan daripada tahun ini sehingga ke tahun depan. Projek-projek Petronas yang telah dikenal pasti ialah projek Petronas Polimer Teknologi Center, akan dijalankan. Itu pelaburan sebanyak RM50 juta dari Petronas dan banyak lagi industri-industri plastik dan daripada industri kayu dan fiber akan dijalankan. Ini termasuk dalam anggaran RM141.9 juta pelaburan yang akan datang ke ECER termasuk Kelantan juga. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pembangunan koridor timur di Semenanjung, Sabah Development Corridor di Sabah. Sabah Development Corridor ini dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dua tahun dulu tetapi sampai sekarang saya tidak nampak satu pasir pun yang bergerak. *[Dewan tepuk]*

Satu pasir pun kita tidak nampak. Kenapa ini dilalaikan? Mungkin kerana waktu itu kita bagi manisan-manisan sahaja kepada Sabah kerana pilihan raya datang. *[Dewan tepuk]* Janji bagi RM5 bilion, saya mahu tahu RM5 bilion itu sudah dibagi atau belum dibagi? Itu pertama. *[Disampuk]* Akan dibagi, belum dibagi atau tidak dibagi?

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, peneraju utama di koridor Semenanjung ini ialah Petronas. Di Sabah, peneraju ialah syarikat-syarikat kerajaan negeri yang tidak ada kewangan. Jadi di mana kita nampak perbezaan ini? Di sini Petronas, di Sabah, syarikat-syarikat kerajaan negeri? Di mana keadilan?

Beberapa Ahli: Sana, sana. *[Ketawa]*

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Saya bukan cakap parti. *[Dewan riuh]* Keadilan daripada kata yang sebenar Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita minta Sabah ...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Itu Keadilan sedang berangan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: ... kita minta, Sabah tidak mahu manisan-manisan sahaja. Kita mahu betul-betul dibagi, kalau ada bagi, bagi. Kalau tidak ada bagi, beritahu tidak bagi. Lagi satu Tuan Yang di-Pertua ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dah banyak itu Yang Berhormat, tiga soalan itu.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Tak apalah, ini peluang sekali-sekala, bukan berkali-kali kan. Jadi satu lagi Tuan Yang di-Pertua, bila Yang Amat Berhormat pergi Sabah, dia umum berbilion-bilion projek tambahan, sudah dibagi ke ini? Sudah dibagi ke ini? Saya nampak dalam bajet pun tidak ada. Jadi apa macam? Ini kita minta mungkin Menteri Jabatan Perdana Menteri minta penjelasan.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan asas ialah berkenaan ECER. Jadi saya pilih tidak menjawab soalan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, saya jemput Yang Berhormat Ir. Haji Hamim bin Samuri.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta soalan tambahan sikit, pendek sahaja?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Menteri Pertanian boleh jawab, Menteri Pertanian?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak bolehlah Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Mengenai koridor timur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak adil. *[Ketawa]* Ini tidak adil, sepatutnya Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada sedia dalam kepala semua jawapan koridor. *[Dewan riuh]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Must be hands on.*

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Kalau begini tidak layak duduk di Jabatan Perdana Menteri. *[Dewan tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Menteri tidak salah dari segi peraturan mesyuarat kerana soalan tambahan itu haruslah berkaitan dengan soalan asal. Jadi isu yang dibawa itu bolehlah dibawa dalam perbincangan bajet kelak.

11. Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan berapakah jumlah kekurangan/kelebihan tenaga mengikut sektor-sektor seperti elektrik dan bahan api dalam negara dan apakah unjuran keperluan tenaga dalam negara. Adakah tenaga nuklear adalah pilihan terakhir negara.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Ledang, pada masa ini rizab tenaga atau rizab margin bagi sektor elektrik adalah seperti berikut;

(i)	Semenanjung Malaysia	-	41%
(ii)	Sabah	-	16.7%
(iii)	Sarawak	-	16.3%

Perbezaan rizab margin ini adalah disebabkan perbezaan pada liputan bekalan elektrik serta daya harap di kawasan-kawasan tersebut di mana liputan bekalan elektrik dan kapasiti penjanaan boleh harap atau *dependable capacity* di Sabah dan Sarawak adalah lebih rendah berbanding di Semenanjung Malaysia.

Campuran penjanaan mengikut bahan api bagi sektor tenaga di Semenanjung Malaysia bagi tahun 2008 adalah seperti berikut;

(i)	Gas	-	64.2%
(ii)	Arang batu	-	28.5%
(iii)	Hidro	-	7.1%
(iv)	Lain-lain	-	0.2%

Bagi negeri Sabah pula, campuran penjanaan mengikut bahan api bagi sektor tenaga pada tahun 2008 adalah seperti berikut;

(i)	Diesel	-	56%
(ii)	Gas	-	36%
(iii)	Hidro	-	7%
(iv)	Tenaga boleh diperbaharui	-	1%

Bagi negeri Sarawak, campuran penjanaan mengikut bahan api bagi sektor tenaga pada tahun 2008 adalah seperti berikut;

(i)	Gas	-	56.3%
(ii)	Hidro	-	9.8%
(iii)	Diesel	-	6.6%
(iv)	Lain-lain termasuk arang batu	-	27.3%

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, unjuran pertumbuhan permintaan bagi sektor elektrik di Semenanjung Malaysia secara puratanya adalah sebanyak 4% setahun di mana pada tahun 2020 unjuran permintaan tenaga elektrik dianggarkan berada pada 23,099 megawatt.

■1130

Manakala bagi negeri Sabah, unjuran pertumbuhan permintaan tenaga elektrik bagi negeri tersebut secara purata adalah sebanyak 8% hingga 9% setahun di mana pada tahun 2015, unjuran pertumbuhan permintaan dijangka berada pada tahap 1,017 mega watt. Unjuran pertumbuhan permintaan bagi negeri Sarawak pula adalah sebanyak 4.9% setahun dan unjuran permintaan tenaga elektrik pada tahun 2015 dijangka akan berada pada 2,509 mega watt.

Tuan Yang di-Pertua, tenaga nuklear merupakan satu daripada alternatif sumber tenaga baru bagi penjanaan elektrik. Memandangkan penggunaan tenaga ini melibatkan pertimbangan dasar kerajaan dan akan memberikan kesan jangka panjang, kementerian ini dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan lain sedang mengkaji keupayaan negara untuk melaksanakan tenaga nuklear sebagai satu pilihan. Langkah ini adalah perlu dalam memastikan keselamatan

pembekalan tenaga terjamin tanpa mengabaikan aspek-aspek lain seperti keselamatan awam dan perlindungan alam sekitar. Sehubungan itu, keputusan ke atas cadangan penggunaan tenaga nuklear di Malaysia hanya akan dibuat selepas satu kajian menyeluruh mengenai penggunaan tenaga nuklear ini selesai dilaksanakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, tamatlah pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (PINDAAN) 2008

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kewangan II [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2009****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2009**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2009 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh tiga bilion tujuh ratus dua puluh sembilan juta satu ratus empat puluh lima juta ringgit (RM53,729,145,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2009, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2009, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 Tahun 2008, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.” **[13 Oktober 2009]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dijemput Yang Berhormat Permatang Pauh untuk menyambung perbahasan.

11.33 pg.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin mengambil kesempatan ini merumuskan perbahasan dan semalam saya telah minta Yang Berhormat Menteri Kewangan memberikan pertimbangan segera berdasarkan unjuran yang tidak boleh diguna pakai lagi dan saya lihat kehadiran Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, saya ingin memberi laluan kalau beliau memberikan penjelasan bahawa angka, data dan unjuran yang diberikan dalam ucapan belanjawan menteri sebulan setengah yang lalu sudah tidak boleh diterima pakai dan memandangkan krisis yang melanda menuntut suatu pendedahan, perubahan, pindaan baru. Tuan Yang di-Pertua, saya sedia beri laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak melihat keperluan pada peringkat ini, Yang Berhormat. Teruskan ya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih. Rumusannya, saya hanya ingin menyebut begini bahawa ini soal nasional, soal yang mendesak bagi negara kita dan ia tidak menjadi suatu hujah pertikaian politik berbeza. Saya berikan contoh semalam tentang

pendapatan minyak mengikut unjuran 2009 iaitu RM76 bilion. Kalau kita lihat harga di pasaran dunia sekarang, kita terpaksa tolak RM25 bilion daripada unjuran tersebut. Maknanya pendapatan kerajaan untuk tahun 2009 dari minyak saja tidak termasuk kelapa sawit, getah dan lain akan terus berkurangan.

Saya harap sebelum berakhir belanjawan ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan akan peka dengan permasalahan ini. Tidak ada makna untuk kita gunakan media untuk memperlekehkan hujah kita seperti yang dilakukan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dengan kerjasama RTM semalam. Kita telah mengemukakan hujah dan kita minta dibahaskan secara sopan dan beradab dan tidak biadab. *[Tepuk]*

Kepada mereka saya ingin sebut Tuan Yang di-Pertua, ribut angin ribut, bahtera terangan siap, kata bersabut, gayung berjawab. Kalau dia faham boleh. Lima belas tahun yang lalu saya gunakan Dewan ini untuk menimba pengalaman Nabi Allah Yusoff a.s. dalam Al-Quran, bahawa tujuh tahun subur tidak harus menyebabkan kita sombong, angkuh, takbur dan boros. Ini seperti mana juga disebut dalam kisah dalam *Joseph in the bible, seven fat years* sebagai persiapan untuk menghadapi tujuh tahun gersang berikutnya. Sebab itu, pengalaman ini harus mengajar kita dan beberapa tindakan kita dalam kerangka perbelanjaan kewangan dan fiskal harus merujuk kepada ini.

Kalau saya ambil iktibar dari pandangan tokoh-tokoh silam, Cicero empat ribu tahun yang lalu, dalam membahaskan bajet di Rom menyebut di antara lain dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the budget should be balanced, public debt should be reduced, the arrogance of officialdom should be tempered, less Rome became bankrupt.*

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua juga mempunyai rekod sebagai tokoh dan pakar ekonomi. Dalam *basic* fahaman kita tentang ekonomi walaupun merujuk Adam Smith, mengurus ekonomi negara Tuan Yang di-Pertua, tidak lebih dari pengalaman mengurus ekonomi rumah tangga. Kalau perbelanjaannya kita tahu pendapatannya itu RM1 ribu, kita kata RM2 ribu, samalah macam unjuran belanjawan tahun ini. Pendapatan kita akan jauh lebih kurang tetapi kita masih dalam *state of the denial* mengatakan pendapatan kita tidak tepat dan tidak akan berubah. Besar dari unjuran yang dilakukan sebelumnya. Saya tidak bermaksud ulang begitu hal-hal yang sedemikian yang saya telah sebut semalam. Akan tetapi berdasarkan maklumat yang diberikan, ia ada kesan pendapatan negara. Belanjawan yang disebut untuk kementerian-kementerian, defisit yang difikirkan.

Kesan kepada permasalahan rakyat terutamanya rakyat miskin, harga barang yang akan melambung tinggi dan pengangguran yang akan bertambah. Isu ini selain daripada yang disebut isu *governance, massive corruption*, itu tidak diberikan perhatian dalam belanjawan. Oleh yang demikian, kita tidak ada pilihan melainkan menolak belanjawan yang dicadangkan oleh bekas Menteri Kewangan. *[Tepuk]*

Saya ingin merumuskan. Pertama, kita bicara soal liberalisasi ekonomi yang harus dipercepatkan. Tanpa kekuatan daya saing, kita akan menjunam ke bawah. Saya sebut *foreign direct investments* dengan izin, pelaburan asing mengikut kajian UNCTAD, jatuh ke tahap 71 dari tahap 10/45 sepuluh tahun yang lalu. Apakah langkah-langkah yang harus kita lakukan untuk memulihkan semula daya saing kita? Kos memulakan perniagaan, masa yang diperuntukkan untuk mendapat kelulusan perniagaan, semua itu kita masih di tahap yang amat lemah. Dasar kita masih terikat dengan keluarga dan kenalan kita.

Ada syarikat besar yang datang bukan prestasi, bukan unjuran, bukan keupayaan tetapi keluarga menteri mana, anak menteri mana, menantu menteri mana yang dia kenal, yang akan mempercepatkan proses sedemikian. Tanpa ketelusan ini, kita tidak dapat menarik minat pelabur dan meningkatkan daya saing negara kita.

■1140

Ada dibicarakan tentang pelaburan besar dalam bidang pendidikan yang kita juga sentuh. Hal kedua ini pendidikan terikat dengan keupayaan kita mengangkat tokoh-tokoh akademik yang berwibawa, mempertahankan penguasaan bahasa Melayu, bahasa kebangsaan dengan cukup baik dan mantap di negara kita, memulakan satu pendekatan yang lebih realistik, tidak berdegil untuk mempertahankan satu pendekatan yang sudah usang yang terbukti melemahkan terutama pelajar-pelajar luar bandar, pelajar-pelajar Melayu dan bumiputera lainnya. Ini kerana kedegilan meneruskan program pendidikan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran matematik dan sains. Saya tekankan semalam bahawa saya berpendapat wajar kita berikan penekanan kepada penguasaan bahasa Inggeris yang lebih baik terutama peringkat menengah dan tinggi tetapi tidak pendekatan politik. Ia harus pendekatan yang berdasarkan input dari pakar akademik sendiri.

Ketiga, pelaburan infrastruktur awam yang disebut dalam ucapan belanjawan tidak harus memberikan keutamaan kepada kepentingan syarikat keluarga dan kroni. Ia tidak akan memberikan manfaat kepada negara sekiranya pendekatannya itu tidak telus, tidak melalui tender terbuka sepertimana contoh kita berikan yang dilakukan oleh Menteri Kewangan sekarang dengan kelulusan projek *broadband*. Kita dengan sendirinya menambah RM2.4 bilion tanggungan semata-mata kerana tidak sabarnya Menteri Kewangan sekarang hendak meluluskan projek dan tidak sedia tunggu dua minggu untuk mengurangkan kos tersebut.

Di Asia, mengikut CEIC Data Company Ltd, perbelanjaan mengurus Malaysia di antara yang tertinggi. Perbelanjaan mengurus Taiwan; 14%, Hong Kong; 13.1%, Singapura; 10.1%, dan Malaysia; 21%. Perbelanjaan mengurus ini boleh dipertahankan kalau kita dapat jamin tidak ada ketirisan, kebocoran dan benar-benar cekap dalam urusan. Kalau mahu tau cekap atau tidak, tulis sahaja surat kepada Perdana Menteri dan tidak berjawab selama enam bulan.

Akan tetapi kalau ada projek yang besar, tulis kepada Menteri Kewangan dan dia akan lihat siapa yang boleh runding untuk mempercepatkan kelulusan. Kita juga tekankan soal

kebocoran lain yang berkait dengan beberapa peraturan lama yang tidak sanggup diubah. AP dibahaskan puluhan tahun. Menteri Perdagangan silih berganti, tidak sanggup ubah AP itu supaya lebih telus. Kalau ada tender terbuka, unjuran pendapatan bagi negara dari AP sahaja RM1.75 bilion berdasarkan 70 ribu AP yang diberikan setahun.

Tuan Yang di-Pertua, siapa yang dapat AP? Ini beberapa kawan, sahabat handai dan kroni dan beberapa pimpinan UMNO pilihan. Yang lain tukang sorak dan tukang pertahankan termasuklah dari Batu Pahat. Ini sebabnya mengapa semalam saya syorkan wujudnya suruhanjaya anti-monopoli.

Monopoli AP, monopoli FOMEMA, monopoli PUSPAKOM, monopoli semuanya. Menyebabkan kos meningkat, tanggungan kepada pengguna itu juga meningkat. Pendekatan kita dalam program perubahan dan perencanaan yang dibuat oleh Pakatan Rakyat tentunya akan menghentikan pendekatan yang memberikan pilihan khas tanpa persaingan terbuka... [Tepuk] Kalau kita lihat sebagai contoh soal pengurusan kerajaan yang saya sebutkan tadi, melihat kepada Laporan Ketua Audit Negara, berbilion ringgit tiris dan bocor. Kalau kita tambah dengan kajian Morgan Stanley, ratusan bilion hilang, bocor, tiris, rasuah selama puluhan tahun. PEMUDAH mengesahkan RM10 bilion tiris, bocor, rasuah satu tahun. Sebutlah di depan menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, mereka senyum angguk, perubahan tidak akan berlaku. Sebab itu saya hendak ajak Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada kepekaan dan keprihatinan dalam soal ini termasuk Menteri Kewangan Kedua untuk menyeberang segera untuk menyelamatkan negara kita... [Tepuk] Saya beri contoh pelaburan yang mempunyai kepentingan. Ada kalangan tertentu mempunyai kepentingan.

Pelaburan kepada satu syarikat Amerika membuat satu pesawat kecil. Pelaburan RM500 juta, pulangan RM25 juta. Ini disebut dalam laporan Ketua Audit Negara. Bukan sahaja soal perkara besar-besar Tuan Yang di-Pertua, ini baka lembu pun hilang bukan main banyak. Baka lembu hendak tolong rakyat ini. Orang Melayu, orang Bajau, kita senasiblah Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu kita harus bersama dengan cara mana pun. Peruntukan baka lembu, sudah ambil, sudah sapu yang besar-besar ini sudah tidak terfikir dah, berbilion projek Eurocopter, kapal selam yang selam terlepas, yang terbang terlepas. Saya ingat setakat itu yang besar, lembu pun terlepas. Baka lembu, *order* nya yang dibayar 2,500 baka lembu, tetapi yang dapat sembilan. Belanja RM3.19 juta. Menteri Kewangan Kedua, macam manalah nasib negara kita ini?

Tidak payah, saya tidak minta dia jawab. Saya minta dia seberang. Khidmat Negara, ini yang Menteri Kewangan sekarang ini bukan main hebat. Mati kah, kena pukul kah, tidak ada kisah. Yang dia kisah, projek jalan. *National Service*, Khidmat Negara *sign* operator tertentu, pilih mana-mana pemimpin-pemimpin UMNO yang bakal menyokong.

Kalau ada mana-mana fikir-fikir hendak pilih Gua Musang, cepat-cepat dapat projek baru, dia terbalik lagi. Jadi akhirnya rugi tiga tahun dari projek Khidmat Negara Tuan Yang di-Pertua.

Lembu pun hilang, Khidmat Negara pun satu lagi. Berapa? RM110.1 juta hilang termasuk selain daripada RM41.12 juta pakaian, topi, kasut yang mutunya yang amat rendah tidak sama dengan di order.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Batu Pahat, jawab!

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Batu Pahat kalau macam ini, mungkin semalam dia terfikir tapi dengan maklumat baru, saya ingat dia pun terpaksa menyeberang kerana tidak ada pilihan sama sekali... [Ketawa]

■1150

[Tepuk][Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, ini yang kita sebut akhirnya kita fikir ini, membahaskan. Bukan soal data, bukan soal belanjawan ikut teori ekonomi untuk dapat diputar. Ini soal keselamatan negara dan nasib rakyat di bawah. Tuan Yang di-Pertua, harga barang meningkat besar, mendadak. Pendapatan tidak bertambah tetapi apakah tumpuan dan penekanan yang dilakukan oleh Menteri Kewangan dahulu dan sekarang? Projek besar, tanya mereka isu. Kalau sudah orang resah seperti mana yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat Kalabakan tadi, kalau orang Sabah resah beri sedikit, kalau tidak janji bilion-bilion yang sampai belum tetapi kalau bilion kalau kontrak yang ada komisen cepat diluluskan, bilion untuk rakyat tidak sampai ke mana.

Sebab itu saya ingin tekankan Tuan Yang di-Pertua bahawa berdasarkan fakta ini, kita bukan sahaja menolak, tetapi mendesak satu perubahan segera. Saya sebut semalam bahawa Menteri Kewangan Yang Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dalam pendekatannya itu paling banyak mendirikan kemudahan dan bantuan-bantuan kecil kepada rakyat di bawah tetapi tidak telus. Semua kajian dan analisis kewangan ekonomi di antara lain penurunan harga minyak berdasarkan harga sekarang jauh lebih baik daripada membelanjakan berpuluh bilion dari subsidi yang diagih melalui syarikat-syarikat tertentu.

Dalam debat dengan Menteri Penerangan, saya sebut bagaimana tiris satu bilion subsidi diesel itu hendak diselamatkan melalui pemilihan satu syarikat kroni untuk bantu membuang tiris. Perkara ini tidak diperbetulkan. Soalan mengenai IPP tadi kelebihan tenaga tidak terjawab. Kesenjangan jurang di antara kaya miskin yang disebut *Gini-coefficient*. Bayangkan Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dari segi kesenjangan itu lebih parah dari Indonesia dan Thailand dan kita bangga dengan semua dasar nak bantu rakyat miskin terutama Melayu dan bumiputera. Dan orang Melayu dengan propaganda media diyakinkan tidak ada jalan lain melainkan menyokong pimpinan yang ada kerana itu sahaja jaminan keselamatan mereka. Kenyataannya bercanggah iaitu orang Melayu dan bumiputera tidak mendapat jaminan.

Yang dapat itu pemimpin-pemimpin di atas yang kaya raya dan kekayaan mereka itu lebih daripada puluhan atau ratusan juta. *Gini-coefficient* - kalau kita pilih kaedah perbezaan mengikut *Gini-coefficient* ini, kita di Asia ini, Malaysia di tahap yang paling bawah, paling rendah, yang bawah dari Malaysia ada Tuan Yang di-Pertua, Papua New Guenea... [Tepuk] [Ketawa]

Tentu kalau di Kuala Lumpur, orang anggap ini tidak munasabah. Tetapi kalau kita lihat kawasan pedalaman, kawasan miskin termasuk negeri pengeluar minyak Terengganu, di Sabah kawasan pedalaman, di Sarawak Bidayuh termasuk Melanau juga, orang Bajau di pedalaman kita kalau lihat sendiri dengan mata dan mata hati Tuan Yang di-Pertua, ada beza. Masalah pimpinan politik ini hidup dalam suatu khayalan.

Sambutannya hebat, tepukan gemuruh, permaidani merah terbentang, makanan enak. Melawat kawasan miskin pun dilayan begitu rupa. Dia tidak akan merasai perit derita orang miskin. Menteri Kewangan sekarang bicara, paling sedikit dalam soal *governments* dan soal kemiskinan, sebab itu kalau kita hendak buat kajian dan andaian tentang masalah kemiskinan dan keperluan hidup, jangan kita hanya belek di hadapan. Sekitar Parlimen dan kawasan ningrat dan korporat.

Sebab itu saya ingin menekankan Tuan Yang di-Pertua, asas indeks kemiskinan di Malaysia ini pun harus dirombak. Kerana CPI yang dibuat ataupun berdasarkan PLI iaitu *Poverty Line Index* ini kita gunakan PLI India yang amat basis sekali. Makan, minum pakaian tetapi kalau kita lihat CPI sebenarnya terutama kalangan yang hidup di bawah garis kemiskinan, kemiskinan tegar di semenanjung di beberapa negeri kawasan pedalaman Kedah, Terengganu dan Pahang dan lebih parah di Sabah dan Sarawak.

Sebab itu penyelesaian kita berbeza dengan penyelesaian Barisan Nasional. Kita kata harga minyak turun, biar cepat. Terutama dengan kadar harga sekarang. Dia dengan sendirinya meringankan beban dan dapat membantu meningkatkan produktiviti kerana kos pengeluarannya rendah. Jadi dapat menyelesaikan dengan satu pendekatan dua kaedah, pertama ia menyelesaikan beban rakyat miskin. Kedua, ia menjadi pemangkin kepada produktiviti bertambah di kalangan peniaga-peniaga terutama dengan daya saing kita yang sudah merosot. Seterusnya dengan menjamin royalti bagi negeri-negeri pengeluar minyak iaitu Sabah, Sarawak dan Terengganu dengan syarat pengurusan kewangan yang cukup ketat tetapi ini ditolak oleh kerajaan.

Walaupun Kerajaan Barisan Nasional tolak, masih ada rakan-rakan saya di Sabah dan Sarawak yang hendak menyokong UMNO dan Barisan Nasional. Ini mudah-mudahan ada perubahan dalam masa singkat, insya-Allah.

Satu perkara lain yang saya hendak sebut iaitu tentang isu *governance* ini. Saya tekankan beberapa undang-undang yang menekan yang harus dihapuskan. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, kita lihat macam sekarang, hendak tahan, tahan, hendak tangkap, tangkap, hendak ugut, ugut. Tidak peduli sama ada dia itu petani yang disumbat ke penjara tujuh tahun macam di JI, tidak kira Ahli Parlimen macam Puan Teresa Kok, tidak kira *blogger* macam Raja Petra, tidak kira Muslim JI, Hindu HINDRAF. Kalau rasa hendak tangkap, tangkap. Ini harus dihentikan. Ini negara bertamadun. Bukan cara samseng. Kita ikut *rules of the law*, bukan *law of the jungle*. Jadi sebab itu pendirian kita tegas dan dalam hal ini dan tadi dijawab oleh Menteri

Dalam Negeri perbelanjaan untuk polis meningkat, jenayah juga meningkat. Kita tidak hanya bangga dengan angka, jumlah pegawai polis bertambah. Yang kita hendak tahu apakah kadar jenayah dapat dikawal dalam negara kita masih belum.

Tuan Yang di-Pertua tahu kalau dalam beberapa kajian yang dibuat tentang tarikan Kuala Lumpur sebagai pusat perniagaan *investment*, salah satu alasan diberikan dalam kajian yang dikeluarkan baru-baru ini ialah kadar jenayah yang meningkat.

Jadi oleh yang demikian, saya ingin akhiri dengan seruan kepada rakan-rakan Pakatan Rakyat dan juga UMNO dan Barisan Nasional atas pertimbangan ekonomi semasa, menolak belanjawan yang dicadangkan oleh bekas menteri. Lagipun bekas Menteri Kewangan sepatutnya ada belanjawan baru. Buat sementara waktu dari Pekan dalam masa singkat mungkin orang lain, insya-Allah... [Tepuk]

■1200

Saya juga ingin menggesa rakan-rakan dalam perbahasan seperti yang diujulkan semalam mengambil kira angka dan unjuran ini tidak boleh dipakai lagi. Semua angka besar dalam belanjawan bila diteliti satu setengah bulan dengan sekarang ini tidak boleh dipakai lagi. Inilah kali pertama dalam sejarah Malaysia kita dipaksa bahas suatu belanjawan yang tidak boleh dipakai angkanya. Unjurannya sama sekali tidak boleh dipertahankan. Kalau Menteri Kewangan I dan II jujur, mereka terpaksa akui ini kerana perkiraan semua harga komoditi itu berubah secara drastik. Oleh sebab itu saya minta kawan-kawan tanpa mengira parti dan pendirian menolak belanjawan ini dan mengambil keputusan yang bijak supaya membawa perubahan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Semalam di media, salah seorang menteri Kabinet telah mengatakan bahawa belanjawan adalah hak kerajaan dan hak juga sama ada untuk dibahaskan atau tidak menjadi hak Ahli Parlimen. Namun beliau juga menyebut hak rakyat untuk mendengar dan meneliti kandungan belanjawan tersebut kerana belanjawan itu adalah berkenaan dengan hal ehwal seluruh rakyat Malaysia.

Saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang sebab di televisyen saluran NTV7 dalam berita jam 6.00 petang semalam ada menganjurkan satu pengundian umum, *public* untuk melihat sama ada rakyat Malaysia secara sukarela atau *volunteer*, mengundi sama ada cadangan belanjawan dibentangkan sebulan setengah yang lalu perlu dipinda atau dibentangkan semula. Hasil pengundian tersebut secara elektronik menunjukkan sebanyak 98% pendengar telah meminta bajet ini dibentangkan semula atau *revise* sementara sebanyak 2% sahaja yang menyokong.

Kalau ini menjadikan asas pungutan pandangan rakyat secara keseluruhan untuk menentukan sama belanjawan ini perlu dibentangkan semula atau *revise*. Saya yakin sekiranya wujud satu usaha untuk mengumpul pandangan awam terhadap pembentangan ini, saya yakin ia boleh mencerminkan satu kehendak masyarakat umum Malaysia bahawa pembentangan

belanjawan ini mestilah dibentangkan semula ataupun diwujudkan *revise element* di dalamnya. Terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Saya hanya ingin menyimpulkannya dengan mengatakan begini. Tidak berlaku dalam sejarah negara kita dan tidak berlaku dalam mana-mana negara demokratik di mana belanjawan dipaksakan dengan angka yang diketahui sebagai jauh berbeza daripada angka sebenarnya. Ada yang cuba berhujah mempertahankan iaitu Yang Berhormat Batu Pahat, takkanlah setiap kali harga minyak turun kita hendak buat belanjawan baru. Itu sekadar hendak pertahankan.

Sekarang ini, satu setengah bulan berlalu dan sejak dibentangkan sehingga sekarang krisis melanda dunia, harga pasaran global berbeza besar. Singapura membuat kenyataan menerima adanya kemelesetan. Kita tidak semestinya mengaku kita tidak ada kemelesetan, tetapi kita tidak boleh menafikan krisis ekonomi itu ada kesannya. Semua menteri kewangan dunia, negara-negara kaya seperti Jepun, Eropah, Amerika, semuanya mengambil langkah menyelamatkan ekonomi masing-masing dengan membuat perubahan-perubahan, berunding dengan semua parti dalam kerajaan. United Kingdom cari konsensus dengan semua parti. Amerika cari *bipartisan decision* dalam soal *rescue package USD700% bilion*, Malaysia, menteri-nya hilang entah ke mana. Kerana apa, Tuan Yang di-Pertua? Ini kerana *in a state of denial and arrogance of power*, dan ini dengan izin, mesti berubah... [Tepuk] Apakah mereka peduli tentang nasib rakyat, tentang nasib ekonomi kita?

Beberapa Ahli: Tidak!

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya. Jadi saya harap, mudah-mudahan dengan bukan sahaja kenyataan daripada rakan-rakan dari Pakatan Rakyat tetapi saya harap juga rakan-rakan dari UMNO dan Barisan Nasional. Tidak betul. Saudara tidak boleh pertahankan lagi. Ini suatu sikap yang sangat tidak bertanggungjawab dan tidak peduli. Sebab apa? Sebab kontrol semua. Dia boleh tentukan hakim mana, boleh tentukan siasatan apa, boleh tentukan media mana yang boleh laporkan. Maka kalau kita hujah bagaimanapun media yang mereka kuasai oleh UMNO dan kroni mereka akan memutarbelitkan kenyataan. Mereka hidup dengan suasana penipuan itu sepertimana yang dipaksakan kepada kita dan Dewan yang mulia ini untuk membahaskan belanjawan.

Saya akan teliti dan hendak dengar apa hujah yang boleh dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili UMNO terutamanya, hendak mempertahankan belanjawan yang nyata pendekatannya *pre-crisis* dan angkanya *pre-crisis*. Hendak bahas apa? Melainkan membahaskan untuk menolak belanjawan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta laluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ketua Pembangkang. Kita juga harus menerima hakikat bahawa kerajaan telah bertindak berani dalam menghadapi suasana kemelut ekonomi ini, dengan Menteri Kewangan lamanya lari meninggalkan jawatan. Itu satu tindakan yang bijak bagi pihak beliau lalu

menyerahkannya kepada orang yang pada hari ini kita rasa sangat dipertikaikan wibawa dan kredibiliti beliau, dan orang ini yang akan mengendalikan ekonomi kita. Mungkin dalam hujahnya nanti beliau akan berkata bahawa ini bukan belanjawan beliau. Ini orang lain.

Namun hakikatnya kita sedang mengalami masalah besar. Harga getah yang pada dua minggu yang lalu RM5 sekilogram - getah beku itu, harga pot, kata orang Kelantan, pada hari ini tinggal di bawah RM3. Krisis akan berlaku. Mereka akan menghadapi masalah besar untuk berhadapan dengan kos barangan yang meningkat sedangkan pendapatan mereka akan jatuh. Apa langkah-langkah yang diambil? Tidakkah ada satu perkara besar yang hendak diatur? Misalnya satu jawatankuasa peringkat tertinggi atau *bipartisan committee* yang boleh ditubuhkan untuk membincangkan perkara ini?

Jadi, bagaimana pandangan Ketua Pembangkang, serius atau tidaknya kerajaan yang ada pada hari ini dalam membaca dan juga menjangka suatu krisis besar yang akan berlaku tidak lama lagi? Terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan akhiri hanya dengan mengatakan begini. Harga minyak mentah unjuran sebulan setengah yang lalu dengan sekarang hampir setengah, kelapa sawit satu suku dan getah setengah. Satu, soal unjuran belanjawan.

Kedua, kesan kepada petani dan pekebun kita. Oleh sebab itu belanjawan ini harus mendekati pertamanya, unjurannya mesti realistik dan keduanya memberikan cadangan bagaimana boleh mengatasi masalah ekonomi negara dan masalah yang dihadapi oleh petani dan pekebun kecil. Hal ini tidak disentuh sama sekali dalam belanjawan dan kita diminta membahaskannya.

Oleh sebab itu walaupun saya tahu menteri-menteri tidak bersedia mendengar kerana hendak menjawabnya susah tetapi yang lain, yang tidak menteri itu patut ambil pendirian dan sama-sama bahas secara bertanggungjawab. Pegawai kita ramai di sini dan yang menonton pun, termasuk anak-anak sekolah, tengok gelagat Ahli-ahli Parlimen mereka... [Tepuk]

■1210

Balik kampung mewakili kepentingan rakyat, mari Parlimen mempertahankan dua, tiga kerat pemimpin yang tidak berjejak kepada bumi nyata membela nasib rakyat... [Tepuk] Mudah-mudahan Allah SWT memberi kekuatan kepada kita, saya pohon. Terima kasih... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput pembahas seterusnya, saya ingin ingatkan bahawa hari ini adalah hari kedua kita membahaskan ucapan belanjawan dalam Peringkat Dasar. Kita telah memberi masa lebih kurang lapan hari untuk membahaskan dasar dan Ketua Pembangkang kita beri masa lebih kurang enam jam. Saya ingatkan bahawa ada nanti ketikanya terpaksa kita sebut setiap pembahas itu mungkin dihadkan masa. Jadi janganlah terlampau membazir masa kerana kita semua bersikap adil kepada semua yang hendak bercakap. Jadi untuk pembahas seterusnya, saya jemput Batu Pahat, selepas itu

saya akan beralih balik kepada pembangkang. Faham ya, Ipoh Timur? Terima kasih. Sila Batu Pahat.

12.11 tgh.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi keizinan kepada saya membahaskan Bajet 2009 ini. Sebelum saya hendak menyentuh dua, tiga perkara yang dibangkitkan oleh Permatang Pauh, Ketua Pembangkang, pertama saya ingin menyatakan bahawa saya berterima kasih kepada pihak kerajaan, Perdana Menteri khususnya, kerana membentangkan satu bajet yang berwawasan... *[Disampuk]* Satu bajet yang bertemakan Kerajaan Prihatin... *[Disampuk]* Mempunyai tiga strategi yang tidak ada pun disebut oleh Permatang Pauh, apakah strategi kepada bajet alternatif mereka.

Satu, kesejahteraan rakyat... *[Disampuk]* yang kedua ialah membangun modal insan yang berkualiti... *[Disampuk]* Dan yang ketiga ialah memperkukuhkan daya tahan. Inilah yang akan saya bahaskan dan saya amat pelik apabila Permatang Pauh mengatakan bahawa bajet ini ditolak kerana unjurannya sudah berubah, unjuran pendapatan, defisit dan sebagainya perlu ditolak tetapi dia sendiri berbahas hampir enam jam... *[Disampuk][Ketawa]* Kenapa? Dia berbahas hampir enam jam.

Saya memikirkan di sini bahawa yang lebih penting kepada kita ialah Bajet 2009 ini adalah merupakan satu anggaran yang boleh di *revise*, yang berunsurkan kepada perancangan dan perancangan ini mesti dilaksanakan. Baik perancangan untuk membasmi kemiskinan, baik perancangan membantu Orang Asli, baik perancangan untuk menaikkan kecemerlangan universiti dan sebagainya, ada dalam bajet dan kita mesti laksanakan. Soal unjuran yang berubah – sebab itulah IMF meletakkan unjuran kita ialah 5.8% dan itu pun kerajaan meletakkan 5.6%. Kita tidak mengikut unjuran mereka.

Sebab itu kita boleh perbahaskan dan yang lebih penting itu saya katakan bahawa di dalam bajet ini yang lebih penting ialah apakah strateginya, apakah perancangannya dan apakah pelaksanaannya akan dilaksanakan mengikut strategi ini untuk memastikan bahawa kesejahteraan rakyat itu akan dapat dilaksanakan. Inilah asasnya untuk kita mengatakan bahawa yang penting kepada Bajet 2009 ini ialah kerajaan yang prihatin. Sebab itu saya menunggu sebenarnya...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sekejap, mukadimah. Saya menunggu sebenarnya apakah strategi-strategi itu. Yang saya banyak dengar ialah kritikan-kritikan berasaskan kepada isu-isu tertentu. Saya sebenarnya sukar untuk bersetuju dengan Permatang Pauh ini ialah kerana apa yang dikatakan oleh beliau juga berlaku ketika beliau menjadi Menteri Kewangan dahulu. Ini yang menjadi kesukaran kepada saya, bahkan apa yang disebut oleh beliau itu juga sebenarnya yang kami bangkitkan, yang kita bahaskan, yang kita tidak persetujui.

Satu contoh tentang AP. Memang kita tidak setuju monopoli terhadap AP. Siapa yang bersetuju? Memang kita membantah. Saya ingin menyatakan di sini bahawa kita tidak setuju dengan monopoli AP sebenarnya, tetapi tidak boleh dikatakan bahawa Ahli-ahli Parlimen *Backbenchers* ini “Pak turut”. Sebab itulah saya mengatakan bahawa kita perlu membahaskan bajet ini, belanjawan ini kerana ia adalah perancangan yang kita boleh *revise* di hujung tahun dan yang lebih penting ialah kita ingin melihat pelaksanaannya dilaksanakan ataupun tidak. Ini yang menyebabkan saya agak sedikit berbeza dengan Permatang Pauh...

Beberapa Ahli: Banyak!

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, banyak berbeza sebab Permatang Pauh bermula dengan mahu mengelirukan bajet mesti ditolak, tidak boleh dibahaskan. Sebenarnya boleh dibahaskan. Bagi mereka yang tidak faham, mungkin dia kata ya, tidak perlu dibahaskan sebab terkeliru seperti mana mengelirukan rakyat dengan tarikh-tarikh 16 September, 23 September, sekarang tarikh baru lagi untuk Hari Raya Aidilfitri sehingga Gombak tertunggu-tunggu ini, bila hendak jadi Timbalan Perdana Menteri... [Disampuk] [Tepuk]

Kata bila menang Permatang Pauh menuju ke Putrajaya, rupa-rupanya menuju ke Taiwan, hendak kejar orang. Akhirnya tidak jumpa. Tidak jumpa pun. Akhirnya *stranded* dekat Taiwan tiga hari kerana *typhoon*... [Ketawa] Jadi sebab itulah..

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: [Bangun]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya? Mukadimah, mukadimah. Petaling Jaya Utara ya, mukadimah. Sebab itu saya mengatakan bahawa yang pasti ialah ekonomi kita tidak ada siapa boleh mengatakan bahawa ekonomi kita ialah *positive growth*. Ekonomi kita tetap kukuh. *Bank is very sound*, dengan izin... [Disampuk] Jadi oleh kerana itu, kita perlu ada persiapan berhadapan dengan suasana ekonomi global terutamanya ekonomi Amerika yang sedang gawat sekarang ini dan kita perlu perbahaskan perkara ini. Sebab itulah saya bersetuju bahawa keutamaannya ialah rakyat. Bajet kerajaan yang prihatin ini ialah mengutamakan rakyat, kesan daripada kenaikan harga minyak sebelum ini dan sekarang harga minyak turun.

Kita ingin melihat apakah kesannya. Sebab itulah yang menjadi persoalan kita bila harga minyak naik, harga barang pun naik, tetapi bila harga minyak turun, harga barang tidak turun... [Disampuk] Kenapakah ini berlaku? Kita perlu perbahaskan. Kita harus mencari jalan. Sebab itu ini yang penting. Sebab itulah saya kata jangan mengkritik berasaskan kepada isu yang sebenarnya berlaku ketika kita berada dalam kuasa dahulu. Kalau mahu diberikan contoh, banyak contoh yang kita boleh kemukakan.

Sebab itulah saya mengatakan bahawa kalau kita boleh berfikir bersama, bagaimana sebenarnya, kenapa apabila harga minyak turun, harga barang tidak turun. Kalau kita boleh bercakap secara jujur, mungkin kerana penguatkuasaan yang lemah iaitu penguatkuasaan yang tidak tegas dan sebagainya. Kita boleh menerima perkara ini dan kita boleh menegur dan mengkritik perkara ini demi kebaikan bersama.

Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]: Mohon laluan. Mukadimah sudah lama itu. Sedikit, boleh?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Machang saya bagi. Anak murid saya tetapi sudah nakal sekarang ini... [Ketawa]

Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Batu Pahat. Saya kagum dan saya ucapkan tahniah Batu Pahat atas keberanian memberikan pandangan dan tekun mendengar ucapan Ketua Pembangkang. Betul, saya anak murid Batu Pahat, satu usrah dalam Dewan Pemuda PAS dahulu dengan *nakib* nya, Ustaz Nakhaie. Satu ketika kita pernah berbahas, saya hendak ingatkan Batu Pahat dalam *circle* usrah kita, *nakib* kita, satu hadis yang Nabi sebut, kesejahteraan sebuah negara bergantung kepada empat perkara.

■1220

Pertama, pemerintah yang adil. Adil maknanya melakukan sesuatu perkara kena pada tempatnya. Lawan kepada adil ialah zalim. Dasar negara yang zalim maknanya yang kaya terus dikayakan, yang miskin terus ditindas. Kita hurai panjang dalam *syllabus* usrah kita.

Yang kedua ialah ilmu para ulama. Pemerintah yang adil, yang baik ialah dia sentiasa menerima pandangan dan minta nasihat daripada ulama, bukan memusuhi ulama. Yang ketiga ialah orang berniaga yang murah hati mesti ada di dalam negara. Kalau orang berniaga cuma sibuk menimbunkan kekayaan. Kalau ekonomi makmur mereka dahulu yang berderet minta kontrak, minta projek. Kalau ekonomi jatuh, mereka tidak boleh hendak bayar hutang, mereka juga minta dahulu diselamatkan. Tidak boleh ada, hancur sesebuah negara. Yang keempat, ialah rakyat biasa yang sentiasa redha dan mendoakan.

Atas prinsip ingat memperingati inilah, maka saya bangun memohon celahan meminta supaya perkara itu disemak balik. Saya yakin Yang Berhormat Batu Pahat masih lagi jernih, nurnya itu masih ada... [Tepuk] Saya yakin dalam hal ini. Cuma saya keliru juga memulakan kalimah tadi, Yang Berhormat Batu Pahat saya mohon penjelasan, Yang Berhormat Batu Pahat memulakan dengan ucapan terima kasih di atas pembentangan bajet yang prihatin dan segala macam baik yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Akan tetapi Yang Berhormat Batu Pahat juga memulakan pelan peralihan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dipinggirkan dan digugurkan... [Tepuk] [Ketawa] Saya keliru! Saya berterus terang, saya keliru! Bagaimana di satu segi Yang Berhormat Batu Pahat mengucapkan terima kasih bajet prihatin, modal insan, kukuh daya saing, tetapi atas nafas yang sama, Yang Berhormat Batu Pahat terkenal dalam keluarga besar UMNO. Saya yakin Yang Berhormat Batu Pahat akan menang besar Majlis Tertinggi. Saya doakan, saya doakan, insya-Allah... [Tepuk] Pelan peralihan, Yang Berhormat Batu Pahat mahu supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri segera berhenti awal!... [Dewan riuh] [Tepuk]

Beberapa Ahli: Ayo-yo! Tarik, tarik balik!

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya keliru! Kalau betul dia baik, hebat, bukankah ia harus disokong dan Jun 2010 itu harus kita sabar tunggu peralihannya, begitu maksudnya. Itu satu, yang pertama. Yang kedua, yang kedua...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Panjang sudah itu...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Celahan yang kedua, yang habis sudah ini. *Landing*, dengan izin ya... [Ketawa]

Yang kedua, Yang Berhormat Batu Pahat kelihatan sukar hendak mencari-cari apa sebenarnya strategi dan perancangan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang selama enam jam bicaranya ataupun Yang Berhormat Batu Pahat memilih untuk tidak cuba hendak faham? Perkara itu cukup terang.

Dari segi prinsip *good governance*, kita sebut dengan terang dari sudut amalan mencegah pembaziran, kita mensyarahkan dengan terang. Dari sudut angka yang sudah beralih, sasaran pertumbuhan, defisit fiskalnya, anggaran pendapatan, kesemuanya itu kita mensyarahkan dengan terang oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi. Anehnya Yang Berhormat Batu Pahat memilih untuk tidak cuba hendak faham.

Oleh sebab itu, secara jujur juga saya memohon biar pun kita bersungguh-sungguh hendak mempertahankan kerajaan di mana Yang Berhormat Batu Pahat sebagai Anggota Parlimennya, di satu sisi bersyarah tentang kenaikan harga minyak meningkatkan harga barang. Akan tetapi sewaktu kita bantangkan dalam usul khas oleh Yang Berhormat Menteri tempoh hari, Yang Berhormat Batu Pahat bangun sokong naikkan harga minyak... [Tepuk] Akibatnya, beban hidup rakyat jadi berat. Hari ini Yang Berhormat Batu Pahat kata, "Barangkali lemah penguatkuasaan". Kenapa pegawai hendak disalahkan?.. [Tepuk] Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih. Okey, dia ada dua perkara. Pertama, tentang usrahlah. Usrah ini ialah bila manusia, dia pergi kepada kuasa, usrah pun lintang pukang... [Ketawa] Samalah dengan yang duduk di dalam pembangkang ini, Keadilan Rakyat dan sebagainya.

Okey, persoalan yang pertama tadi ialah tentang peralihan kuasa. Inilah tradisi UMNO. Tradisi UMNO, peralihan kuasa berlaku secara sopan. Bukan maksudnya melakukan reformasi jalanan seperti yang dilakukan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh untuk menumbangkan pimpinan kerajaan sehingga akhirnya rakyat tidak menerimanya dan menolaknya. Itu bukan tradisi UMNO.

Ketika mahu menumbangkan Tun Mahathir dahulu menggunakan reformasi jalanan dan inilah yang masih diteruskan. Pendekatan reformasi jalanan yang cuba hendak menjatuhkan kerajaan dengan cara tidak betul termasuklah dengan menggunakan 'pintu belakang'. Maksud saya, suruh orang lompat parti. Saya rasa ini bukan tradisi UMNO. Tradisi UMNO begitu indah,

peralihan kuasa ini... *[Disampuk]* Ini sudah cukup jelas. Oleh sebab itulah, siapa yang hendak menjatuhkan pemimpin UMNO dengan cara begitu, kita tidak terima sebenarnya...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Soal harga minyak.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh saya...?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya hendak menjawab yang kedua itu dahulu, Yang Berhormat Shah Alam. Sama ada hendak turunkan harga minyak ataupun menstrukturkan subsidi minyak. Saya memilih menstrukturkan subsidi minyak.

Saya tidak memilih untuk menurunkan harga minyak yang menyebabkan kita terpaksa mengambil duit dari mana-mana untuk di subsidi supaya harga minyak turun. Seperti yang disebut di dalam perbahasan tersebut, ambil daripada Petronas dan sebagainya. Ini adalah sebab ia tidak menyelesaikan masalah kita iaitu masalah supaya subsidi minyak ini hanya diperolehi dan diterima oleh orang yang layak. Bukan orang kaya pun dapat, sebab kalau kita turunkan harga minyak, tambahkan subsidi, orang kaya dapat juga! Orang bukan warganegara, orang Indonesia yang sudah berjuta-juta ramainya di negara kita ini pun dapat juga. Apa yang lebih membahayakan lagi ialah penyeludupan minyak menjadi-jadi.

Akan tetapi kalau harga mengikut harga pasaran, siapa hendak seludup diesel dan sebagainya? Lebih baik kita menstrukturkan semula subsidi minyak. Itu bagi saya lebih baik dan menurunkan harga minyak mengikut pasaran. Oleh sebab itulah harga minyak sekarang ini turun sedikit demi sedikit.

Seorang Ahli: [Ketawa] RM0.05 kah?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Oleh sebab itu dan akan turun lagi dan dalam soal ini saya ingin menyatakan bahawa saya lebih bersetuju kuasa menurunkan harga minyak itu diberikan kepada menteri dan bukan lagi kepada Kabinet. Ini supaya dengan keadaan penurunan harga minyak yang semakin cepat sekarang ini, maka menteri boleh membuat keputusan. Ternyata bahawa ini lebih berjaya daripada apa yang dijanjikan untuk menurunkan harga minyak dengan menambahkan subsidi. Apa faedahnya?

Dalam keadaan kita hendak memperbetulkan keadaan, apakah selama-lamanya minyak ini diberikan subsidi dan dalam keadaan sekarang pun 30 sen subsidi minyak masih wujud dalam harga minyak kita. Ini cukup jelas sebenarnya seperti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Machang. Saya lebih memilih menstrukturkan semula subsidi minyak. Bukan menurunkan harga minyak kerana hendak menjadi popular, populis untuk mendapat sokongan rakyat tetapi sebenarnya tidak mengubah sistem ekonomi kita yang tetap dengan cara yang lama. Apa faedahnya ya?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Minta jalan boleh? Sedikit sahaja.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tidak mengapalah, saya bagi Yang Berhormat Shah Alam. Oh, Yang Berhormat Permatang Pauh hendak bangun juga? Tidak mengapalah...

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Okey, selepas ini ya...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasihlah Yang Berhormat Batu Pahat dan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini lawan tauke!

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya cukup tertarik dengan kenyataan yang dibuat bahawa UMNO ini mempunyai satu tradisi peralihan kuasa yang begitu bermoral dan indah dan menarik. Mungkin Yang Berhormat Batu Pahat lupa tentang kes yang telah dilakukan terhadap Yang Berhormat Ketua Pembangkang yang mana beliau telah difitnahkan dan dimasukkan ke dalam penjara dengan satu tindakan yang begitu zalim. Yang mana akhirnya diakui bahawa ia merupakan satu pembohongan politik!

Bukan sekadar oleh pihak-pihak daripada Pakatan Rakyat tetapi juga oleh Tun Dr. Mahathir sendiri dan bagaimana ia apabila telah dibawa ke mahkamah, ia menunjukkan bahawa ini satu pembohongan! Begitu juga bagaimana siasatan *Royal Commission* telah membuktikan bahawa beliau telah dilayani dengan begitu kejam. Ini semua merupakan tradisi indah yang dibangga-banggakan oleh UMNO Barisan Nasional!... [Tepuk] Adakah ini satu...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [Bangun]

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Belum habis lagi, belum habis lagi. Nanti saya bercakap sekejap. Ada dua, tiga *point* lagi. Yang kedua, yang kedua berhubung dengan soal wang politik yang juga diakui, yang diakui oleh pemimpin-pemimpin UMNO!...[Dewan riuh] Bagaimana pemilihan ketua-ketua bahagian, bagaimana pemilihan di pihak MKT dan juga berjuta-juta ringgit yang telah dibelanjakan? Adakah ini tradisi indah yang ingin dibangga-banggakan oleh UMNO Barisan Nasional?... [Dewan riuh] [Disampuk]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, saya tak nak bagi, Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Hingga ke hari ini dan tidak sanggup untuk mengakui.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Okey, saya akan jawab. Saya jawab soalan itu.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Nanti sekejap! Kalau hendak jawab, biar saya habiskan dahulu!

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Duduk, duduk, ini *floor* saya. Sila duduk!! Yang Berhormat Shah Alam, duduk! Duduklah, saya hendak jawab!.. [Dewan riuh]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Indah khabar dari rupa!... [Ketawa]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, biar saya jawab!.. [Dewan riuh] [Disampuk]

■1230

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Batu Pahat, sebelum Yang Berhormat Batu Pahat menjawab saya suka ingatkan kepada Ahli Yang Berhormat yang mencelah ini dibenarkan tapi apabila yang *holding the floor* itu membenarkan celahan masa yang digunakan oleh Yang Berhormat mencelah tadi itu menjadi juga masa Yang Berhormat. Jadi celah-mencelah ini boleh tetapi buat pertimbangan yang wajar dan jangan pula yang mencelah itu berucap seolah-olah dia punya *floor* tak adillah bagi yang berucap. Biarlah celahan itu jangan sampai seminitlah Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bagi dia mencelah itu sebab kita *gentlemen* kita hendak bahas bukan hendak main tolak-tolak begitu sahaja tak hendak berbahas, hendak ambil cara mudah.

Soal dilayan dengan kejam, tindakan pun sudah diambil. Dia pun dikenakan tindakan juga. Bekas Ketua Polis Negara dia juga didenda dan diambil tindakan. Jadi tidak ada masalah sebenarnya. Kita tetap mengambil tindakan terhadap sesiapa yang melanggar peraturan. Apa masalahnya?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tak ada, cukup.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tadi tanya soalan. Bukan tanya soalan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Duduk Yang Berhormat Shah Alam. Saya tak bagi laluan, duduk.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Batu Pahat, takutkah?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tak takut.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Tak ada takutlah. Itu bukan caranya!

Tuan Yang di-Pertua: Tertib Ahli-ahli Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat Batu Pahat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu terlibat dalam perbahasan ini kerana saya sudah diberi ruang yang panjang oleh Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak sebut dalam perbahasan kita perlu jujur. Saya tak pernah sebut subsidi minyak dengan mengambil dana tambahan dari Petronas. Jangan dusta... [*Tepuk*] dan saya ulang berulang kali wang itu dijamin dari rasuah, dari tiris dan sebagainya.

Kalau hendak bicara soal hendak bebankan rakyat, tak usah bohonglah. Kalau hendak kurangkan beban rakyat *stop* AP, *stop* projek-projek besar, *stop* komisen banyak-banyak baru boleh. Jadi saya hendak tekankan boleh hujah tapi tak usah gunakan Dewan ini untuk berdusta dan di antara dustanya ialah bahawa subsidi minyak penurunan harga minyak ke RM2 dari RM2.70 dahulu saya kata tidak tambah satu sen dari dana Petronas dan saya pertahankan. Terima kasih... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh dan semua itu adalah *applicable* kepada semua Ahli Yang Berhormat. Apabila berucap nanti tolong jangan dusta. Sila teruskan.

Beberapa Ahli Pembangkang: Ya!

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya tidak dusta. Saya tidak dusta...
[Dewan riuh]

Saya dengar hujah tersebut alasan tersebut dan kalau begitu maksudnya hendak diijamatkan dari beberapa projek lagi saya tidak yakin. Maksudnya hendak jimat daripada mana tidak disebut daripada mana. Hendak jimat daripada ketirisan bolehlah kita cakap hendak jimat daripada ketirisan dan sebagainya tapi berilah yang konkrit ketirisan daripada mana. Yang ini...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [Bangun]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Shah Alam duduk ya Yang Berhormat. Nanti saya bagi. Yang Berhormat Padang Serai sekejap lagi.

Soal ketirisan kita boleh bercakap hendak ambil daripada ketirisan tapi ketirisan yang bagaimana. Tidak ada satu yang konkrit sebab itu saya kata saya tidak yakin. Sebab itu lebih baik yang lebih praktikal, yang lebih realistik iaitu menstrukturkan semula subsidi minyak. Akhirnya orang yang tidak layak dapat tak akan dapat sebenarnya kalau kita buat secara sedemikian.

Saya ingin menyebut soal masalah ekonomi kita ini yang disebut oleh Yang Berhormat Permatang Pauh mengenai IMF dan ini adalah satu pengalaman yang baik kepada kita dan itulah barangkali dalam sejarah seorang Menteri Kewangan melalui satu pengalaman yang cukup getir iaitu kemelesetan ekonomi. Akan tetapi apabila kita mengambil satu pendekatan yang dikemukakan oleh IMF sebagai contohnya tindakan kita menaikkan *interest rate*. Ia membawa kesan kepada syarikat-syarikat yang hampir bankrap sebab *interest rate* dinaikkan tinggi. NPL kita daripada enam bulan dijadikan tiga bulan. Mereka tidak boleh membuat pinjaman dan menyebabkan syarikat-syarikat ini hampir bankrap. Apakah ini pendekatan yang baik?

Sebab itulah Perdana Menteri ketika itu melakukan satu tindakan menstrukturkan semula terutamanya *property market* kita dengan izin. Mewujudkan dana harta, dana modal supaya tindakan kita menaikkan *interest rate* ini tidak membawa kesan yang lebih buruk sebenarnya. Diturunkan. Ini sebenarnya saya katakan bahawa itu pengalaman pada ketika itu. Kenapa digunakan pendekatan ini? Apa yang berlaku di Amerika sekarang ini yang melakukan satu penyelamatan melibatkan trilion ini ialah hampir sama dengan apa yang kita lakukan sebelumnya walaupun mereka tidak ada dana modal, dana harta dan sebagainya tapi inilah yang telah kita lakukan.

Walaupun disebut tentang Indonesia tetapi Indonesia menyelesaikan masalah mereka begitu lama, begitu panjang dan mereka juga terpaksa menanggung hutang hingga ke hari ini.

Kita tidak ada hutang kepada IMF, tidak ada hutang kepada Bank Dunia. Kita ada sedikit hutang kepada Jepun kerana banyak pinjaman kita daripada dalaman tapi di Indonesia hutang mereka bertimbun dan tidak boleh diselesaikan dan mengambil proses yang begitu panjang untuk menyelesaikan masalah kegawatan ekonomi mereka dan ini adalah kejayaan kita.

Satu bukti bahawa pakej IMF, pendekatan IMF yang kita gunakan itu sebenarnya adalah cukup buruk dan ini harus kita terima hakikat tentang perkara ini. Hakikat yang mesti kita terima bahawa kita ada cara kita dan sebab itulah *the success story* dengan izin apa yang kita lakukan itu juga menjadi bahan kajian di Harvard Business School oleh pelajar-pelajar di Harvard Business School. Siapa yang boleh menafikan perkara ini?

Oleh kerana itulah sebenarnya pemimpin ini seperti mana yang disebut oleh Menteri Kewangan Kedua semalam memang bertanggungjawab. Siapa kata kita tidak mahu bertanggungjawab? Siapa kata kita hendak meneruskan dan juga hendak mengamalkan dasar-dasar seperti kroni dan sebagainya ini dan siapa kata kami di peringkat *Backbenchers* ini mempertahankan perkara ini, siapa kata?

Itulah kerana pembangkang kerja dia membangkang. Tak ada semua yang betul. Semua tak betul.

Tuan N. Gopalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Okey Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gopalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Kita dengar daripada Yang Berhormat Permatang Pauh bagaimana lembu baka bernilai lebih RM3 juta dilarikan. Lembu baka yang seharusnya sampai kepada rakyat yang miskin. Kita semua tahu Yang Berhormat Batu Pahat seorang bekas profesor sekarang mewakili rakyat. Di kampung mereka menunggu mahu tahu apa berlaku kepada lembu baka itu... *[Dewan gamat dengan ketawa]*

Akan tetapi datang ke Dewan ini bila kita mahu dengar betul kah apa yang dikatakan Ketua Pembangkang itu dan seharusnya Yang Berhormat Batu Pahat perlu menghalusi itu supaya rakyat Batu Pahat sekali lagi boleh mengundi tapi di sana kata saya ke Parlimen saya akan berjuang, saya akan tegakkan kebenaran tapi sampai ke sini mahu bangkang sahaja. Kalau mahu jadi pembangkang datang sebelah sini.... *[Ketawa]*

Kita juga dengar bahawa khidmat negara RM100 juta lebih hilang. Komisen RM900 juta lebih dan inilah semua berlaku di bawah pengawasan Menteri Pertahanan yang hari ini Menteri Kewangan. Jadi kita mahu tahu dari Yang Berhormat Batu Pahat apa komen tentang duit-duit rakyat yang berbilion-bilion ini yang hilang. Yang AP RM1.7 juta tapi datang sini mahu bangkang Ketua Pembangkang beranilah. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Yang Berhormat, sebab itu saya kata bila kita bercakap kita kena cermin diri kita. Apa yang kita katakan ini apakah tidak berlaku waktu kita dahulu?

■ 1240

Saya ambil contoh soal kroni sebab itu semalam saya sebut tentang ABRAR, MRCA, ini bukan kroni? Apakah ketika itu dahulu tidak ada *direct nego*? Ada! Tidak ada *pink form*? Ada! Apa tidak ada AP? Ada! Macam-macam ada. IPP berlaku waktu itu, saya cuma hendak sebut di sini semalam dia sebut ABRAR bankrap, kenapa? Itulah kerana syarikat itu sebenarnya tidak ada kemampuan tetapi dia dapat kerana dia kroni. Kalau tidak, tidak dapat. Dan contohnya bahawa dia tidak layak, bankrap! Ada yang dapat duduk di London, beli rumah, beli kondo dan sebagainya, duduk mengata kerajaan tetapi dia dapat duit itu daripada mana, kerana dia dahulu adalah kroni.

Sebab itu bila sebut tentang ISA. Saya sebut semalam sebab saya pengerusi forum tersebut. Ahli panelnya ialah Permatang Pauh ketika itu Menteri Pendidikan dan Ustaz Hadi ketika itu. Dan bila ada pelajar tanya tentang ISA, Permatang Pauh kata, "ISA ini sebenarnya untuk keselamatan negara yang PAS pun sokong dahulu bila dibentangkan di Parlimen." Itu jawapan yang diberikan ketika itu. Saya pengerusi forum tersebut, tidak tahulah kalau sudah masing-masing lupa. Saya tidak lupa. Saya tidak lupa.

Akan tetapi sekarang ini mahu ISA dihapuskan untuk membebaskan Hindraf sedangkan Hindraf pun membuat tuntutan yang bukan-bukan, yang boleh menimbulkan suasana perkauman di negara kita. Dan contoh paling jelas apabila mereka datang mengganggu Majlis Raya Perdana Menteri. Tahukah kita bahawa Majlis Raya Aidilfitri...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Bangun]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...Puchong sekejap ya Puchong sekejap.

Tahukah kita Majlis Raya ini majlis agama, datanglah dengan bersopan. Bayangkan kalau saya datang mengganggu Majlis Deepavali dari Padang Serai tentu saudara marah. Deepavali itu adalah perayaan agama, bukan kita hendak pesta-pesta. Ini agama, ada kaitan dengan agama. Tidak boleh dibuat dengan cara demikian. Boleh menyinggung perasaan orang Islam, itu pun kita orang bersabar juga. Marang kata ini demokrasi. Inilah jawapan yang mendukacitakan kita.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Hari raya bermaaf-maafan. Hari Raya aset negara, Hari Raya semua rakyat punya.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya bagi dekat Puchong.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Siapa pun rakyat boleh pergi untuk Hari Raya, salam dan minta maaf.

Seorang Ahli: Eh! Padang Serai duduklah dahulu! Belum *you* punya *floor*.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya bagi pada Puchong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Puchong. Silakan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Batu Pahat tetapi adakah Yang Berhormat sedar sebenarnya apa

berlaku pada hari tersebut di PWTC. Pernahkah Yang Berhormat melihat video berkenaan insiden tersebut? Apa yang berlaku adalah ini, keluarga-keluarga tahanan Hindraf di bawah ISA telah pergi ke PWTC untuk memberi satu kad Hari Raya kepada Perdana Menteri. Ya, mereka membawa satu kad, mereka pergi sana dengan niat yang baik untuk mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Perdana Menteri.

Apabila sampai di situ mereka ditindak dengan keras oleh pihak polis. *Its on* video. Pihak polis yang memulakan kekacauan sehinggakan kad tersebut terkoyak. Di situlah bermulanya kekacauan, bukan oleh penyokong Hindraf. Oleh itu yang hendak kita katakan, penyokong Hindraf itu tidak sebarang kali pergi ke situ untuk menindas ataupun menyinggung perasaan sesiapa tetapi untuk Perdana Menteri khususnya mengatakan bahawa mereka datang ke situ untuk menimbulkan perasaan dan berbagai-bagai masalah. Itu dusta.

Bila orang pergi ke satu jamuan dengan niat baik untuk beri satu kad Selamat Hari Raya mereka ditindak dengan keras, wanita, kanak-kanak. Apa masalah dengan kita pergi untuk beri satu kad. Hendak ucapkan Selamat Hari Raya. Kenapa perlu ditindak dengan keras. Selepas itu semua anggota ahli-ahli UMNO kutuk, kritik tanpa melihat sebenarnya apa-apa yang berlaku. Di sini saya belum habis lagi, kita lihat...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Orang punya *floor* lah Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta maaf, minta maaf. Kita lihat, minta maaf, minta maaf dan kita lihat mereka pergi ke rumah terbuka Datuk Seri Anwar Ibrahim, tidak ada masalah. Mereka dijemput dengan baik.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Puchong, saya cukup jelas dengan hujah Puchong, okey cukup.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta penjelasan, terima kasih.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Batu Pahat mohon laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebentar saya jawab Puchong. Sebab itulah kita mendengar penjelasan daripada Perdana Menteri. Dia sudah menjelaskan di TV, yang ucap Selamat Hari Raya seorang sahaja yang datang sampai ramai-ramai ini hendak rempuh tempat laluan kenapa. Dan tahu ini Majlis Raya, carilah suasana yang lebih sesuai...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jangan bohonglah, jangan bohong.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...Sebab itu bila datang dengan niat yang tidak betul itu yang jadi kecoh. Jangan jadikan alasan hendak sampaikan kad raya tetapi menimbulkan kekecohan tetapi kena fikirkan bahawa apabila kita hendak buat sesuatu itu fikirkan caranya. Matlamat tidak menghalalkan cara, Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, saya tanya adakah Yang Berhormat daripada Batu Pahat melihat video yang sebenar sebelum membuat tuduhan terhadap pegawai-pegawai Hindraf.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya bagi Silam.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Itu yang saya tanya.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Puchong duduk.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau di luar Dewan kita ...dalam Dewan mesti ada.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat memberi laluan kepada saya. Saya tertarik dengan perbincangan ini sebab yang paling penting ialah dari segi suasana Hari Raya kita melihat tindakan pihak-pihak tertentu yang hadir di rumah terbuka Yang Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini di PWTC. Apa yang saya lihat ialah kalaulah semata-mata kita ingin menghantar kad Hari Raya sedangkan Hari Raya ini kadnya dihantar sebelum kita merayakan Hari Raya.

Jadi dari segi logiknya, ini jelas ada tujuan yang di sebaliknya dan tidak betul. Dan pandangan yang dikemukakan oleh Puchong pun dia berunsurkan emosi. Dan Padang Serai pun cakap bohong dan sebagainya seolah-olah tujuan mereka datang ke rumah terbuka tersebut bukannya ikhlas. Bukannya semata-mata ingin mengucapkan Selamat Hari Raya tetapi ada agensi...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini menghina tau. Ini menghina orang India. Dahulu orang India sokong Barisan Nasional kamu tepuk tangan, sekarang orang India tidak sokong kamu marah pula.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: *You* duduk.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Inilah budaya UMNO sudah jelas bahawa bila tidak ada sokongan kamu pula marah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Itu sebab apabila kita memberi pandangan yang sebenarnya kita semua faham dan peka.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila Batu Pahat, Batu Pahat teruskan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya saya hendak jawab.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Eh Padang Serai duduklah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Padang Serai duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, sudah, sudah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Duduk.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Padang Serai sudahlah, sudahlah.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Silam, Silam duduk, sudahlah Silam. Batu Pahat sudah, teruskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, soal isu ini telah pun kita dengar daripada Puchong, daripada dua tiga Ahli Yang Berhormat, telah diberi penjelasan daripada Menteri. Sudahlah isu yang itu teruskan Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya. Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan keadilan untuk semua kaum dibangkitkan oleh Permatang Pauh. Dan ini sebenarnya disebut di dalam bajet yang ada ini. Sebab itulah kita memberikan bantuan kepada semua orang. Kalau sebut tentang tanah, saya sebagai Ahli Parlimen pun menyelesaikan dua kes permohonan tanah penduduk yang melibatkan pelbagai kaum. Semua dapat, yang Cina pun dapat, yang Melayu pun dapat. Kalau hendak jadikan satu contoh yang di Perak, kerajaan Barisan Nasional lebih lama, lebih banyak berikan tanah kepada rakyat sebenarnya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Itu masalahnya Padang Serai. Saya baru jadi Ahli Parlimen, dua kes permohonan rakyat ini diselesaikan. Dan kita tidak memikirkan pun sama ada mereka Melayu atau Cina, sama-sama dapat. Semua dapat, yang memohon itu dapat, bahkan ada pegawai kerajaan yang tumpang sekaki. Saya periksa ada nama empat lima orang yang kerja Pejabat Tanah, nama pun masuk, saya keluarkan.

■1250

Sebab itu saya kata jangan fikir bahawa semuanya buruk seolah-olah tidak ada yang dibuat oleh kerajaan yang baik. Sudah lama, sebab itu kerajaan ini boleh memerintah lama. Sebab itu tidak ada Ahli Parlimen kerajaan ini nak pergi melompat pergi PKR, tak ada... *[Tepuk]* Tak ada.

Seorang Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]* Itu dah ada dah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tak yakin. Ha itu yang terpaksa ubah-ubah tarikh itu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, sila.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Presiden...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Yang Berhormat Batu Pahat tadi ada sentuh mengenai pendidikan. Saya cuma hanya sini mahu tanya Yang Berhormat Batu Pahat, dalam zaman 80-an, saya fikir kita pun ada kaum India, kaum Cina juga dalam negara kita. Dalam zaman 80-an, apa Kementerian Pendidikan sudah buat untuk kaum Cina, kaum India ini?

Saya bagi satu contoh, saya difahamkan dalam masa itu, sekolah Cina nak minta derma wang untuk bina sekolah, minta dikecuali *tax...*, tapi langsung Kementerian Kewangan tak boleh terima. Kementerian Pendidikan pun tak boleh terima. Apa pasal? Masa zaman itu, siapa duduk

dalam Kementerian Pendidikan? Sebelum Kementerian Pendidikan setuju, Kementerian Kewangan tak boleh setuju tapi dalam masa 90-an, ada juga memohon. Macam contoh di Sarawak, banyak orang memohon kepada Kementerian Kewangan, tidak dapat juga! Kenapa? Itu masa ada kuasa besar. Sekarang sudah jadi pembangkang, tidak berbeza. Ini nak main politik ke ataupun betul-betul bela nasib rakyat? Minta penjelasan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ha, itu yang saya kata. Kita nak cakap, mudahlah. Bila tak ada kuasa, bolehlah nak buat itu, buat ini dan sebagainya. Masa ada kuasa dulu, kita buat apa? Saya minta maaf, saya nak jawab benda ini susahlah sebab perkara itu berlaku di waktu itu tapi itu saya kata bahawa yang penting di sini, betullah yang disebut iaitu soal komitmen, soal kejujuran, soal kesungguhan dan sebagainya. Sebab itu bahawa kalau kita hanya bercakap, memberikan beberapa janji tetapi sebenarnya kita belum pasti kita dapat laksanakan. Oleh sebab itu saya kata, saya banyak bangkitkan bahawa sebelum pilihan raya, kita keluarkan manifesto, macam-macam kita nak buat tapi bila dah menang, kalau yang itu yang kita nak megahkan, Kerajaan BN dah lama buat dah, dah lama Kerajaan BN buat.

Dah banyak dah yang kita buat dan sebab itulah tentang isu tanah tadi, saya bangkitkan perkara ini bahawa kita buat. Saya sebagai Ahli Parlimen biasa sahaja pun saya boleh buat. Kita tidak akan berkompromi sebenarnya untuk siapa pun ambil peluang itu. Itu yang saya sebut tadi ada pegawai kerajaan, dia ambil kesempatan. Bila dah ada ruang, ada permohonan, dia masukkan juga nama dia, kita siasat, kita buang.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ha, Yang Berhormat Bintulu.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bila nak bagi aku?

Seorang Ahli: Tak payahlah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Saya mahu sambung sedikit sini mengenai isu mahasiswa-mahasiswi. Semalam saya ada dengar perbincangan ada persoalkan tentang kita mesti ambil profesional ataupun rakyat lagi canggih ataupun lagi *intelligent* daripada negeri China dan Taiwan, tak usah kata Singapura.

Saya mahu tanya sini, kenapa dalam tahun 90-an itu, masa itu menteri bukan hanya macam sekarang, pegang Menteri Pelajaran, kita untuk sekolah menengah dengan sekolah rendah. Itu zaman Menteri Pendidikan, dia pegang, jaga dua-dua. Termasuk mahasiswa-mahasiswi. Ini kita banyak rakyat bagi contoh pergi Taiwan, tapi dia sudah *graduate*, dia balik tidak boleh di *recognize*. Saya difahamkan daripada persatuan, banyak kali dia memohon tapi tidak dapat diterima. Dia kata tidak boleh setuju pasal ini daripada Taiwan, pasal mungkin ini orang Cina. Dia tak boleh terima, tapi sekarang kata Taiwan, China canggih! Apa pasal? Saya mahu tanya penjelasan daripada Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, saya harap perkara ini kita boleh kemukakan kembali untuk diselesaikan oleh kerajaan yang lebih bertanggungjawab, yang ada sekarang ini iaitu Kerajaan Barisan Nasional. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh semalam ada menyebut tentang Maybank. Sebenarnya itu saya kata bahawa isu Maybank ini sudah kita bahaskan dalam sesi yang lalu. Bahkan kita panggil pun Maybank datang ke Parlimen ini untuk memberi taklimat kepada kita dan ahli-ahli parti pembangkang pun hadir bersama. Maksudnya kita pun tidak bersetuju dengan apa yang berlaku dan oleh kerana itulah dalam isu yang sama ini, kita menuntut sekali lagi penjelasan daripada Bank Negara dan juga Maybank.

Kita minta mereka datang sekali lagi menjelaskan kepada kita tentang apa yang berlaku, pengambilan BII ini yang menimbulkan banyak reaksi kerana kita lihat Bank Negara membuat keputusan yang berubah-ubah. Sekejap bagi, sekejap tak bagi, bagi balik. Letakkan pelbagai syarat dan sebagainya yang menimbulkan tanda soal kepada industri bank di negara kita. Apakah perkara ini akan berulang lagi apabila berlaku lagi *acquisition* bank pada masa akan datang.

Kita perlukan penjelasan. Biar kita dengar penjelasan daripada Maybank dan juga Bank Negara dalam perkara ini sebab dia menimbulkan persoalan, menimbulkan tanda tanya kepada kita tentang perkara ini. Walaupun kita difahamkan dalam soal pembelian ini mereka menjimatkan lebih kurang RM1 bilion tetapi masih berbelanja hampir RM8 bilion untuk mengambil alih bank ini.

Walaupun mereka menjelaskan kepada kita bahawa pembelian ini adalah bagus kerana ini adalah bank yang dikatakan yang keenam atau ketujuh terbesar di Indonesia dan rakyat Indonesia ramai di Malaysia yang menghantar wang, maka dengan adanya bank yang dikuasai oleh Maybank di Indonesia, ini akan memberikan prestasi yang lebih meningkat kepada Maybank. Akan tetapi yang menjadi persoalan dan dalam pada ini saya bolehlah bersetuju dengan Yang Berhormat Permatang Pauh iaitu tentang *book value* yang begitu tinggi ini. Ini kita boleh berkongsi sebenarnya. Sebab itu saya kata lebih baik kita mendengar penjelasan daripada Bank Negara dan juga Maybank dalam perkara ini supaya kita boleh tahu ketelusannya, kesannya, kebaikannya, keburukannya terutamanya kepada ekonomi negara kita.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh? Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Banyak yang saya nak sentuh ini. Yang pertama ini tentang soal subsidi.

Seorang Ahli: Maybank.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Subsidi. Dia timbulkan isu subsidi. Minyak, kalau kita subsidi, orang yang tak layak dapat. Kalau kita subsidikan beras, orang Pakistan, orang Bangladesh, orang Myanmar yang duduk di Malaysia ini, dia tak dibenarkan beli beras kat kedai kita kah? Tidakkah dengan itu, oleh kerana kita laksanakan subsidi untuk makanan, maka orang Indonesia yang berjuta-juta akan mendapat manfaat daripada subsidi itu.

Maka ini bererti bahawa hujah yang Yang Berhormat Batu Pahat bentangkan sebenarnya satu pembohongan. Ianya bukan soal siapa yang dapat, ianya soal keutamaan dan satu penilaian akan suasana dan tindakan yang wajar untuk diambil oleh kerajaan.

Semalam saya ada sebut, sebenarnya menteri yang berkenaan telah menyatakan nak laksanakan kenaikan harga minyak pada bulan Ogos, bukan pada esoknya. Kerana apa? Kerana ada perbincangan di kalangan orang-orang yang tahu bahawa harga minyak yang sedang naik sama ada ianya adalah satu kenaikan harga yang benar, yang patut ataupun disebabkan oleh spekulator. Untuk nak lihat sama ada ianya adalah oleh kerana spekulator ataupun oleh kerana kuasa pasaran yang sebenarnya, yang benar, kita kena tunggu. Sekiranya apa yang disebutkan nak tunggu sampai bulan Ogos seperti mana cadangan asal, maka akan terbukti bahawa ianya adalah oleh kerana spekulator. Maka tindakan kerajaan untuk menaikkan harga minyak dalam keadaan yang gopoh gapah tanpa kajian yang tepat adalah satu tindakan yang salah. Apabila dah naikkan harga minyak, harga barang semua naik...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Okey Yang Berhormat Shah Alam, okey.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Sekarang ini bila turun, kenapa tidak diturunkan harga barang dan harga minyak dengan kadar yang sama?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ha, biarlah saya jawab. Yang Berhormat Shah Alam, sila duduk.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kenapa bila nak naikkan...

Seorang ahli: Ha itu kata bagi betis, nak paha.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sabarlah, biarlah aku habis dulu.

Seorang Ahli: Tak habis mana boleh, *floor*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Pahat, nanti biar respons itu nanti pada 2.30 tengah hari.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang ini sudah jam satu. Jadi biar respons itu nanti pada jam 2.30.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sambung karang, tadi mukadimah saja baru, baru mukadimah... [*Dewan gamat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat kita tangguhkan sehingga 2.30 petang nanti.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, belum cukup kuorum. Jadi kita kena tunggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Cuba bilang.

[Loceng dibunyikan]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, hanya kita punya loceng kurang bateri, luar tidak dengar pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik, terima kasihlah kepada Yang Berhormat daripada Bintulu menegur loceng ini tidak cukup nyaring dan tidak boleh dengar. Jadi Setiausaha, beritahu dengan pegawai selepas persidangan 5.30 nanti ya? Sebelum saya hendak menjemput Yang Berhormat Batu Pahat, saya hendak beri penjelasan sedikit soalan peraturan, Tuan Yang di-Pertua dia tidak kira kalau Dewan ini kosong pun atau macam mana, kalau ada Tuan Yang di-Pertua, orang bercakap ada, kita akan panggil Mesyuarat tetapi kalau sudah disebut yang kuorum tidak cukup, masa itu baru soalan bilang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menunggu sama ada orang ataupun tidak ada orang, yang tentu ialah kalau ada orang yang bercakap dahulu ada dalam Dewan, kita teruskan perbahasan. Jadi saya tidak tunggu masa, kalau jam cukup kita akan mulai Mesyuarat, itu peraturan, Yang Berhormat ya? Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Batu Pahat.

2.37 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak menyentuh sedikit perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi mengenai subsidi beras yang beliau bangkitkan. Saya ingin menyatakan di sini bahawa subsidi beras diberikan hanya kepada beras berkualiti rendah, begitu juga dengan gandum berkualiti rendah. Maksudnya gandum untuk orang yang kaya, VIP makan ini tidak ada subsidi. Begitu juga beras berkualiti tinggi ini tidak ada subsidi sebenarnya. Oleh sebab itulah kita memberikan subsidi ini walaupun ada orang asing yang makan tetapi itulah makanan ini takkan kita hendak bagi orang mati kebuluran, sampai tidak makan.

Jadi berbeza dengan subsidi minyak tadi yang dari segi kesan ekonominya adalah tidak baik kalau kita terus mengekalkan satu sistem yang sudah tidak lagi begitu efektif kepada ekonomi negara. Ini yang saya mahu jelaskan apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi, cuma beliau tidak ada di sini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara yang disebut isu mengenai kebebasan, kehakiman dan rasuah tadi yang disebut juga oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Sebenarnya kita memang menyokong sebarang usaha untuk kita memastikan gejala rasuah di negara kita ini diatasi ataupun dihapuskan kalau boleh dan kita juga menyokong sebarang usaha supaya kebebasan sistem kehakiman di negara ini dilaksanakan.

Semua orang mahu perkara ini dan ini juga menjadi tuntutan kepada kita terutamanya dalam kes rasuah. Kita tahu bahawa rasuah kalau menjadi satu amalan yang berterusan di negara kita, dia akan menyebabkan pembangunan negara kita ini tidak akan berjalan dengan baik dan negara akan menjadi porak-peranda. Bagi saya, saya sebagai seorang Ahli Parlimen

daripada pihak kerajaan, saya tetap komited kepada sebarang usaha kerajaan untuk membasmi ataupun mengatasi masalah rasuah di negara kita yang banyak dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh.

Saya tidak fikir kerajaan sebenarnya mahu menjadikan rusuhan ini sebagai satu gejala dan sebab itulah kerajaan peka untuk memberi perhatian supaya usaha kita membasmi rasuah ini dipertingkatkan dari masa ke masa. Inilah komitmen kepada Perdana Menteri sebenarnya tetapi sudah tentulah kita berhadapan dengan satu masalah iaitu bahawa jika sekiranya isu rasuah ini hanya dilihat dari segi peraturan, undang-undang yang ada tetapi tidak datang daripada kita sendiri yang sepatutnya berperanan. Maka sudah tentulah masalah rasuah ini tetap menjadi satu gejala sebab dia adalah penyakit yang sudah lama wujud, sekian lama sebenarnya, zaman-berzaman.

■1440

Jadi, oleh kerana itulah kalau kita menentang gejala rasuah ini, maka kita juga mesti memberikan satu contoh dan teladan yang baik kepada diri kita, sebab itulah saya cukup hairan kenapa apabila tindakan diambil kepada dua Exco Kerajaan Negeri Perak terhadap isu rasuah ini. Kenapa mereka menyaman balik BPR seolah-olah mereka tidak mahu menerima kenyataan biarlah kita siasat terlebih dahulu. Soal salah ataupun tidak, itu mahkamah ataupun hakim yang akan menentukan.

Jadi, apabila kita menjadikannya sebagai satu isu seolah-olah berlaku pilih kasih, penindasan dan sebagainya ataupun sebagai satu tindakan politik, sebenarnya kita tidak mahu menerima satu kenyataan iaitu bahawa masalah rasuah adalah satu masalah yang tidak sepatutnya difikirkan secara politik walaupun terkena kepada diri kita. Namun, mengapa kita mahu *spin*, dengan izin, isu tersebut seolah-olah kerajaan merancang ataupun melakukan satu tindakan yang berasaskan kepada konspirasi untuk mengenakan seorang dua dalam isu ini.

Ini yang saya katakan bahawa sepatutnya kita memberikan komitmen kita, menerima satu kenyataan iaitu kita sepatutnya menyerahkan kepada mahkamah untuk menentukan. Ini ambil tindakan kepada BPR. Jadi, sebab itulah saya amat dukacita apabila kita bercakap soal rasuah, maka kita tidak melihat apa yang berlaku kepada diri kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berbangkit soal pembaziran. Ini juga saya tidak setuju sebab itu saya katakan bahawa kenapa di dalam persidangan yang lalu kita menegur perkara yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tentang pembaziran ini iaitu apabila membeli peralatan-peralatan yang mahal yang sepatutnya boleh dibeli dengan harga murah RM40, *screwdriver* sebagai contohnya. Beli dengan harga sampai RM400 sedangkan harga sebenar dalam RM20. Pembaziran ini kita tidak mempertahankan sebab itulah kita mahu siasatan dilakukan dan siapa juga yang bersalah mesti diambil tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Telok Intan bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Telok Intan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sila.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Tadi, saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Batu Pahat mengatakan jika seseorang dituduh di bawah rasuah, kenapa tidak diberikan keputusan dan terima keputusan mahkamah.

Kalau begitu kenapa di negara kita, kita mengamalkan untuk menggunakan undang-undang ISA. Mengapa tidak mahkamah sahaja yang menentukan seseorang itu salah atau tidak? Adakah ini satu situasi di mana kita kurang yakin kepada mahkamah kita sendiri? Minta penjelasan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya. Itu saya kata bahawa saya sudah menjawab dan membangkitkan tentang isu ISA. ISA ini adalah satu undang-undang iaitu di mana tujuannya adalah untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman awam. Ada faktor-faktor tertentu yang kenapa mereka ini perlu disimpan sementara waktu tanpa perbicaraan supaya menenteramkan keadaan. Sebab itulah Yang Berhormat Seputeh, dia sekejap sahaja disimpan. Tidak perlu bicara supaya keadaan tenang. Ada masanya kita perlukan peraturan dan undang-undang ini demi keselamatan dan ketenteraman awam. Sebab itu saya kata tadi kenapa masuknya Yang Berhormat Permatang Pauh ketika dia dahulu menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Perkara ini tidak terhapus dan tidak dikaji pun sebab kita perlukan perkara ini. Semua negara ada, Singapura ada, Amerika pun ada. Namun, bukan kerana itu sebagai alasan kita. Saya cukup yakin yang paling penting ialah kita perlu menentang jika berlaku salah guna terhadap ISA ini. Yang ini kita tidak setuju dan ini kita akan tentang. Maksudnya, sewenang-wenang tangkap orang dan sebab itu saya hairan ketika Yang Berhormat Pasir Mas - dia tidak ada pula Yang Berhormat Pasir Mas ini. Apabila mereka ditahan dahulu di bawah ISA, saya tidak nampak Yang Berhormat Permatang Pauh minta mereka ini dibebaskan dahulu. Diam sahaja, tetapi itulah Yang Berhormat Pasir Mas tidak ada, kalau tidak saya hendak tanya dia betul tidak perkara ini berlaku.

Saya cukup yakin bahawa memang tidak ada desakan daripada menteri sendiri ataupun Timbalan Perdana Menteri kah, ataupun orang yang cukup penting dalam kerajaan ketika itu supaya mereka ini dibebaskan segera – tidak ada, tetapi untuk menenteramkan keadaan. Sebab itu, bagi saya ini bukan isu jenayah sebenarnya yang menyebabkan kita menggunakan ISA. Tuan Yang di-Pertua ...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Minta laluan, Yang Berhormat Batu Pahat minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Bolehkah saya mendapat sedikit penjelasan Yang Berhormat Batu Pahat? Secara prinsipnya, kalau kita katakan bahawa prinsip keadilan sejagat, prinsip dalam keadilan dalam Islam. Dalam soal ini ialah:

- (i) orang yang dituduh itu, diberitahu butiran pertuduhan ke atasnya;
- (ii) dia mestilah dibawa ke mahkamah pengadilan;
- (iii) ada hakim yang membicarakannya;
- (iv) dia diberi peluang untuk mengambil peguam bagi mempertahankan dia;
dan
- (v) dalam kes di mana dia dijatuhkan hukuman bersalah, dia diberi peluang membuat rayuan.

Ini prinsip keadilan sejagat. Boleh kita bersetuju di situ dahulu? Maknanya, kita boleh adakan ISA. Kita kata menenteramkan keadaan, asal sahaja jangan disalahgunakan. Hakikatnya Yang Berhormat Batu Pahat, saya dan Yang Berhormat Batu Pahat tidak kena, Yang Berhormat Permatang Pauh kena, Yang Berhormat Pasir Mas kena.

Ada satu yang hilang di sana saya rasa dari segi penghujahan Yang Berhormat Batu Pahat. Bercakap antara orang yang kena dengan belum kena ini tidak sama. Bezanya, saya dapat merasainya, saya dapat melihat keadaan ini apabila undang-undang yang bercanggah dengan prinsip keadilan sejagat, prinsip keadilan Islam. Kita berhempas pulas mencari hujah mempertahankannya. Di situ yang nampak kelemahan dari segi penghujahan, sebab kes yang berlaku misalnya ada bapa yang tidak sempat tengok anak dia menutup mata kali yang terakhir, meninggal ketika bapanya tidak dibicarakan, tidak dinyatakan tuduhan, tidak ada mahkamah, tidak ada hakim, tidak dibenarkan lantik peguam tetapi dikatakan kena kurung bertahun-tahun.

Jadi, di sini sementara kita bersetuju, soalan saya ialah bolehkah Yang Berhormat Batu Pahat bersetuju dahulu dari segi prinsip keadilan sejagat itu? Kalau setuju kenapa boleh dicari alasan untuk membenarkan penyalahgunaan akta ini.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Machang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Dengan izin, minta laluan kalau boleh. Isu yang sama.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Boleh saya jawab dahulu Yang Berhormat Subang?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Baik, baik. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Prinsip keadilan sejagat juga menyebut tentang kepentingan umum, kepentingan ramai mengatasi kepentingan individu. Oleh sebab itulah, maksudnya dalam keadaan ini dari segi prinsip keadilan sejagat ini juga iaitu bahawa walaupun ia dilihat tetapi untuk menenteramkan keadaan iaitu daripada kerana seorang yang ini menyebabkan keadaan lebih huru-hara iaitu masalah awam, kepentingan umum, kepentingan ramai itu. Ia juga mengatasi kepentingan individu. Saya berpendirian sedemikian, sebab itu saya

katakan bahawa asalkan dia tidak teraniaya ketika berada dalam tahanan, maka dia perlu ditahan untuk kepentingan umum kerana apabila dia berada di luar, dia boleh melakukan satu provokasi yang menyebabkan keadaan lebih huru-hara. Ya, Yang Berhormat Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat memberi laluan. Saya bangun untuk membawa isu yang sama yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Machang iaitu prinsip sejagat ini.

Namun, nampaknya kita perlu *agree to disagree*. Nampak pendirian fahaman prinsip sejagat ini adalah jauh berbeza, tetapi bagi fahaman saya dan Yang Berhormat daripada Machang prinsip sejagat yang diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai nilai hak asasi, yang juga diiktiraf di semua agama ialah kita tidak boleh menghukum mana-mana pihak tanpa mendakwa dan membuktikan di mahkamah. Kita mesti ada bukti itu dan mesti buktikan itu sebelum kita hukum.

Sekarang, apa yang kita lakukan melalui ISA, kita menghukum tanpa bukti ternyata secara umum. Namun, Tuan Yang di-Pertua saya bangun juga untuk minta penjelasan daripada satu kenyataan tadi oleh Yang Berhormat Batu Pahat apabila dia sebut Amerika pun ada ISA. Ini saya ingin beritahu, Amerika langsung tidak ada undang-undang ISA dalam bentuk kita ada.

■1450

Apa yang mereka ada, apa yang mereka gunakan untuk menangkap dan menahan di kem Guantanamo Bay bukan macam ISA. Akta mereka hanya digunakan atas orang-orang yang bukan warganegara Amerika, ini bezanya. Itu pun kita tidak seharusnya terima sebab itu satu kezaliman walaupun dilakukan kepada orang-orang yang bukan warganegara Amerika Syarikat. Tindakan mereka yang disimpan di Guantanamo Bay kita sudah kutuk, Perdana Menteri negara kita pun sudah kutuk tindakan zalim Amerika Syarikat ini, kita sokong itu.

Akan tetapi di negara kita sendiri, kita ada Guantanamo Bay kita sendiri. Yang lebih teruk sebab kita tangkap dan tahan tanpa bicara warganegara kita sendiri. Ini yang kita buat atas nama keadilan ataupun atas nama kepentingan negara, keselamatan negara dan sebagainya. Akan tetapi ini merupakan satu pelanggaran hak asasi dan pelanggaran nilai agama.

Saya minta penjelasan itulah, dari segi sama ada Yang Berhormat Batu Pahat boleh menerima apa yang disebut tadi tentang Amerika Syarikat itu salah, fahaman salah tentang hakikat undang-undang yang digunakan dan sebenarnya apa yang berlaku di Guantanamo Bay. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sebelum Yang Berhormat Batu Pahat jawab, saya nak bagi peringatanlah Yang Berhormat. Kita ada lapan hari, biasanya apabila dasar dibahas, sekurang-kurangnya 110 orang akan berdiri membahas.

Jadi apabila Yang Berhormat menggunakan banyak masa ini, maknanya kawan-kawan selepas Yang Berhormat akan dikurangkan. Jadi siapa yang kemudian nanti rasa marah, yang kena ialah Tuan Yang di-Pertua, kita tidak *manage*. Yang Berhormat bantulah saya, bantulah

Tuan Yang di-Pertua supaya tak payahlah, tak mungkin Yang Berhormat boleh memuaskan perasaan ataupun pendapat mana-mana orang dalam berbahas soalan prinsip dan dasar ini.

Jadi saya ingat gunakan peluang yang ada pada Yang Berhormat untuk membahas apa sahaja cadangan kepada kerajaan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Insya-Allah saya akan menunaikan pandangan dan nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya rasa Tuan Yang di-Pertua saya juga bertanggungjawab untuk menjelaskan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Subang.

Dari sebab itu saya kata bahawa kalau Amerika boleh berbangga ia sebagai sebuah negara yang paling demokratik "*the Uncle Sam*" dengan izin, kita tidak boleh membezakan sama ada ia tidak melibatkan rakyat dia tetapi dikenakan kepada rakyat asing. Bagi saya itu sama sahaja, sebab itu saya kata bahawa mereka lebih teruk, mereka lebih melakukan diskriminasi sebenarnya. Iaitu ISA itu dalam bentuk yang sama ISA, hanya pada orang luar, tidak pada orang negeri dia sendiri. Yang penting bagi saya, mereka juga ada kaedah yang hampir sama.

Sebab itu saya kata bahawa dalam persoalan ini, dalam kes-kes jenayah yang perlu dibuktikan di mahkamah, kita tidak perlu tahan mereka di bawah ISA. Yang saya maksudkan di sini ialah kepentingan ketenteraman awam itu. Iaitu kalau kehadirannya di luar itu boleh menyebabkan timbul kekecohan maka dia perlu ditahan ...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: ...Disimpan sementara waktu, itu yang saya maksudkan dan ini yang saya bersetuju. Sebab itulah saya menyentuh dan menyebut di sini bahawa tidak boleh disalahgunakan, itu sahaja yang saya maksudkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada dua orang yang berdiri Yang Berhormat. Mana satu yang hendak bagi ataupun nak beri ataupun tidak beri?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Saya bagi Yang Berhormat Pasir Mas dululah.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih, dia bagi kat saya Tuan Yang di-Pertua sebab saya dua kali ISA. Lepas itu lama pula tu, bukan 7, 8 hari. Saya hendak tanya Yang Berhormat konsep yang dikatakan *human right* ini. Kalau diambil kira perkataan *human right in total* lah, maka kalau Yang Berhormat bersetuju kita tidak payah ada apa-apa undang-undang lagi dalam negara. *Just be free*, maknanya bawa kereta ikut suka hati, kelajuannya ikut suka sebab itu hak asasi. Apakah itu yang dimaksudkan dengan prinsip hak asasi yang dimaksudkan? Kita ada Dewan Rakyat ini, kita menggubal undang-undang kerana kita rasa undang-undang itu satu peraturan untuk mengurus kehidupan manusia.

Yang kedua, apakah Yang Berhormat mengikuti waktu saya membahas titah diraja selepas sidang Dewan Rakyat bermula selepas pilihan raya keduabelas, panjang lebar saya cakap. Iaitu ISA perlu dikekalkan tetapi mesti ditambah baik nilainya, kita fokus di situ. Di mana seksyen 8, kuasa menteri dipindahkan ke satu jawatankuasa kecil yang mengandungi wakil daripada polis, Pejabat Peguam Negara, SUHAKAM, wakil akademik ataupun NGO supaya tidak dilihat ISA ini disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu kerana salah tangkap begitu. Jadi biar *committee* ini memutuskan soal-soal itu patut ditahan atau tidak untuk tujuan pencegahan.

Dan saya cadang juga 8(b), 8(c) ini dikaji semula, tempoh tahanan 60 hari dipendekkan ke 40 hari. Kemudian selepas itu dibawa dalam mahkamah terbuka. Sebab saya mengatakan demikian, bahawasanya mengambil suasana sekarang ini, isu-isu globalisasi, *terrorist*, ancaman kumpulan dadah, begitu juga dalam negara kita masalah perkauman, isu-isu agama yang boleh mencetus huru-hara bila-bila masa sahaja.

Saya mengemukakan demikian Ahli Yang Berhormat Batu Pahat sebab tak tahulah mungkin ada pihak suka tengok nanti esok di Malaysia juga akan terjadi peristiwa bas meletup, hotel meletup, pasar meletup. Kalau itu yang dikirakan harga untuk hak asasi manusia, saya tidak tahulah tetapi saya menentang keras demi keamanan dan kemakmuran negara kita yang kita kasihi. Sekian, terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya banyak membaca buku tahanan-tahanan ISA ini. Dan kebanyakan hampir sama iaitu tentang satu *committee* yang akan menilai sama ada mereka boleh dibebaskan ataupun tidak dalam masa-masa tertentu. Sebab itu saya setuju bahawa penambahbaikan ini perlu dilakukan dan itu saya kata bahawa latar belakang negara kita ini kadang-kadang memerlukan kita mempunyai satu undang-undang seperti ISA ini untuk memastikan bahawa keutamaan kita nanti ialah soal pembangunan negara dan sebagainya.

Sebab masih banyak isu-isu yang terlalu sensitif yang jika tidak dikawal dengan baik. Kita boleh bercakap bahawa kita mesti bersatu padu dan sebagainya, kita boleh bercakap bahawa perkara ini adalah biasa dan tidak ada apa. Akan tetapi yang paling kita takutkan ialah bahawa kita akan terus mengeksploitasi isu-isu yang sensitif ini.

Oleh sebab itulah saya merasakan bahawa ISA ini masih diperlukan. Saya berharap maksudnya bahawa jika mahu digunakan pun, apabila sudah sampai ke satu *level* yang kita bimbang jika tidak dikawal, sudah banyak ditegur, sudah banyak diberitahu, jangan berhimpun, jangan berkumpul, jangan lagi bercakap tetapi cakap juga, berhimpun juga, maka kita terpaksa juga gunakan. Ini *last* lah tentang ISA ya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Saya ingin untuk menyambung dan melanjutkan perbincangan dan perbahasan ini kerana saya kira penghujahan Yang Berhormat Batu Pahat sebentar tadi ada *floor* nya di situ. Di mana beliau menggunakan Tuan Yang di-Pertua, ada

kecacatannya di situ di mana penggunaan maslahat ummah ataupun *public interest* diungkapkan dan di invokasi kerana kononnya dengan mempertahankan dan membela maslahat ummah ini maka diperlukan satu *legal tool* yang bernama *Internal Security Act*, ISA ini yang sekali gus bercanggahan dengan prinsip-prinsip keadilan Islam mahupun prinsip keadilan sejagat.

Yang Berhormat Batu Pahat sebentar tadi Tuan Yang di-Pertua tidak menghujahkan kembali apa yang disebut oleh Yang Berhormat Machang. Apabila ditanya tentang prinsip Islam yang menyebutkan tentang... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Seorang peribadi itu dianggap tidak bersalah kecuali telah terbukti dalam proses undang-undang. Di mana di sana ada pendakwaan, ada pembelaan di mahkamah terbuka, *there is defended lawyer* untuk membela dirinya dan seterusnya berlaku penghukuman. Itu dari sudut pandangan Islam, di mana kalau prinsip itu dicanggahi kerana kononnya kemaslahatan ummah, kemaslahatan ummah itu mestilah dalam Islam juga kalau hendak digunakan maslahat ummah itu mesti *established*, mesti mukabalah sifatnya, dikenal pasti, diyakini. Jadi kalau ambil dari sudut prinsip sejagat sekalipun, *innocent unless proven guilty*, dengan izin.

■1500

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tolonglah Yang Berhormat. Tanya saja, Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sikit lagi. Jadi saya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta sungguh-sungguh. Apakah Yang Berhormat Batu Pahat bersedia untuk menerima bahawa undang-undang yang ada di negara kita ini tidak mencukupi untuk mengawal dan memastikan keselamatan dan apa juga yang dimaksudkan dengan *security* yang dikatakan maslahat ummah sebentar tadi. Apakah tidak cukup dengan Akta Hasutan, apakah tidak cukup dengan *Official Secrets Act* atau OSA, *Police Act* dan seumpamanya. Hari ini terbukti bahawa kalau semua undang-undang itu digunakan, jelasnya tidak perlu ISA. Maka dengan kata lain Tuan Yang di-Pertua, kalau penghujahannya begitu maka apakah Yang Berhormat Batu Pahat bersedia menerima bahawa kita masih lagi tidak bertamadun dari sudut sistem *judiciary* ataupun sistem kehakiman kita. Sekian, terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya ingin menjelaskan sikit sahaja iaitu bahawa dalam isu ini, kalau kita menggunakan mahkamah iaitu Akta Hasutan sebagai contohnya. Kita tahu bahawa kita akan gunakan perbicaraan itu sebagai tempat untuk kita membangkitkan lagi kemarahan dalam perbicaraan dan sebagainya. Sebab itu saya kata kadang-kadang membuang masa. Sebab itu perlunya ISA ini. Tidak perlu dibicarakan. Sebab itu saya pernah memberi satu contoh yang pernah saya sebut pada zaman Sayidina Umar. Saya sudah menyebut tentang contoh ini iaitu bahawa Sayidina Umar mengambil tindakan membuang daerah. Apa salah pemuda itu? Dia tidak ada salah apa-apa. Cuma kerana dia *handsome* sangat saja dia dibuang daerah.

Apakah alasan Sayidina Umar? Kepentingan umum. Dia perlu dikeluarkan daerah untuk menjaga ketenteraman. Itu pun diberi makanan, dihantar makanan dan sebagainya. Duduk di padang pasir itu. Supaya tidak berlaku penganiayaan. Samalah kita dalam penjara ini. Kita bagi makan. Yang Berhormat Seputeh saja kata bagi makanan macamlah satu *level* dengan makanan binatang yang lain. Itu saja.

Okey, saya pindah kepada tentang FDI ini. Isu FDI ini sebab ia juga banyak disentuh oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya ingin menyatakan di sini bahawa memang kalau kita lihat kepada laporan yang ada, sebenarnya kita memang berhadapan dengan satu masalah untuk menarik pelabur-pelabur asing ini terutamanya daripada Amerika dan Eropah. Ini kerana kebanyakan mereka ini lebih berminat pergi ke negara lain yang berasaskan kepada *level intensive* ini. Akan tetapi itu tidak bermakna kita menerima juga pelabur yang berasaskan kepada *high end technology* terutamanya dalam bidang teknologi. Ini tidak ada sesiapa yang boleh menafikan. Kita sekarang ini menerima banyak pelabur daripada Timur Tengah terutamanya di Wilayah Iskandar, Malaysia.

Ini adalah satu bukti yang menunjukkan bahawa kita berhadapan dengan masalah yang sama dihadapi oleh negara lain. Cuma persoalannya, kalau kita menerima pelaburan FDI berasaskan kepada *level* intensif ini, maka sudah tentulah kita terpaksa menarik pekerja-pekerja ataupun buruh asing Indonesia lebih banyak masuk ke negara. Tidak ada faedahnya juga. Sebab itu mereka suka pergi ke Vietnam dan sebagainya. Ini cabaran yang terpaksa kita hadapi. Oleh kerana itulah, bagi saya di dalam perancangan ekonomi negara iaitu koridor-koridor ini adalah merupakan satu pendekatan dan strategi yang baik untuk menarik pelabur yang berasaskan kepada *high end technology*.

Oleh kerana itu, apa yang kita minta kepada pihak kerajaan sekarang ini ialah menyediakan satu pelan yang lebih rapi iaitu bagaimanakah kita boleh menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing berasaskan kepada cabaran masa kini terutamanya apabila banyak syarikat daripada Eropah dan Amerika tidak lagi mahu datang ke tempat kita. Perlu ada satu pendekatan yang baru. Bagi saya pendekatan iaitu menarik pelabur daripada Timur Tengah ini adalah satu daripada perkara yang perlu menjadi tumpuan kepada kita dan oleh kerana itulah kita mengharapkan bahawa kemudahan-kemudahan yang mereka perlukan, yang sesuai dengan mereka di koridor-koridor ini perlu disediakan supaya lebih banyak pelabur daripada Timur Tengah yang masuk ke negara kita.

Sebab itu apabila menyebut tentang daya saing, kita perlu berdaya saing sebab di dalam menarik kemasukan pelabur asing dan inilah yang disebut dalam strategi yang ketiga dalam Bajet 2009 iaitu soal kerajaan mahu menyediakan daya saing sebenarnya sebab kita mesti berdaya saing. Yang Berhormat Permatang Pauh pun banyak menyebut tentang daya saing. Apabila kita mempunyai daya saing ini, maka pelabur sebenarnya lebih suka untuk datang melabur. FDI kita akan meningkat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Akan tetapi bila menyebut tentang daya saing ini. Sebentar, Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Okey.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya ingin membangkitkan nasib yang diterima oleh Proton sekarang ini. Saya merasakan bahawa Proton seperti sudah kehilangan daya saing. Proton seperti tidak berdaya saing. Sebab itu kadang-kadang bagi saya *pride without substance* ini dengan izin tidak membawa sebarang makna lagi kepada kita. Kita bangga dengan Proton. Akan tetapi kalau sudah tidak ada *substance* nya lagi, model-model baru tidak lagi boleh dikeluarkan, enjin-enjin kereta macam Perdana ini banyak menimbulkan masalah. Akhirnya Proton akan menjadi jaguh kampung.

Kita tidak tahu sehingga ke hari ini kita pun tidak pernah lagi diberitahu apa sebenarnya pelan kita. Apakah polisi kereta nasional ini sudah tidak lagi relevan kepada kita. Kita tidak lagi perlukan apa yang disebut sebagai kereta nasional. Akan tetapi kalau kita sebut bahawa kita tidak perlukan kereta nasional, kita lihat pula kejayaan seperti Perodua berbanding dengan apa yang dihadapi oleh Proton sekarang ini. Itu yang saya risau di sini iaitu apakah perkembangan tentang usaha untuk mencari rakan baru oleh Proton supaya mempunyai teknologi yang lebih baik dan dapat dijual dengan *volume* yang lebih banyak di negara luar.

Jadi apa yang kita lihat di sini bahawa apabila disebut perkara ketiga tentang daya saing ini, kita melihat daya saing kepada Proton itu seperti tidak ada.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Saya cukup bersimpati dengan keinsafan dan juga ketulusan Yang Berhormat Batu Pahat berhujah. Merakamkan betapa negara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payah, Yang Berhormat. Tanya saja, Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terus jatuh dalam tangga daya saing dan *comparativeness* kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payahlah simpati. Tanya saja.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Batu Pahat. Faktor daya saing bukan hanya satu sudut. Beliau juga sedia maklum. Persoalannya hari ini apakah kita benar-benar mampu memacu sebuah ekonomi yang tidak hanya menggamit FDI, Pelaburan Asing Langsung ini dengan hanya *low cost* seperti mana yang disebutkan tadi. Memang kita sudah tahu daripada situ. Apabila kita mahu *go up the higher high end, supply chain*, kita memerlukan juga di samping infrastruktur yang sudah *first class* di negara kita ini, satu kesediaan, *workforce* yang juga bersifat daya saing. Apakah kita benar-benar mampu melahirkan daripada *public university* kita, universiti-universiti awam kita ini

satu kesediaan, *workforce* yang *knowledge intensive*, yang *knowledge workers*. Yang hari ini kita lihat banyak pertikaian dibuat ataupun pertikaian dibahaskan di Dewan yang mulia ini tentang *mismatch*, *mismatch of graduate* yang tidak mengisi keperluan industri-industri yang nak kita pacu. Itu satu.

Dari sudut kesukaran juga untuk melakukan *business* seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Baru-baru ini saja kerajaan ingin untuk memperbaiki kedudukan itu. Jadi persoalan daya saing ini yang jelas daripada statistiknya, kita adalah tercorot daripada sepuluh negara ASEAN dan yang mutakhir ini kita mendapati diri kita, mendapati negara ini terbawah. Jadi mahu menyebut-nyebut tentang daya saing satu hal. Akan tetapi apakah benar-benar negara ini Yang Berhormat Batu Pahat, dapat kita lihat sebagai menyediakan faktor-faktor ini untuk mempertingkatkan daya saing negara. Ataupun kita hanya retorik semata-mata.

■ 1510

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Pahat sudah bercakap satu jam ya Yang Berhormat ya? Sudah satu jam. Saya peringatkan hari kedua baru dua orang. Yang Berhormat belum habis lagi. Kita ada seratus lebih orang yang akan bercakap Yang Berhormat. Jadi bantulah saya. Saya bukan masalah Yang Berhormat. Tidak masalah pada saya. Yang tidak bercakap itu tidak kisah. Tapi pokoknya bila habis masanya nanti kita akan juga berhadapan dengan orang tidak bercakap. Sila Yang Berhormat. Jangan bagi peluang banyak sangatlah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mungkin sebab Ketua Pembangkang bercakap dekat enam jam ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tahu. Kalau semua hendak cakap macam Ketua Pembangkang, tidak ada orang lain bercakap.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebab itu Ketua Pembangkang itu memang dia cakap tidak ada apa Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jangan berdialog dengan saya Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi sebab itu kalau kita amati Bajet 2009 tentang strategi yang ketiga memang diperjelaskan tentang soal sistem pendidikan kita. Sebab itu saya merasakan bahawa dalam persoalan ini dia bukan soal di universiti sahaja tetapi di peringkat pendidikan rendah itu. Apa yang disebut *exam oriented* dengan izin, perlu dirombak kembali. *School based assessment* itu lebih penting sebenarnya. Sebab itu saya kata bahawa memang kita responsif terhadap keadaan yang menjadi cabaran kepada kita untuk kita menjadikan rakyat kita ini adalah rakyat yang berdaya saing. Oleh kerana itu bagi saya strategi yang telah digunakan sudah begitu banyak dan saya ingin menyebut di sini bahawa selain daripada pendidikan di sekolah yang perlu dirombak balik

supaya asas daya saing ini dididik lebih awal kepada anak-anak kita yang berasaskan kepada *school based assessment* ini. Iaitu bukan lagi berdasarkan kepada sistem peperiksaan. Saya yakin bahawa kalau ini dapat dilakukan dan saya yakin bahawa inilah yang akan dilakukan dan sebab saya membaca kenyataan yang dibuat oleh Menteri Pendidikan iaitu bahawa mereka akan mengkaji cadangan tersebut supaya anak-anak kita ini disediakan di peringkat sekolah rendah lagi sebelum mereka masuk ke universiti.

Kita sering menyalahkan sistem di universiti. Tetapi dalam masa yang sama kita terlupa di sekolah rendah sebenarnya mereka ini datang daripada sekolah rendah, sekolah menengah sebelum masuk ke universiti. Kalau mereka ini terbiar sebenarnya di peringkat pendidikan rendah dan menengah, maka harapan kita untuk melahirkan mereka yang berdaya saing, yang ingin kita proses dan kita bangunkan semasa universiti sudah agak terlambat. Sebab mereka ini sudah terbentuk di peringkat mereka mempunyai potensi yang besar di sekolah rendah tetapi tidak dibentuk menjadi seorang yang berdaya saing. Sebab itu kadang-kadang ada orang sebut, orang Malaysia ini kadang-kadang dia disebut sebagai "*late starter, poor finisher*" dengan izin.

Sepatutnya kalau *late starter* pun mestilah *good finisher*. Itu yang lebih baik. Ini sudahlah *late starter* tapi *poor finisher*. Saya fikir bahawa kita harus membetulkan persepsi yang dikaitkan dengan rakyat kita ini. Sebab itulah saya menyebut tindakan Tun Dr. Mahathir suruh orang kelilingi dunia, suruh panjat gunung Everest, suruh terjun di Kutub Utara sebab dia hendak mendidik anak-anak kita bahawa kita ini berdaya saing sebenarnya. Banyak yang dia buat dalam perkara-perkara seperti ini. Suruh Kapten Azhar mengelilingi dunia dengan perahu layar. Individu Malik Mydin berenang daripada Calais ke Dover dan akan membuat cabaran baru untuk menyeberangi Selat Bering sebagai contohnya.

Contoh yang menunjukkan bahawa Mahathir tahu masalah yang dihadapi oleh rakyat Malaysia ini ialah daya saing. Maka dia hendak mendidik rakyat dengan cara yang sedemikian sebab mungkin kegagalan Menteri Pendidikan masa itu tidak buat apa-apa dalam soal daya saing. Sekarang baru hendak bercakap daya saing bila sudah ada lagi jawatan Menteri Pendidikan. Cuma hendak tunggu jadi Perdana Menteri sahaja. Itu pun tidak tahu bila. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebut sedikit di awal kepada bajet ini iaitu tentang Jaringan Keselamatan Sosial ataupun *Social Safety Net* dengan izin. Ini cukup penting dan ini yang saya kata bahawa kerajaan cuba memenuhi strategi yang pertama iaitu kesejahteraan rakyat. Kesejahteraan rakyat adalah merupakan strategi pertama di dalam Bajet 2009 ini.

Di sebut lebih awal iaitu tentang jaringan keselamatan sosial ini yang tujuannya ialah untuk membasmi kemiskinan. Saya cukup yakin bahawa kerajaan adalah komited dalam usaha untuk membasmi kemiskinan di negara kita ini. Boleh dikatakan bahawa pendekatan-pendekatan kita dalam menghapuskan ataupun mengurangkan kemiskinan ini adalah cukup berjaya. Sebab itulah sekarang ini kadar kemiskinan di negara kita pada tahun 2007 sudah pun menurun kepada 3.7%. Ini kejayaan sebenarnya sebab kita banyak pendekatan, banyak strategi. Rumah murah,

rumah mesra rakyat, mikro kredit, macam-macam. Jadi janganlah kerana satu yang baru kerajaan PKR buat ini riuh sekampung. Kerajaan Barisan Nasional sudah buat lama sudah sebab itulah kadar kemiskinan turun kepada 3.7%. Janganlah kerana buat yang kecil-kecil itu pun jadi riuh sekampung, macam-macam sebut semalam itu. Kita sudah buat lama sudah. Betul, sudah lama kita buat. Ya Yang Berhormat Sungai Siput.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat dan Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat katakan kerajaan prihatin pada orang golongan miskin dan... tetapi saya mahu tahu adakah Yang Berhormat Batu Pahat rasa kecewa kerana kerajaan kita ini dalam bajet yg baru dikemukakan, langsung tidak ada langkah-langkah atau program spesifik untuk kendalikan kegawatan ekonomi yang akan datang sekarang. Dalam kegawatan ekonomi ada pekerja yang akan hilang kerja, ada pekerja yang beli rumah tidak boleh bayar pinjamannya.

Telah lama MTUC telah minta kerajaan mengadakan satu tabung untuk melindungi pekerja yang hilang kerja. Memberi mereka satu pampasan dan sampai sekarang tidak ada satu program-program yang spesifik berkenaan dengan kehilangan kerja dan berkenaan dengan masalah pinjaman perumahan. Adakah dikatakan kerajaan *responsible*, tanggungjawab, prihatin tapi tidak ada *contingency plan*. Jika katakan kerajaan tidak jangka ini berlaku, *something is wrong* juga *you know*. Kerana ini dalam sistem kapitalis ini kegawatan berlaku dari masa ke semasa. Kita mesti ada *plan-plan* kontingensi. So penjelasan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Sungai Siput, sebenarnya di dalam Bajet 2009 ini kerajaan menubuhkan satu tabung yang dinamakan sebagai Dana Program Amal Jariah. Kerajaan menyediakan peruntukan awal sebanyak RM50 juta. Oleh kerana itulah masanya kerajaan juga, kalau baca balik dalam belanjawan itu Perdana Menteri menyebut tentang apa yang sebagai CSR, *corporate social responsibility*. Mereka minta iaitu bahawa kerajaan sudah memulakan wang sebanyak RM50 juta sebagai permulaan kepada tabung Dana Program Amal Jariah ini. Oleh kerana itu Perdana Menteri menyebut bahawa syarikat-syarikat swasta juga harus memberi sumbangan berasaskan kepada konsep *corporate social responsibility* ini. Saya fikir perkara ini ada. Sebenarnya perkara ini ada sebenarnya, ada di sebut kalau kita meneliti, membaca bajet ini secara teliti.

Soalnya ialah apakah syarikat-syarikat swasta ini mempunyai *social responsibility* ini iaitu mereka menyahut seruan ini. Kita boleh bertanya kepada menteri nanti iaitu setelah perkara ini dibentangkan, apakah sudah ada, maksudnya syarikat swasta yang menyumbang kepada tabung ini. Sebab itulah saya merasakan dalam perkara ini, saya boleh berkongsi dengan Yang Berhormat Sungai Siput bahawa kita mahukan GLC-GLC ini juga berperanan. Berperanan membantu dana ini sebagai persiapan. Sebab itulah saya yakin kerajaan lebih fokus iaitu kerana kesan kenaikan harga minyak.

■1520

Maka bajet ini menumpukan kepada kesejahteraan rakyat. Sebab itu dikatakan kerajaan prihatin iaitu menumpu kepada program-program yang berasaskan kerakyatan terlebih dahulu walaupun ada orang mengkritik bahawa seolah-olah tidak ada keseimbangan dari segi sistem fiskal dan sebagainya. Bajet ini yang lebih *fundamental* pada mereka untuk berhadapan dengan cabaran global. Akan tetapi kerajaan memberi pertimbangan soal cabaran domestik. Sebab itulah bajet ini bajet kerajaan yang prihatin yang lebih menumpu kepada masalah-masalah *grass root*. Saya tahu ada orang mengkritik bajet ini iaitu tidak ada penjelasan tentang sistem fiskal kita. Bagi saya inilah yang lebih sesuai dalam keadaan kita melihat harga minyak naik ketika itu dan harga barang juga terus naik. Saya dalam soal ini saya boleh berkongsi iaitu bahawa GLC berperanan. Sebab itu saya boleh mempersoalkan Petronas sebagai contohnya. Apabila mereka memberikan bonus lima bulan. Saya merasakan ini tidak ada kewajarannya. Katalah ada 30,000 kakitangan Petronas yang bergaji RM2,000. Kalau lima bulan RM300,000,000. Bukankah lebih baik RM300,000,000 ini diberikan kepada tabung ini. Bayangkan kalau *top management* dia dengan izin gaji RM15,000, kalau lima bulan?

Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Sepanggar di belakang.

Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]: Minta penjelasan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: RM35,000. Sebentar ya. Kalau lima bulan sudah jadi RM75,000. Dalam perkara ini, saya boleh menerima satu kenyataan bahawa perkara ini sepatutnya difikirkan oleh kepimpinan Petronas sebenarnya. Apakah kewajarannya dalam keadaan sekarang ini? Ya, sila Yang Berhormat Sepanggar.

Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Menyentuh mengenai sosial domestik ini, apabila kita menyentuh mengenai sosial domestik, adakah ini termasuk kepada sosial domestik pihak daripada negeri-negeri seperti Sabah dan Sarawak oleh kerana memang kita tahu di Sabah dan Sarawak ini begitu mundur sekali dalam sosialnya. Ini disebabkan saya rasa keseimbangan peruntukan itu tidak diberi dengan keseimbangan yang sepatutnya diberikan. Maka inilah sebenarnya masalah di mana cabaran besar kita ke tahap keseimbangan ini tidak diberi sama rata. Rakyat kita di Sabah begitu mundur, begitu daif tidak diberi. Adakah Yang Berhormat dapat memberikan penjelasan ini?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sepanggar kerana membangkitkan perkara. Perkara ini perlu diberi perhatian dan saya yakin kalau sekiranya seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Kalabakan tadi, saya yakin Yang Berhormat Sepanggar akan duduk balik di tempat asal dia. Tentang Petronas tadi, sebab itu saya kata bahawa saya cukup kritis terhadap isu ini sebab kita berasakan bahawa

dana Program Amal Jariah ini boleh berbentuk dari segi pemberian biasiswa. Kita tahu bahawa Petronas memang banyak memberikan biasiswa.

Akan tetapi kita tahu juga Petronas dalam pemberian biasiswa itu mereka menentukan dalam bidang-bidang tertentu. Kita mahu maksudnya biasiswa ini adalah biasiswa yang diberi sama rata kepada pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah juga. Dalam soal ini saya bersetuju iaitu bahawa pembangunan di Sabah dan Sarawak itu satu cara yang paling penting ialah kita mesti memastikan bahawa... ini soal daya saing iaitu bahawa kemudahan pendidikan, sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak. Saya tengok dalam TV bagaimana pelajar-pelajar hendak pergi ke sekolah menggunakan sampan tidak memakai *life jacket*. Ini cukup bahaya. Saya tengok ada pula satu filem yang dia tunjukkan itu dia memakai *life jacket* yang tidak cukup dan pelajar-pelajar cukup padat naik sampan yang bagi saya cukup bahaya. Jadi sebab itulah menyebabkan barangkali apabila maksudnya kita menggunakan sistem meritokrasi tetapi tidak ada keseimbangan.

Maksudnya *level playing field* yang masih tidak sama khususnya di luar bandar. Apatah lagi di Sabah dan Sarawak. Maka sebab itulah kita tidak boleh mengamalkan sistem meritokrasi yang sebenarnya tidak memberi keadilan kepada rakyat terutamanya di Sabah, di Sarawak, apatah lagi di luar bandar, apatah lagi Orang-orang Asli ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Pahat, belum ada berucap. Yang Berhormat sendiri menjawab soalan orang. Jadi saya memperingatkan lagi Yang Berhormat. Sebelum kita mengehadkan masa untuk bercakap, jadi saya ingat Yang Berhormat berucaplah atas dasar benda yang Yang Berhormat sendiri hendak bawa ke Dewan. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Itu sebenarnya tidak faham. Sebab itu saya kata tadi tentang Tabung Dana Program Amal Jariah ini saya kata bahawa jangan hanya mengharap kerajaan, perlulah pihak swasta juga turut menyumbang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting sebenarnya. Saya tadi bercakap tentang jaringan keselamatan sosial. Jaringan keselamatan sosial. Oleh kerana itulah dalam membasmi kemiskinan ini, saya fikir *basic need* dia itu perlu menjadi keutamaan iaitu perumahan. Oleh kerana itulah saya mengharapkan rumah mesra rakyat ini yang sebenarnya memang amat diperlukan dan memberikan keselesaan yang lebih baik kepada mereka yang memerlukan rumah tetapi kita melihat *constrain* dari segi bajet ataupun jumlah kewangan sebenarnya untuk membina rumah mesra rakyat.

Maka saya berharap kepada kerajaan akan memberikan tumpuan supaya memberikan peruntukan tambahan sebenarnya untuk pembinaan rumah mesra rakyat. Sebab saya tahu saya sebagai Ahli Parlimen, saya sering didatangi oleh pihak-pihak masyarakat di bawah yang sebenarnya bersedia untuk mendapatkan kemudahan pembinaan rumah mesra rakyat. Akan tetapi kita tidak dapat menyediakan borang yang banyak atas alasan kerana peruntukan yang

tidak mencukupi. Oleh kerana itulah saya berharap sesuai dengan apa yang disebut di dalam Bajet 2009 ini iaitu kesejahteraan rakyat, maka kita berharap bahawa penyediaan rumah sebagai *basic need* dengan izin kepada rakyat miskin ini terutamanya mereka yang berpendapatan rendah dapat dipertingkatkan.

Oleh kerana itulah saya menyatakan di sini bahawa keputusan kerajaan iaitu untuk mengecualikan pembayaran bil elektrik ini yang di bawah RM20 adalah cukup baik walaupun pembangkang kata kerajaan tiru Selangor. Sebenarnya saya lihat Selangor sendiri pun sekarang ini bermasalah untuk memberikan air percuma. Sebab itu dia hendak ambil alih SYABAS. Apa perlunya dia hendak ambil alih SYABAS? Sedangkan SYABAS memberikan perkhidmatan yang baik. Jadi kenapa maksudnya Kumpulan Darul Ehsan yang tidak ada kepakaran dalam pengurusan air mahu mengambil SYABAS dengan harga yang dianggarkan. Kalau dibaca dalam majalah ekonomi *The Edge* sebagai contohnya akan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM12 bilion. Ini pembaziran.

Lebih baiklah duit itu digunakan untuk membersihkan sungai-sungai dan saya setuju dengan memorandum rakyat yang dihantar supaya tidak dibenarkan pengambilalihan ini supaya duit itu boleh digunakan untuk membersihkan sungai-sungai maka kos rawatan murah dan tarif air tidak akan meningkat. Jadi sebab itu saya minta Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi supaya janganlah dilaksanakan permintaan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mengambil alih SYABAS yang terbukti memang efisien dari segi pengurusan air di Negeri Selangor.

Tuan Yang di-Pertua...

Tan Sri Dato' Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Boleh saya terangkan sedikit? Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini boleh membuang masa saya kerana banyak fakta yang disebut oleh rakan kita dari Batu Pahat ini tidak betul. Jadi oleh sebab saya tidak hendak membuang masa untuk menjawabnya sebab rancangan penstrukturan air ini dibuat oleh kementerian sendiri.

■1530

Jadi, saya rasa ini satu perkara yang tidak perlu dibangkitkan walaupun ini adalah perbincangan mengenai belanjawan. Perkara yang kedua, saya rasa oleh kerana belanjawan ini perlu diteliti dari segi angka-angkanya, jadi saya harap kita betul-betul melihat kepada fakta-fakta tersebut. Saya rasakan perbincangan Yang Berhormat Batu Pahat ini dalam Inggerisnya agak terlalu *loose*. Kita sebagai profesional tidak boleh berlaku demikian. Ini rekod yang akan direkodkan untuk masa yang akan datang. Serupa juga dengan perkara Yang Berhormat Batu Pahat bangkitkan.

Oleh kerana itu saya berharaplah perkara yang kita bangkitkan itu kalau tidak betul, kalau tidak tahu pun, saya ingat Yang Berhormat Batu Pahat boleh menulis kepada Menteri Besar Selangor ataupun Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi untuk membuat penjelasan tetapi

tidak digunakan sebagai asas untuk memanjangkan belanjawan yang perlu diteliti secara halus. Jadi, itu pentingnya. *[Tepuk]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih, Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Kita membangkitkan soal pembaziran, soal keutamaan dan rakyat telah menghantar memorandum. Kalau kita merasakan bahawa itu bukan pembaziran dan itu adalah keutamaan, saya tidak tahulah. Bagi saya keutamaan yang lebih penting ialah pembersihan sungai-sungai. Apa gunanya kita hendak buang RM10 bilion kecuali kalau benar kita merasakan bahawa SYABAS tidak dapat memainkan peranan sebagai syarikat yang bertanggungjawab untuk membekalkan air secara lebih efisien di negeri Selangor.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Angka itu salah.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang pengangkutan awam. Pengangkutan awam juga menjadi satu isu yang besar, yang perlu diberi perhatian. Kalau kita lihat berdasarkan kepada statistik bahawa 40% yang bekerja di bandar ini ataupun lebih kurang 2 *million* kereta yang masuk ke Kuala Lumpur ini adalah yang disebut sebagai SOV iaitu *single occupant vehicle*. Oleh kerana itu kita merasakan bahawa punca perkara ini berlaku ialah mereka merasakan sistem pengangkutan awam di ibu kota kita ini masih tidak efisien terutamanya mereka yang berjawatan profesional dan apabila dia tidak efisien maka mereka tidak mahu menggunakan kemudahan pengangkutan awam ini.

Oleh sebab itulah, kita melihat baru-baru ini Perdana Menteri sendiri membuat satu *spot check*, dengan izin, iaitu melihat keberkesanan pengangkutan awam di negara kita ini. Oleh kerana itulah saya memikirkan supaya penggalakan penggunaan pengangkutan awam ini dapat dipertingkatkan maka kita harus melihat apakah pendekatan yang terbaik sebenarnya. Kita tahu bahawa kebanyakan syarikat pengangkutan awam ini mereka tidak mahu komited kepada apa yang disebut sebagai laluan-laluan sosial ini dan inilah yang menyebabkan akhirnya orang tidak mahu menggunakan kemudahan pengangkutan awam di negara kita ini sebab laluan-laluan sosial ini dilihat sebagai merugikan mereka. Maka sebab itulah saya fikir bahawa ini perlu menjadi perhatian kepada pihak kerajaan.

Satu lagi masalah kepada kemudahan pengangkutan awam ini ialah bahawa tidak ada satu pihak sebenarnya yang mengawal tentang keberkesananannya - efisien atau tidak efisiennya pengangkutan awam ini. Maksudnya seperti lambat, kadang-kadang bas tidak ada ataupun bas tidak selesa, *aircond* pun tidak ada dan sebagainya. Ini dibiarkan. Oleh sebab itulah dalam lawatan kami ke Taiwan yang cukup berfaedah itu...*[Disorak]* kami telah menggunakan kereta api laju daripada Taipei ke Kaohsiung.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sikit lagi. Di mana dia punya *accurate*, dari segi ketepatannya sebanyak 99.9%. Cukup efisien sebenarnya. Memang rakyat suka menggunakan kemudahan tersebut kerana ia cepat, laju dan sebagainya. Namun di negara kita, kalau sekiranya kita ada kemudahan kereta api laju seperti itu, katalah daripada Johor ke Kuala Lumpur, maka rakyat akan menggunakan kemudahan awam. Kalau ia laju, waktunya tepat dan susunannya adalah banyak - *very frequent*, maka orang mungkin tidak perlu duduk di Kuala Lumpur seperti mana di London di mana orang duduk jauh (*outsirt*) untuk bekerja di London sebab sistem pengangkutannya yang efisien. Ya, Yang Berhormat Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat dan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat kagum dengan ucapan Yang Berhormat Batu Pahat tentang pengangkutan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turun padang di stesen Serdang untuk mengambil perhatian tentang pengangkutan awam. Pada tahun 2006 apa yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah apabila harga petroleum naik sebanyak 30 sen menjimatkan sebanyak RM4.4 bilion, beliau ada berjanji untuk menaik taraf pengangkutan awam di Lembah Klang.

Sehingga ke hari ini janji tersebut belum ditunaikan. Dengan kenaikan harga sebanyak 70 sen, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga berjanji untuk menaik taraf pengangkutan awam. Adakah ini mencerminkan bahawa janji-janji ini hanya janji kosong dan tidak memberikan manfaat kepada warga kota Kuala Lumpur khususnya? Adakah Yang Berhormat menggesa tentang perkara ini kepada kerajaan supaya satu angka yang kukuh untuk menaik taraf khususnya pengangkutan di Lembah Pantai memberi manfaat kepada warga kota di Kuala Lumpur. Adakah Yang Berhormat bersetuju ataupun tidak? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Oleh sebab itulah tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang turun ke bawah adalah untuk memastikan beliau sendiri melihat tentang keberkesanan kemudahan pengangkutan awam di negara kita ini.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Penjelasan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sekejap. Saya hendak habiskan ini. Itu *commitment* dan kita tahu bahawa sebenarnya ini pun yang banyak kita sebut, yang kita minta supaya diberi perhatian sebab kita tahu kemudahan pengangkutan awam di negara kita ini memang kurang memuaskan, amat tidak memuaskan pun. Ia memang tidak memuaskan. Oleh sebab itulah apabila kerajaan memberi perhatian kepada isu ini, terutama dalam kenaikan harga minyak, maka saya harap bahawa kita mesti melaksanakan apa yang sudah dijanjikan kepada rakyat. Bagi saya, kita memang menuntut perkara ini dilaksanakan. Saya sebutkan tadi bahawa sekarang ini hanya 18% sahaja penduduk di ibu kota ini menggunakan kemudahan awam. Berasaskan kepada kajian ini ialah kerana mereka tidak selesa dengan sistem yang tidak begitu efisien. Oleh sebab itulah kadar 70% *single occupant vehicle* (SOV) ini, maksudnya sebuah

kereta hanya ada seorang sahaja di dalamnya adalah tidak baik kepada masalah kesesakan di ibu kota.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih, Yang Berhormat Batu Pahat. Memang baik Yang Amat Berhormat turun padang tetapi bukannya itu mencerminkan menteri-menteri sepanjang masa ini telah gagal menjalankan tanggungjawabnya untuk memperbaiki perkhidmatan pengangkutan awam ini? Apakah yang dibuat oleh menteri-menteri sepanjang masa ini sehinggakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kena turun padang?

■1540

Bukannya tidak baik, baik, tetapi itu juga mencerminkan kegagalan menteri dan pimpinan Barisan Nasional. Ini perkara satu. Perkara kedua ialah Yang Berhormat, saya tidak tahulah Yang Berhormat *Back-benchers* dan termasuk Yang Berhormat Batu Pahat yang ada pergi Taiwan, takkan tidak rasa malu kena pergi Taiwan menggunakan beratus ribu duit untuk belajar dari sebuah pulau di mana Barisan Nasional telah memimpin selama 51 tahun, hal-hal sebegini tidak dapat ditangani. Ini menunjukkan Barisan Nasional telah gagal tetapi Yang Berhormat balik sini kata, "Oh, ini kita telah banyak belajar, kita pergi tengok *bullet train*lah itu berapa *speed*." Itu tidak payah pergi sana tengok. Masuk laman web sudah tahu. *[Ketawa]* *[Tepuk]* Itu persoalannya.

Menteri selalu pergi melancong sini, melancong sana, mereka tidak belajar apa-apa. Apabila meminta peruntukan untuk pergi membuat lawatan sambil belajar untuk *conference*, pegawai-pegawai, agensi-agensi, apa yang mereka belajar sehingga mesti ada satu *special trip* untuk *Back-benchers* pergi. Jangan kata tidak guna duit rakyatlah. Duit *Backbenchers* juga dari wang rakyat. Hentilah, jangan hendak dalih, belajar sedikit dalam beberapa hari, kata banyak belajar.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Batu Gajah, sila duduk.

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Batu Gajah, bukan wang rakyatlah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itu mencerminkan Barisan Nasional telah gagal.

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Sendiri punya duitlah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Okey, cukup.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak ada rasa malu sikit ke?

Seorang Ahli: Tidak ada malulah, sendiri punya duit.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Minta jalan, Batu Pahat, Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Batu Gajah, mana yang lebih teruk, kami pergi tujuan melawat sambil belajar dengan duit sendiri berbanding dengan orang yang pergi hendak merayu supaya kami tandatangan surat untuk menubuhkan kerajaan yang sampai hari ini tidak terbuat pun. *[Tepuk]* Itu lagi membazir. Hendak tubuh kerajaan tidak payahlah hendak kejar kami sampai ke Taiwan. Itu lagi memalukan. Buang masa.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Saya amat tertarik dikatakan lawatan ke Taiwan ini amat berhasil. Bukan hanya lawatan belajar terutama dalam sektor pertanian jika saya tidak salah seperti apa yang dilaporkan dalam surat khabar. Saya ingin hendak tanya Yang Berhormat Batu Pahat, selepas lawatan ini, adakah Yang Berhormat akan bercadang supaya Kerajaan Malaysia ini mengiktiraf ijazah dari universiti Taiwan sebab memang jika canggih dikatakan sektor pertanian dan lain-lain, bolehkah Yang Berhormat Batu Pahat memberikan penjelasan ke atas perkara ini.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, isu pengiktirafan ijazah. Kami pergi ke Pingtung University, tetapi yang lebih penting ketika itu kami belajar ialah bagaimana kejayaan mereka dalam bidang pertanian, sains dan teknologi dan sebenarnya saya hendak beritahu Kota Melaka, kami juga pergi ke makmal DNA, pergi tengok bagaimana mereka mempunyai makmal DNA dan ini yang kita hendak bawa dalam perbahasan nanti untuk Bill DNA sebenarnya. Itu saya kata lawatan kami ini banyak manfaatnya, tetapi tentang ijazah tadi sudah dibangkitkan oleh Bintulu. Saya ingat kerajaan akan jawab nanti apa yang dibangkitkan oleh Bintulu.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Gopeng, Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, doktor, sila, sila.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Batu Pahat. Memandangkan Batu Pahat telah mengatakan bahawa beliau telah melawat makmal DNA di Taiwan, jadi soalan saya, adakah di Taiwan itu pengendalian bank DNA dikendalikan oleh pegawai polis, siasatan DNA itu dibuat oleh pegawai polis dan adakah di Taiwan, menteri yang berkenaan diberi kuasa yang serupa besar seperti yang akan diadakan di Malaysia?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ini macam saya hendak menjawab soalanlah. *[Disampuk] [Ketawa]* Nanti saya terangkan semasa perbahasan Bill DNA dan saya bawa semua cip. Saya minta pada Dr. Right itu. Nama makmal itu ialah Dr. Right dan saya minta sendiri cip-cip tersebut. Saya bawa balik ke rumah. Dia kata, "Ini harga mahal ini, dekat RM1,000." Saya kata saya mintalah. Dia bagi. Nanti saya tunjukkan bila kita membahaskan Bill DNA ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh tentang isu Orang Asli ini. Saya kena sentuh perkara ini sebab yang ini Permatang Pauh tidak sebut langsung. Dia terlupa sebenarnya tentang Orang Asli ini. Dia dok main isu kroni, main isu rasuah dan sebagainya sehingga terlupa kepada soal Orang Asli yang juga perlu kita beri perhatian, lonjakan luar bandar ini perlu diberi perhatian kepada Orang Asli ini. Sebab itulah kita melihat di sini bahawa kerajaan memberi perhatian. Oleh itu saya mengharapkan kita di Dewan yang mulia ini jangan kita terikat dengan mentaliti penjajah yang terikat dengan istilah "*aborigines*" ataupun "*indigenous*" sehingga lahirlah

perkataan “Orang Asli”. Seolah-olah kita hendak melayan Orang Asli seperti Orang Asli di Amerika ataupun di tempat-tempat lain.

Saya ingin menyatakan di sini apabila ada pihak yang menyebut tentang orang Melayu juga sebagai pendatang, ini tidak betul sebab kita kena faham konsep wilayah kebudayaan Melayu. Ada wilayah kebudayaan Cina, ada wilayah kebudayaan India. Jadi pergerakan orang Melayu di Nusantara, baik dari Sumatera ke Malaysia, mereka bergerak dalam wilayah kebudayaan Melayu. Itu maksudnya bukan pendatang, tetapi apabila orang daripada wilayah kebudayaan lain masuk kepada satu wilayah kebudayaan lain, maka itu dikatakan sebagai berhijrah.

Sebab itulah kita melihat tamadun Beijing itu, apabila orang di bahagian selatan, Hong Kong datang ke masuk kawasan Beijing, mereka menganggap orang di Hong Kong selatan itu seolah-olah ketika itu sebagai tidak bertamadun, sebab mereka megah dengan tamadun Beijing itu yang sudah begitu lama, yang begitu hebat dan sebagainya. Maka sebab itulah apabila orang menyebut Orang Asli itu sebagai penduduk asal, mereka tersilap bahawa Orang Asli itu sebenarnya orang Melayu yang duduk di dalam wilayah kebudayaan Melayu.

Cuma kita ini terikut-ikut dengan istilah penjajah, “*the indigenous, aborigines*”, maka timbullah perkataan “Orang Asli”, seolah-olah mereka ini hanya duduk di kawasan hutan dan sebagainya, sedangkan mereka juga orang Melayu. Mereka juga bumiputera seperti orang Kadazan, Dusun dan sebagainya. Sama sahaja sebab mereka ini berada dalam wilayah kebudayaan Melayu. Mereka bukan pendatang. Jadi oleh kerana itulah kita minta kerajaan, soal Orang Asli ini mereka bukan ramai pun. Jadi bagi saya bahawa kena ada satu reformasi yang lebih menyeluruh kepada sistem pendidikan mereka ini. Kalau tidak, saya tahulah sebab di tempat saya ini ada tiga penempatan Orang Asli. Bukan maksudnya yang jauh-jauh ke dalam. Ini dekat sahaja, tetapi itu pun sistem pendidikan mereka ini, hendak mengubah ini bukan satu perkara yang mudah. Cuma masalah kita ialah kerana Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini pada sayalah, mereka perlu memproses reformasi untuk mengurus satu kumpulan rakyat yang perlu diberi perhatian terutamanya dalam bidang pendidikan.

Dato’ Ismail bin Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih jiran saya, Batu Pahat. Saya ingin berkongsi maklumat dengan Batu Pahat berhubung dengan masalah Orang Asli yang saya rasa tiap-tiap kali bersidang, sama ada di Dewan Rakyat atau di Dewan Negara, kita sering bangkitkan soal kemiskinan, soal pendidikan taraf sosioekonomi yang masih lagi berada dalam peringkat yang cukup daif dan peringkat yang boleh dikatakan sentiasa memerlukan pertolongan daripada kerajaan hingga sekarang ini, sedangkan kalau kita lihat Akta Orang Asli ini dibuat sejak sebelum kita mencapai kemerdekaan iaitu pada tahun 1956, hingga membolehkan tertubuhnya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

■1550

Jadi kita lihat, adakah disebabkan masalah Orang Asli yang tak sampai 200 ribu ini tidak dapat diatasi oleh kerajaan. Sekarang tiap-tiap kali bajet dibuat, dan juga melalui Rancangan-rancangan Malaysia, sampai Rancangan Malaysia Kesembilan sekarang ini, yang kalau kita lihat peruntukannya begitu besar. Akan tetapi masalah penduduk yang tidak sampai 200 ribu ini yang melibatkan seluruh kehidupan mereka melibatkan soal pendidikan, prasarana, *basic needs* seperti Batu Pahat bangkitkan tadi, soal perumahan dan sebagainya tidak dapat diatasi sehingga sekarang ini.

Sehinggakan mereka ini berada dalam keadaan yang belum lagi dapat disatukan. Malah kita lihat, saya difahamkan pada satu masa Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, apabila diajukan soalan berhubung dengan penggunaan peruntukan Jabatan Ehsan Orang Asli membuat ladang-ladang kelapa sawit dan getah, sedangkan bayaran yang mereka terima tidak sama seperti yang di dapat peserta FELDA, FELCRA yang lain. Jadi wujud ketidakadilan dalam hal ini?

Jadi apa pandangan Yang Berhormat sedangkan masalah yang kita ingat sebenarnya sudah lama kita boleh atasi sejak 51 tahun kita merdeka. Dengan peruntukan besar dari segi perancangan telah dibuat oleh kerajaan dengan elok, tetapi jentera pelaksana dilihat begitu lemah tidak mampu mengatasi masalah ini sudah begitu lama. Apa pandangan Yang Berhormat Batu Pahat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebut tadi, di Parlimen Batu Pahat ada tiga penempatan Orang Asli dan mereka adalah penyokong kuat Barisan Nasional.

Oleh sebab itulah, saya minta kerajaan, bahawa kena ambil satu pendekatan in-situ sebenarnya. Mereka ini kalau sekolah, kita, ini realiti, kalau mereka ke sekolah, kalau seminggu mereka tidak datang sekolah, saya tengok cikgu pun buat tak tahu. sebab kemahiran guru sebenarnya untuk memberi tumpuan pada mereka tidak ada. Saya fikir bahawa untuk membangunkan masyarakat Orang Asli ini, mengubah minda dan pemikiran mereka itu adalah cukup penting. Dia memerlukan guru yang mahir, guru yang komited, sebab itu kena ada cari kena ada pendekatan ini sebenarnya.

Dari segi ekonomi, mungkin kita boleh mewujudkan program-program seperti FELDA khusus untuk mereka ini. Ianya supaya mereka ini terpisah dengan ekonomi tradisi mereka itu, nelayan dan sebagainya. Jika tidak sebenarnya, kita tidak dapat mengubah pemikiran mereka ini, sebab itulah kalau kita masih juga dengan pendekatan lama seperti apa yang kita buat sekarang ini.

Maka yang disebut oleh Arau tadi, 200 ribu ini jumlah yang kecil, tetapi tidak mengubah apa-apa sebenarnya. Jadi sebab itu saya fikir jangan kita hanya membantu mereka dari sudut seperti elektrik, TV dan sebagainya, tapi lebih daripada itu iaitu mengubah keseluruhan minda

mereka ini. Oleh sebab kita melihat ramai juga di kalangan mereka ini berjaya, dengan kata lain bermakna mereka boleh sebenarnya ditransformasikan menjadi satu masyarakat. Sebenarnya, bagi saya istilah Orang Asli ini sudah tidak begitu sesuai kerana memberikan 'komintasi' yang tidak baik kepada mereka sebenarnya.

Tuan Yang Di-Pertua, setelah saya menyebut isu Orang Asli ini, saya ingin menyentuh sedikit tentang jurang digital ini, *digital divide* dengan izin. Saya mengharapkan bahawa satu daripada cara bagi kita untuk mengubah sebenarnya, suasana di luar bandar, di desa ini maka kita harus memberi keutamaan iaitu perhatian kita untuk merapatkan jurang digital ini. Saya sudah menyebut semalam dalam soalan tambahan saya, bagaimana lawatan kami di Taiwan itu, kita belajar iaitu kejayaan mereka untuk merapatkan jurang digital.

Pembangkang ini, kalau sebut Taiwan saja, dia rasa sinis pula Tuan Yang di-Pertua, sebab dia gagal. Tak dapat jumpa. Dia sampai kami dah tiada sebenarnya, itu yang dia malu tu, dia malu sebenarnya sebab dia sampai-sampai kita orang dah tiada. Salah perhitungan, dahlah membazir duit macam Batu Gajah sebut itu. Memang membazir duit Batu Gajah ya? Tolong beritahu tu, tersalah perhitungan, lepas itu terkandas tiga hari kerana typhoon, balik tangan kosong. Minta maaf la ya.

Jurang digital ini yang saya sebut *the local champion* memainkan peranan, mereka kalau di tempat kita disebut ketua kampung. Mereka mencari pelajar di kalangan orang kampung itu dan mereka menjaga supaya kemudahan infrastruktur yang kita sebut sebagai PID (Pusat Internet Desa), MID, saya lupa pula perkataan MID ini, ataupun pusat asas akses komuniti dan sebagainya ini tidak menjadi projek kambing hitam, tidak menjadi projek gajah putih, ya? Kambing hitam.. [Ketawa] takut kambing pula yang duduk dalam pusat komputer ini, yang ini kita tidak mahu sebenarnya.

Oleh itu saya mengatakan bahawa kalau mereka tahu menggunakan kemudahan ini dan tahu kelebihan apa yang ada kepada pusat-pusat ini, maka sudah tentulah, baru mereka akan menggunakannya untuk kemudahan mereka. Ini yang saya sebut bahawa, kalau seorang ibu tahu menggunakan Internet, maka dia boleh memberi maklumat kepada anak dia yang ada di universiti atau di luar negara menggunakan e-mel. Tak payahlah menggunakan telefon dan sebagainya yang kosnya lebih tinggi. Nak hantar mesej raya kepada anak dia, kemudian anak dia bagi maklumat dekat dia ataupun suami dia yang duduk di Kedah jauh, guna e-mel saja. Ya, Batu Gajah.

Puan Fong Pu Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat batu Pahat. Nampaknya Yang Berhormat Batu Pahat banyak belajar ya. Beberapa hari ke Taiwan banyak belajar, dan menyuarakan di dalam Dewan ini cadangan-cadangan atau pemerhatian yang diperoleh di Taiwan.

Akan tetapi saya ada sedikit kerisauan, tapi tak tahu Yang Berhormat Batu Pahat ada sebegitu rupa atau tidak. Kita tengok menteri-menteri tak hadir, adakah semua hujah-hujah yang

telah dibangkitkan yang telah dipelajari dari Taiwan itu akan diambil perhatian dan akan diambil tindakan? Kalau menteri-menteri setiap kali mesyuarat mereka hadir di Parlimen dia akan dengar suara-suara rakyat dalam Dewan ini dan akan tahu masalah-masalah yang sepanjang masa ini dihadapi oleh rakyat kita.

Jadi tak payah sampailah Yang Berhormat Batu Pahat dan lain-lain kena pergi Taiwan. Jadi Yang Berhormat ada risaulah kita tengok kekosongan kerusi di depan itu. Menteri-menteri tidak hadir untuk mendengar apa yang telah dipelajari oleh Yang Berhormat di Taiwan baru-baru ini.

Seorang Ahli: Sedih sangat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, yang ini saya boleh bersetuju dengan Batu Gajah iaitu menteri patut berada di dewan ini untuk mendengar hujah-hujah kita, yang ini saya setuju. [*Tepuk*] Saya tak kata saya tak setuju Batu Gajah ya? Yang ini memang sepatutnyalah tak berlaku, mereka kena dengar apa yang kita cakap, kalau tidak memanglah penat saya pergi ke Taiwan.

Apa pun, memang banyak yang saya belajar di Taiwan, saya ke *Leisure Farm*, dan ia menjadi satu industri yang besar, mereka ada 547 *Leisure Farm*, yang ini kita gagal. Ini saya kata bahawa banyak perkara yang kita boleh belajar di *Taiwan Leisure Farm* ini. Saya suka melihat apa yang ada di Taiwan dan termasuklah apa yang kita lihat dia punya *fishing farm* dia iaitu kejayaan sistem bioteknologi mereka ini. Sehingga boleh melahirkan pelbagai jenis ikan kerapu yang berbagai-bagai nama. Ini yang saya kata belajar, jangan nak kejar orang untuk buat kerja lain. Yang Berhormat Batu Gajah, hingga ke hari ini kerana Taiwan itulah menyebabkan langsung saya tidak ada hati hendak pergi ke sebelah sana itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Gopeng Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat, sebab saya nampak Yang Berhormat Batu Pahat telah mengalih tajuk daripada *digital divide*. Saya hendak agak ambil perhatian dalam hal ini.

■1600

Saya memang mengambil berat tentang *digital divide* ini kerana sekarang setakat *broadband penetration* di Malaysia dalam lingkungan 20% dan banyak kawasan desa yang tidak dapat perkhidmatan *broadband* seperti ini. Dengan adanya *high speed broadband project* di mana perbelanjaan sebanyak RM13.6 bilion akan dibelanjakan dan khususnya di kawasan *high economy impact area* dengan izin dan ini akan ditumpukan kepada kawasan-kawasan bandar dan bandar raya dan ini akan menjadikan keadaan *digital divide* ini akan menjadi semakin teruk.

Dalam hal ini juga perbelanjaan kerajaan dalam *high speed broadband* adalah sekadar RM2.3 bilion. Kalau kita mengagih-agihkan RM2.3 bilion dan membeli komputer, PC kita boleh membeli lebih kurang lima juta unit dengan harga ini dan cukuplah untuk kesemua keluarga di

negara Malaysia. Jadi saya ingin dapat pandangan daripada Yang Berhormat Batu Pahat dalam hal ini.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Kita tidak boleh menafikan bahawa dari segi *broadband* ini kita jauh ketinggalan berbanding dengan negara-negara seperti Korea kerana dari segi *household* ialah sebanyak 15.5% dan dari segi *population* 5%. Sebab itu perkara ini disebut dalam bajet iaitu kerajaan akan memberi tumpuan kepada HSBB, *high speed broadband* ini dan saya berharap bahawa ini akan membantu masalah *digital divide* yang sedang kita hadapi sekarang ini di negara kita. Bagi saya ini adalah satu komitmen kerajaan sebenarnya untuk memperbaiki kemudahan kita ini dengan menyediakan satu dana yang besar untuk memastikan bahawa *project high speed broadband* ini akan dapat dilaksanakan.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Bukankah *high speed broadband* ini tumpuan kepada kawasan bandar dan bandar raya besar sahaja dan kawasan desa ketinggalan dalam *high speed broadband* ini.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya yakin Yang Berhormat Gopeng, kerajaan akan melaksanakannya secara berperingkat dan saya yakin bahawa seperti yang disebut dalam bajet kerajaan memberikan perhatian ini untuk memastikan *digital divide* di negara kita ini akan dapat dikurangkan sebenarnya. Itu keyakinan saya dan perkara ini saya minta kerajaan akan dapat berikan perhatian.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Bukankah lebih baik kalau kerajaan membelanjakan RM2.3 bilion itu beri komputer kepada semua keluarga di kawasan desa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ada kawasan desa yang tak ada lampu Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak ada bekalan elektrik. Teruskan Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, bab komputer ini sebab itu dalam projek *digital divide* merapatkan jurang digital ini ada satu projek dipanggil sebagai komputer makcik. Dalam Dewan ini saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan iaitu kejayaan Program Komputer Makcik.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Berapa yang sudah terjual? Betulkah harga RM500 dan keberkesanannya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Mengenai *broadband* ini saya nampak Yang Berhormat Gopeng tidak berapa minta melaksanakan projek ini. Dia kata RM12 bilion tidak boleh dilaksanakan. Kalau beli komputer lagi elok. Kita boleh bagi lima juta keluarga dapat komputer.

Jadi saya mahu tanya Yang Berhormat Batu Pahat pandangan macam mana. Kalau sekarang ini seluruh dunia semua orang cerita IT, *high tech* semua kalau kita Malaysia *broadband* tak ada, adakah pelabur asing berminat datang ke negara kita.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Itu yang saya katakan bahawa tujuan kerajaan melaksanakan program *broadband* dan juga HSBB iaitu *high speed broadband* ini ialah kerana ia memberi sumbangan yang besar kepada GDP kita sebenarnya. Sebab itu kerajaan serius. Sebab itu langkah awal ialah memastikan 50% terlaksana dari segi *broadband* ini dan sekarang kita ada projek *high speed broadband* ini sebab kita tahu bahawa tujuannya ialah dari segi GDP kita. Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Bintulu itu adalah benar iaitu bahawa pelabur asing ini juga mahukan kemudahan-kemudahan ini dan saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bintulu.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih. Saya ambil kira komen daripada Yang Berhormat Bintulu tadi tapi Yang Berhormat Bintulu mungkin tidak faham apa yang saya katakan tadi. Yang penting bukan saya yang menentang projek *high speed broadband*. Cuma saya menentang untuk kenapa kerajaan perlu memberi peruntukan sebanyak RM2.3 bilion wang rakyat untuk satu projek swasta. Ini pertama.

Yang kedua, kenapa tidak diberikan kompetitif tender dalam projek *high speed broadband* ini kerana memang ada syarikat-syarikat yang lain memberi tawaran yang sama *high speed broadband* dengan harga yang lebih murah tanpa menerima peruntukan daripada dana kerajaan dan ketiga adakah kita boleh mempelajari pengalaman dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang di mana seluruh negeri Pulau Pinang boleh diliputi oleh *broadband* servis tanpa satu sen pun daripada wang kerajaan, wang rakyat. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Gopeng, adakah Yang Berhormat Gopeng ingin membangkitkan ada berlaku penyelewengan di sini. Yang ini kena buktikanlah dan saya rasa menteri boleh menjawab persoalan ini. Itu bukan hak saya untuk menjawab tapi yang kita bahaskan ialah keperluan kepada *broadband* ini. Apa yang kita tahu bahawa ia akan menggalakkan kemasukan FDI *competitiveness*, daya saing kita itu akan meningkat. Jadi ini yang perlu kita perbahaskan bukan maksudnya macam Yang Berhormat Permatang Pauh kata bajet tak perlu diperbahaskan tapi bercakap dekat enam jam juga.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat kesimpulan di sini. Kesimpulan saya ialah bahawa Bajet 2009 ini membuktikan bahawa kerajaan ini adalah kerajaan yang prihatin. Bukti bahawa kerajaan ini mempunyai strategi-strategi khusus untuk berhadapan dengan cabaran ekonomi global sebenarnya. Sebab itulah faktor kekuatan dalaman diberikan keutamaan dan persiapan kita untuk memastikan rakyat kita ini tidak akan merasakan tempias

yang teruk daripada kegawatan ekonomi global ataupun masalah ekonomi global yang sekarang sedang datang melanda.

Oleh kerana itulah bagi saya kita harus mempertahankannya Bajet 2009 bukannya menolak seperti mana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Yang saya rasa bahawa dia sendiri sebenarnya harus faham dan harus tahu bahawa bajet ini perlu diperbahaskan bukan ditolak begitu sahaja dan dia tahu pun bahawa soal *assumption*, andaian dan sebagainya kita boleh perbetulkan kerana ini adalah perancangan dan perancangan perlu dilaksanakan dan oleh kerana itulah dengan hanya dilaksanakan barulah kita tahu kejayaan kepada bajet ini dan inilah sebenarnya yang kita mahukan bahawa negara kita ini adalah negara yang cukup bersedia dengan cabaran-cabaran global dan kita pastikan bahawa kita menggunakan pendekatan ekonomi yang akan memastikan kita sebuah negara membangun bukannya terikat dengan dasar-dasar IMF yang pernah diguna pakai oleh Menteri Kewangan sebelumnya yang sekarang menjadi ketua parti pembangkang. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.09 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. beberapa jam kita dengar Yang Berhormat daripada Batu Pahat mewakili Barisan Nasional berucap.

■ 1610

Dia sangat bangga mengenai *agricultural study tour* ke Taiwan dan tidak lupa kerap kali untuk sebut mengenai faedah beliau dan barisan Ahli-Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional yang dapat daripada lawatan ke Taiwan. Masalah kita ialah dua masalah...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti saya baru mula. Masalah negara kita menghadapi satu krisis keyakinan ialah oleh kerana pertama ada pucuk pimpinan tidak tahu apa yang betul dan apa yang salah. Dan kedua mereka tidak tahu masa untuk rasa malu tetapi boleh rasa sangat bangga. Apabila lawatan kumpulan Barisan Nasional, MP-MP ke Taiwan belajarlah apa-apa...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti, dia mahu berdiri boleh berdirilah, *exercise* yang baik untuk Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau berani kasilah, kalau tidak berani jangan sebut.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Akan kasi *at my time, at my terms and not your terms*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau tidak berani?

- Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kena sebut buat apa?
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Mahu pergi balik kepada itu ...
- Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Hendak tunjuk dia punya hero buat apa?
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** ...Taiwan boleh balik.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Adakah ini belajar daripada Taiwan?
- Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Hendak bagi kah tidak?
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Pergi Taiwan belajar tingkah laku semacam ini.
- Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Hendak bagi ke tidak?
- Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Ketua Pembangkang pun sebut Taiwan berapa kali.
- Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Macam mana *you* tahu kita tiada hasil, macam mana *you* tahu kita tiada hasil. Kalau kita tidak ada hasil ...
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya akan bagi tetapi tunggu. Tidak boleh tunggu pun boleh mahu berdiri tunggu pun boleh.
- Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Pakatan Rakyat apa guna mahu pergi cari sama kita sama Taiwan buat apa? *You* hendak cari Timbalan Perdana Menteri itulah punya fasal.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Apa itu? Itu belajar daripada Taiwanlah. Kita tahu sekarang apa mereka belajar daripada Taiwan. *Uncivil behavior*.
- Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Lain kali saya bawa *you* pergi sekalilah pergi belajar.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Dan saya kata sebab yang kedua kenapa kita menghadapi krisis keyakinan ialah kerana ada pucuk pimpinan kita, pemimpin-pemimpin kita tidak tahu bila rasa malu. Bila rasa malu apabila mereka patut rasa malu mereka sangat bangga. Pergi Taiwan belajar mengenai kemajuan yang dicapai oleh Taiwan di bidang sains dan pertanian tetapi adakah Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Barisan Nasional apabila pergi Taiwan belajar apa yang lebih mustahak apa yang maha mustahak apabila pergi Taiwan.
- Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Orang pergi Taiwan *you* sakit hati apa fasal?
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya tidak sakit hati. Mahu guna wang rakyat pun guna mahu guna wang pun ...
- Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Hei, Tuan Yang di-Pertua, saya cabar dia pergi cakap luar sana kalau berani, kita guna duit rakyat. Jangan *misled* rakyat. Kalau *you* berani, cakap luar.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Don't take down ...samseng in this House*.
- Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini bukan samseng tidak samseng. *You* maki sama orang tidak ada pakai fikir punya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *You are samseng in Sarawak.*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Apa samseng Sarawak? Ha cakap di luar samseng Sarawak!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dan ini saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak payah tuduh orang samseng Yang Berhormat ya, itu bahasa tidak elok.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya minta dia tarik balik, saya minta dia tarik balik.

Seorang Ahli: Mahu cakap Sarawak samseng ha.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini samseng, ini samseng.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh tuduh orang samseng Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tarik balik!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini samseng.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha ini penyamun! Ini penyamun.

Seorang Ahli: Ha itu samseng itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah dia belajar samseng daripada Taiwan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita samseng, dia penyamun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Satu isu yang maha penting yang patut dibelajar apabila pergi Taiwan ialah kenapa dalam 50 tahun ini Taiwan satu negara yang begitu mundur, yang begitu miskin lebih miskin daripada Malaysia. Sekarang lebih maju daripada Malaysia sehingga Ahli-Ahli Parlimen Malaysia perlu...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau berani bagi jalanlah, kalau berani.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nantilah saya akan bagi jalan duduk dahulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha ini penakut, pengecut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini pengecut!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa 50 tahun, kenapa dalam 50 tahun ...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Eh, Tuan Yang di-Pertua, Taiwan maju fasal dia tidak ada ini macam punya pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Kenapa dalam 50 tahun Taiwan boleh mencapai kemajuan dan *overtake* Malaysia. Apabila Malaysia mencapai kemerdekaan tahun 1957, Taiwan

satu wilayah yang begitu mundur, yang begitu miskin, semua tahu, Rakyat Malaysia tahu. Dan orang Taiwan kalau mereka masa itu boleh datang ke Malaysia, boleh kahwin dengan rakyat Malaysia. Wah inilah satu *one step leap forward* oleh kerana Taiwan begitu mundur begitu miskin tetapi sekarang 50 tahun sahaja Malaysia sudah begitu mundur. Oleh sebab..., *thanks*, syukurlah ada Ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional yang perlu pergi Taiwan, belajar.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Akan tetapi Pakatan Rakyat pun pergi.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Orang Taiwan juga belajar daripada Malaysia.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Boleh minta penjelasan tidak kenapa Pakatan Rakyat pun pergi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kenapa kita mundur itu sikap ...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua ini bukan Bintulu punya *floor* lah. Bintulu duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ha itulah apa mereka belajar ini ...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ipoh Timur, teruskan Ipoh Timur ya. Tidak payah *provoke* Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya rasa lain kali ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah *provoke* Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Negara Taiwan pun tidak membenarkan mereka pergilah, malulah. *A disgrace to Taiwan, a disgrace to anywhere.*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *You* pergi macam mana? PKR pergi macam mana?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Renung, fikir dalam kenapa kita begitu mundur sekarang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: PKR pergi Taiwan buat apa?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jawab kita punya soalan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Gombak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Betullah samseng tidak mahu bagi, orang utan tidak bagi.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ipoh Timur dia beri pada Gombak sebab kita ada adab bila minta laluan. Jadi yang ini tidak payah pergi Taiwan, Kinabatangan, Bintulu belajar daripada Gombak... *[Ketawa]* Itu yang pertama.

Saya hendak minta penjelasan daripada Ipoh Timur...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Gombak dia tidak jadi dapat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Batu Pahat kita tahu *you* mahu jadi Menteri juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey Gombak teruskan Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya hendak minta penjelasan daripada Ipoh Timur, setuju atau tidak, Taiwan ini walaupun dia sebuah pulau pada satu ketika dahulu, mundur dan miskin tetapi sekarang menjadi sebuah negara yang jauh lebih hebat daripada Malaysia kerana apabila kerajaan Taiwan bercadang untuk membangunkan pelabuhan di Taiwan, membangunkan *ports* di Taiwan. Kontrak untuk bangunkan *ports* itu, kontraktor yang dilantik itu tidak melakukan rasuah dan penyelewengan. Berbeza dengan kontraktor yang diberikan untuk bangunkan Port Klang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Presiden dia kena tangkap fasal rasuah tau, Presiden Taiwan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Bila Taiwan bangun dia punya kontrak..., dia punya kontraktor, dia tidak rasuah. Dia tidak beri politik yang rasuah seperti yang berlaku di Malaysia. Boleh setuju atau tidak Ipoh Timur?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya setuju bahawa dalam usaha untuk membanteras adalah kemahuan politik di Taiwan sehingga Presiden pun boleh tindakan diambil terhadap Presiden. Di sini adakah seorang Kabinet ...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Itu bekas Timbalan Perdana Menteri, Permatang Pauh pun sudah kena....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Di mana Perdana Menteri adakah ..

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Permatang Pauh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat kena minta jalan Yang Berhormat, minta jalan ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah sesiapa berani dalam Kabinet berdiri kata, mereka boleh *account* setiap sen daripada *legitimate income*. Kalau tidak semua di *confiscated*. Relakah berdiri setiap ahli anggota Kabinet? *You are orang utan, you go...*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kabinet semua sudah lari.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...*To the sanctuary orang utan, you go.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Eh tarik baliklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ipoh Timur tidak payah panggil orang, orang utan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia mahu kacau saya. Dia itu berlagak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ipoh Timur tidak payah panggil Ahli Parlimen orang utan ataupun samseng..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia sahaja bukan lain orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Spesifik kepada Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak boleh Yang Berhormat. Kita kena gunakan bahasa yang sesuai dalam Dewan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebab itu nama dia Kinabatangan. Sebab saya jangan provokasilah. Kalau berhenti provokasi daripada beliau boleh...

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Ipoh Timur orang apa?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia macam...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua ini serius.

■1620

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Yang Berhormat Ipoh Timur orang apa?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Pahat. Kita perlu menumpukan perhatian, kenapa kita begitu mundur sehingga Taiwan sekarang lebih maju, lebih kaya, lebih....

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Yang Berhormat Padang Serai, duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:terbukti demokrasi, hak asasi dihormati.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia boleh maju sebab tidak banyak babi hutan macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan, cukup Yang Berhormat Kinabatangan.

Seorang Ahli: Hormat Dewanlah, hormat Dewan, malu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sehingga kita begitu, begitu mundur. Bukan saja Taiwan, *South Korea*, Hong Kong,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti. Singapura, semua dulu apabila kita mencapai kemerdekaan. Sekarang? Syukur, tahniah kepada Barisan Nasional. Kalau kita tak jaga, berwaspada, kita akan kalah kepada Vietnam, Thailand, Indonesia dan setaraf dengan Zimbabwe. *[Ketawa]* Setaraf dengan Zimbabwe. Itulah kenapa rombongan Ahli-ahli Parlimen

Barisan Nasional yang pergi Taiwan tak balik untuk dapat apalah iktibar, apa ada... *holiday* sahaja.

Seorang Ahli: Dia cucuk saja.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa? Saya mahu cabar dan bolehkah bagi...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, nak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...lima syarat. Saya cabar bukan cabar bersendirian.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Ipoh Timur, bagi jalan sekejap. Yang Berhormat Ipoh Timur!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya cabar bahawa setiap anggota rombongan Barisan Nasional, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang ada pergi Taiwan, bagi lima syarat, lima kriteria kenapa Taiwan dah 50 tahun adalah per kapita *income* berapa kali lebih daripada Malaysia!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tak bagi jalan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Padang Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sila duduk. Dalam.....

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai, duduk Yang Berhormat Padang Serai.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Saya juga anggota terlibat!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dalam 30 tahun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan, duduk Yang Berhormat Putatan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dalam 30 tahun...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Berjalan meninggalkan Dewan]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ha keluarlah. Pergi Taiwan, pergi Taiwan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Ipoh Timur, bagi laluan! Saya juga anggota pergi Taiwan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dalam 30 tahun....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia tak bagi, tak berani. Kita keluar!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Keluar, keluar. Pergi Taiwan! Ha lebih baik.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Keluar, keluar, keluar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ha lebih baik. Parlimen akan dapat faedah.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Ipoh Timur, bagi jalan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan, dia tak bagi jalan Yang Berhormat Putatan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya bagi jalan, boleh.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Yang Berhormat Ipoh Timur, seolah-olahnya lawatan BNBBC ke Taiwan itu tidak membawa hasil. Saya sendiri anggotanya, kami mengadakan beberapa program. Penat, melawat kepada industri-industri perikanan, melawat industri *tourism* di Taiwan dan itu banyak memberi hasil kepada kami. Apa yang Yang Berhormat Ipoh Timur bawakan ini seolah-olah kita membuang wang rakyat. Wang rakyat tidak terlibat dengan lawatan itu Yang Berhormat Ipoh Timur. Janganlah bawa perkara yang tidak betul, Yang Berhormat Ipoh Timur untuk mencari *political mileage* kepada pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Baik, terima kasih. Kita taulah *leisure* sangat penat, *leisure* sangat penat. Bukan senang untuk *leisure* betul?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia bersetuju, baik.

Seorang Ahli: Dia sudah tua. [Ketawa]

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Ipoh Timur, saya rasa Yang Berhormat Ipoh Timur ini sudah tua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang kedua, saya tak kata bahawa tak dapat apa-apa faedah. Tentu belajar mengenai perkembangan kemajuan bidang DNA. Patutlah boleh dapat sedikit faedah. Mengenai kemajuan pertanian, patutlah boleh dapat sedikit faedah tapi pergi Taiwan dapat sedikit-sedikit faedah sahaja. Apa guna? Boleh belajar di sini. Kalau mahu pergi Taiwan belajar kenapa Taiwan boleh maju, kenapa dahulu per kapita di Malaysia lebih tinggi, sekarang kita sudah terbelakang. Kenapa dulu? Apa sebab-sebabnya?

Sekurang-kurangnya ada belajar bahawa satu sebab ialah meritokrasi. Meritokrasi yang ada dipakai, digunakan oleh Taiwan. Adakah rombongan-rombongan Ahli-ahli Parlimen rela balik kata kita perlulah selepas 51 tahun kemerdekaan, kita semua rakyat Malaysia tak lagi terpisah. Orang Melayu, bukan Melayu, orang Cina, India, Kadazan, Dusun, Iban. Kita semua rakyat Malaysia dan kita menggunakan kriteria meritokrasi untuk kebaikan negara. Apa yang kita mahu ialah Malaysia bersaing dengan dunia, bukan antara kita. Kalau rombongan anggota Ahli Parlimen yang pergi Taiwan balik dengan kesimpulan itu, saya kata itu baik, syabas, ada guna, wang tidak disia-siakan tapi balik sebagai orang utan. Apa guna?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tapi apa yang masalah ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: .Itu tak guna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kenapa bidang universiti, tengok baru-baru ini, The Times Higher Education Supplement, *world's top 100 university*. Jangan kata 200 *university*. Taiwan, berapa daripada Taiwan? *National Taiwan University*, ada pergi kah? *National Taiwan University* adalah antara lain... Cheng Kung University...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Ipoh Timur...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti. Cheng Kung University dan lain-lain. Kenapa Taiwan boleh ada beberapa universiti diiktiraf sebagai *World's Top 200 Universities*. Malaysia? Satu pun tak ada. Untuk dua tahun berturut-turut, dua daripada *World's Top University*. Adakah belajar kenapa, kenapa begitu? Itu mustahak. Bukan pergi main-main dan *holiday-holiday* di Taiwan sahaja.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Klang bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Siapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Klang.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Yang Berhormat Telok Intan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Telok Intan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Eh, Yang Berhormat Telok Intan, minta maaf ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Mengenai ranking universiti Yang Berhormat, ada *vice chancellor* dari universiti tempatan, UKM mengatakan ranking itu tidak penting. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat Ipoh Timur, *vice chancellor* mengatakan ranking tidak penting, *vice chancellor* dari UKM. Apa pandangan Yang Berhormat Ipoh Timur? Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia patutlah baca satu buku oleh Lu Xun, A Q! A.Q itulah semangat A.Q ialah satu karakter dalam fiksyen di mana apa-apa pukulan, apa *setback* boleh disifatkan sebagai baik atau tak penting. Itu A.Q, semangat A.Q *defeatism* dan satu sikap yang kita tidak mahu *vice chancellor- vice chancellor* kita mengadakan kalau negara kita, universiti-universiti kita mahu menjadi institusi-institusi kecemerlangan. Saya percaya kalau UKM, dulu apabila UKM ada dalam *Top 200 Universities Ranking*, 185 kedudukan, *vice chancellor* UKM tak kata itu tak penting. Wah! Ini *advertise* di dunia. Hari-hari ada iklan, kita dalam *Top 200*

Universities. Bila keluar daripada ranking itu, ini tak mustahak. Itulah fikiran, sikap, *mindset* yang tidak akan bawa Malaysia kepada tahap kecemerlangan.

Empat tahun dahulu, 2005, kalau *university ranking* tak mustahak, kenapa masa itu Timbalan Perdana Menteri dan sekarang jadi Perdana Menteri *in waiting*, semasa ulang tahun 100 tahun Universiti Malaya, buat satu cabaran kepada Universiti Malaya, mencabar Universiti Malaya, masa itu menduduki tangga 89 dalam *Top 200 Universities*. Buat satu cabaran bahawa dalam 2010 boleh dikategorikan dalam Top 50 *Universities*. Akan tetapi selepas cabaran itu, Universiti Malaya jatuh daripada nombor 89 kepada nombor 169 tahun kemudian, lepas itu nombor 193 dan lepas itu keluar daripada *200 Top Universities Ranking*.

Ini malu. Adakah Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional ada berdiri untuk meluahkan, menzahirkan keprihatinan mereka? Tidak, mereka sangat bangga. Tak pentinglah ini, tak penting. Kejatuhan standard kita tak penting oleh kerana mereka tidak ada standard langsung. Okey?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu Pahat.

■1630

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Seorang daripada universiti, apa universiti Yang Berhormat daripada Batu Pahat dulu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah berdialog Yang Berhormat.

Seorang Ahli: UPM

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: UPM

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Yang Berhormat Ipoh Timur, saya hendak tanya sedikitlah, kami pergi ke Taiwan memang belajar tetapi Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Machang pergi itu hendak minta kami sains surat. Jadi mereka menangis minta sains surat, kami tidak hendak sains tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat Ipoh Timur iaitu setujukah Yang Berhormat Ipoh Timur jika sekiranya kerajaan baru di bawah Perdana Menteri Permatang Pauh ini diwujudkan melalui pintu belakang? Saya hendak tahu Yang Berhormat Ipoh Timur setuju atau tidak terbentuknya kerajaan yang tidak bernaung ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya rela jawab kalau Yang Berhormat jawab satu soalan saya, adakah beliau mengakui bahawa Malaysia sudah mundur daripada Taiwan 50 tahun oleh sebab kegagalan dasar-dasar Barisan Nasional? Mengaku? Mengaku saya jawab, tidak rela mengaku, lepas. *Okay we pass to you. If you want you can answer lah. You tend to answer tomorrow, minister?*

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Minta laluan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Malaysia akan menjadi sebuah negara yang bersaing.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bersaing. Kenapa kita begitu mundur oleh sebab dasar-dasar Barisan Nasional...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak payah berdialog begini Yang Berhormat, bagi jalan, bagi jalan ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Jika tidak ada hak untuk jawab lebih baik... Kalau tidak ada hak jawab jangan tanya.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Jawab soalan saya dulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau tidak ada hak jawab, jangan tanya.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tidak percaya Anwar Ibrahim jadi Perdana Menteri kah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada hak jawab jangan tanya.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: [*Bangun*]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, belakang sana, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya Yang Berhormat Batu.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau bangun dulu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia bagi Yang Berhormat Batu.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Batu tidak payahlah, cakap bohong.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Takut ya, takut orang cakap benar.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kita pergi ke Taiwan tetapi yang kita tahu Taiwan adalah sebuah negara yang bebas negeri yang sesiapa pun boleh kunjung. Masalahnya ialah kita telah melihat *back-bencher* kita kian prihatin dengan keadaan pertanian negara dan sehingga mereka semua pergi belajar pertanian. Akan tetapi saya ingin mendapat pandangan dari Yang Berhormat Ipoh Timur sama ada selain daripada pertanian, sama ada *back-bencher* juga boleh belajar bahawa sebuah negara itu yang sering tukar kerajaan, yang sering menghormati hak asasi manusia, juga menghormati kebebasan bersuara dan kebebasan perhimpunan, ini tidak menjejaskan sama sekali perkembangan ekonomi.

Padahal kita lihat seluruh Asia sekarang baik di Taiwan, Hong Kong atau Singapura telah merasa terdesak dan juga di Parlimen mereka kini yang dibincangkan adalah soal bajet dan soal pakej untuk menyelamatkan ekonomi mereka tetapi yang pergi belajar pertanian ini balik

berperangai seperti orang yang belum bertamadun, masih mengia-ikan, mempertahankan satu bajet yang tidak relevan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: So saya agak mungkin Yang Berhormat Ipoh Timur boleh bandingkan kenapakah *back-bencher* tidak dapat belajar cara Parlimen di Taiwan atau sistem politik di Taiwan yang begitu maju bersama dengan ekonomi.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Mohon laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih. Sebenarnya hal ini...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat Ipoh Timur pohon jawab sekali.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti. Oleh sebab sebenarnya keadaan hari ini ialah satu contoh yang baik, kenapa kita begitu mundur apabila banding dengan Parlimen-Parlimen yang lain? Macam semalam, mana menteri-menteri? Gaji buta, adakah mereka dapat gaji buta. Tuan Yang di-Pertua dia tidak gaji buta dia mahu kerja kuat, rajin tetapi menteri-menteri semua hilang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Ipoh Timur pun jarang ada dalam Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita dengar bahawa mahu ikut tradisi Komanwel Parlimen, saya mahu tanya pergi House of Comman London, pergi Lok Sabha New Delhi, pergi Parliament of Conferral atau Parliament Wellington atau Parliament Ottawa, apabila perbincangan bajet di mana tokoh-tokoh atau Ahli-ahli Parlimen pembangkang berucap, mana ada *front bench*, langsung kosong mana selain daripada Malaysia, sebab itu Malaysia pun mundur. Sebab itu Malaysia selain daripada ada ubah fikiran macam itu kita tidak boleh jauh ke depan. Selepas tsunami politik yang pertama, 8 Mac...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Minta laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita dengar suara semua Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, UMNO, MCA, Gerakan, MIC dan semua, mereka sekarang sudah dapatlah mesej rakyat, pengundi-pengundi sekarang mereka akan cakap lebih, bersuara lantang. Mana lantang dalam perkara ini, supaya adalah satu *revise* Bajet 2009...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Mohon laluan Yang Berhormat, laluan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta dulu.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Sebab Yang Berhormat sebut banyak sangat tentang Taiwan ini, pohon laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *I'm already moved forward, you're behind time. Behind time, already gone forward already.*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *No, no I'm going forward, okay.* Mana suara pemimpin-pemimpin sama ada dalam Parlimen atau di luar Parlimen, pemimpin-pemimpin UMNO, MCA, Gerakan, MIC, Sabah dan Sarawak bahawa perlulah satu *revise* Bajet 2009 oleh sebab angka-angka yang dibentangkan dalam Parlimen ini enam minggu dulu sudah *outdated obsolete*. Mana? Diam sahaja, diam sahaja menunjukkan apa perubahan? Tanpa apa perubahan dalam tujuh bulan ini. Sebenarnya keengganan Kerajaan Barisan Nasional untuk mengadakan satu sikap yang betul, mengadakan satu *revise* bajet adalah dapat respons yang sangat *adverse* di kalangan orang ramai.

Saya semalam dapat satu elektrik e-mel yang hantar satu link mengenai satu laporan bahawa Perdana Menteri Australia ada umumkan satu rancangan penyelamat antara lain ialah memberi jaminan bahawa semua deposit-deposit bank di Australia untuk tiga tahun akan diberi jaminan oleh Kerajaan Australia. Mereka tanya apa tindakan Malaysia, apa tindakan Malaysia? Elektrik-mel ini, *'Hello everybody, can we stop counting nomination for UMNO elections for a while'*. Apa UMNO *elections* apabila negara dilanda dengan satu krisis ekonomi yang begitu serius.

Nampaknya pemimpin-pemimpin baik pun UMNO, MCA semua parti-parti komponen main politik sekarang. Main politik sahaja dan tidak meletakkan kepentingan negara atas semua kepentingan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam apabila berkata bahawa Malaysia tidak akan dipengaruhi, tidak akan menderita oleh sebab *financial knock down* ini tentulah tidak akan memberi keyakinan kepada orang ramai. Sebahagian dari prestasi ekonomi Malaysia yang lepas ada berkaitan dengan kadar tinggi simpanan domestik dan pengaliran FDI. Modal mudah diperoleh dan ditentukan oleh kerajaan, tidak semestinya ke sektor-sektor yang produktif.

Paul Krugman, pemenang ekonomi terkemuka yang memenangi Anugerah Nobel Ekonomi 2008 pernah menarik perhatian kita terhadap isu ini dan mempersoalkan kapasiti Malaysia untuk terus berdaya saing. Sama ada dalam era Dr. Mahathir mahupun dalam era Dato' Seri Abdullah, dasar-dasar ekonomi pada asasnya tidak berubah iaitu menghalalkan pelaburan ke projek-projek dan pulangnya rendah. Sumber-sumber nasional digunakan secara tidak telus mahupun *beraccountable*. Seterusnya mengakibatkan gejala rasuah dan salah guna kuasa yang semakin serius. Eksploitasi sumber-sumber minyak dan gas secara tidak bertanggungjawab telah menyebabkan pasaran sedar tentang corak pembangunan manusia yang tidak *sustainable*.

Dalam segi ini Malaysia telah mengamalkan setengah corak ekonomi pembangunan Amerika Latin dan tidak ada sebarang usaha yang diambil untuk ubah keadaan ini. Adalah sungguh merisaukan sekali bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua yang seharusnya bertanggungjawab terhadap Bajet 2009 yang penuh dengan kelemahan ini masih bertegas bahawa dasar ekonomi Malaysia terus kukuh.

■1640

Sungguhpun senario ekonomi global sedang menghadapi tamparan malapetaka. Umumnya, kadar pembangunan Malaysia hanya akan terjejas secara *bermarginal*. Aliran FDI masih tinggi, kadar pertukaran asing masih mencukupi untuk menampung import selama sembilan bulan dan maka dengan itu Malaysia tidak akan merasai sepenuhnya impak krisis yang sedang berlaku pada masa ini.

Kenyataan yang sama juga diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Kenyataan-kenyataan seperti ini tidak meyakinkan para pelabur di pasaran kerana ianya nyata tidak menangani kelemahan dasar yang berkait dengan kadar inflasi tinggi, defisit bajet yang tidak *sustainable*, pengaliran keluar modal serta liabiliti-liabiliti kontinjen lain termasuk jaminan-jaminan yang telah ditandatangani sebagai sebahagian dari berbagai-bagai tol dan konsesi.

Jelas sekali menteri-menteri kita masih dalam *state of denial* dan terus beroperasi di bawah andaian bahawa pasaran dan sektor swasta akan menerima sahaja apa yang dinyatakan oleh kementerian sebagai mencerminkan keadaan sebenar ekonomi semasa. Tambahan lagi, mereka anggap bahawa tindakan kenyataan yang bersemangat serta berbunga-bunga adalah cukup untuk menarik pelaburan dan memberi keyakinan kepada pasaran, sungguhpun kesan yang sebaliknya sedang berlaku.

Adalah jelas sekali bahawa Malaysia merupakan satu ekonomi yang kecil dan terbuka, maka modal ini terjejas oleh perkembangan ekonomi global. Ianya tidak terlindung dari semua perkembangan luaran ini dan bergantung ke atas kemasukan FDI. Pembangunan dan kesejahteraan negara ini berhubung kait dengan eksport komoditi dan perkilangan. Permintaan dan perubahan harga dalam pasaran global mempunyai impak terus ke atas pertumbuhan *output* kadar pekerjaan dan kesejahteraan kita.

Di dalam keadaan ini, krisis ekonomi global semestinya mempunyai kesan ke atas aliran FDI. Permintaan terhadap bahan eksport sama ada perkilangan atau komoditi dan kemerosotan harga-harga eksport. Perubahan-perubahan yang tercetus dari luar akan *ditransmit* dari ekonomi tempatan dan menyebabkan pertumbuhan yang lembap, pasaran kerja yang buruk serta pengurangan kadar penggunaan.

Secara ringkasnya, Malaysia kini menghadapi ramalan ekonomi yang serius dan lembap. Cabaran terhadap ekonomi kita menjadi lebih serius lagi sekiranya kita mengambil kira dasar ekonomi yang lemah memandangkan:

- (i) kadar inflasi paling tinggi yang dihadapi sejak 25 tahun kebelakangan ini;
- (ii) defisit fiskal yang tidak *sustainable* yang dijangka setinggi 4.8% tahun ini dan 3.6% pada 2009 dan tentu tidak akan lebih tinggi;
- (iii) berbilion-bilion ringgit yang merupakan liabiliti kontinjen tersembunyi seperti IOU yang diberikan kepada GLC. Korporat-korporat kroni,

subsidi-subsidi yang tidak berhenti-henti kepada entiti-entiti swasta yang menganggap bahawa keuntungan boleh diswastakan manakala kerugian boleh dinasionalisasikan;

- (iv) dasar faedah yang tidak bertanggungjawab dan cenderung untuk membantu kawan-kawan BN yang terlebih meminjam yang menyebabkan kos peminjaman kerajaan terus rendah;
- (v) dasar kadar pertukaran yang dimanipulasikan dan tidak telus yang mengundang inflasi yang import;
- (vi) dasar pemberian tender dan projek-projek tanpa persaingan kepada syarikat-syarikat dan kontraktor-kontraktor yang berhubung kait dengan BN yang menyebabkan kos projek yang bertambah;
- (vii) kehilangan daya saingan disebabkan oleh rasuah dan pentadbiran buruk; dan
- (viii) agensi-agensi kredit *rating* telah menurunkan *rating* Malaysia.

Senarai ini adalah lebih panjang lagi tetapi cukuplah untuk mencerminkan bagaimana dasar ekonomi kita telah merosot kebelakangan ini. Satu sebab besar kenapa kita akan menghadapi krisis yang teruk oleh sebab tidak ada *political will* untuk membanteras rasuah, penyelewengan, ketirisan dan Yang Berhormat Ketua Pembangkang ada sebut tiga contoh mengenai Maybank, BII, mengenai *broadband*, mengenai *Eurocopter*.

Mengenai *broadband*, saya mahu tanya di sini mengapa Telekom diberi subsidi sebanyak RM2.4 bilion daripada wang pembayar cukai untuk melaksanakan Projek *High Speed Broadband* ini (HSPB), sedangkan cadangan projek alternatif tidak memerlukan sebarang subsidi. Mengapakah tidak ada sebarang tender terbuka untuk memilih cadangan alternatif yang terbaik? Mengapakah kerajaan berpendapat bahawa Telekom merupakan syarikat yang terbaik untuk mengendalikan HSPB sedangkan Telekom sudah gagal mencapai objektif nasional untuk membanteras internet yang tinggi setelah lebih 10 tahun.

Ekonomi yang mudah boleh memberitahu kita bahawa adanya persaingan akan menghasilkan prestasi yang diperlukan oleh negara kita. Selain dari gagal mengatasi masalah penitran internet dan *broadband* yang tinggi dan selain dari hakikat bahawa Telekom merupakan bahan ketawa kerana dikenali ramai sebagai syarikat yang membekalkan perkhidmatan yang buruk. Kerajaan masih berkeras untuk memberikan projek *broadband* generasi baru kepada Telekom.

HSBT, *High Speed Broadband Technology Sdn. Bhd.* telah mencadangkan untuk membina rangkaian yang sama tanpa sebarang subsidi. Sungguhpun kerajaan berpendapat bahawa HSBT tidak berpengalaman untuk melancarkan projek yang besar ini. Tidak, ianya tersedar bahawa hakikat subsidi tidak diminta menandakan bahawa subsidi memang tidak diperlukan. Mengapakah kerajaan berkeras untuk menampung projek ini dengan menggunakan

dana awam khasnya pada masa pasaran kewangan menghadapi cabaran serius ini? Bukankah wang ini lebih baik dibelanjakan untuk membantu rakyat yang lebih memerlukannya.

Memandangkan dana awam terlibat dalam projek ini mengapakah tidak diadakan tender terbuka? Kerajaan harus memberikan justifikasi terhadap tindakan dan keputusan ini. Lebih teruk lagi, rangkaian HSSB Telekom merupakan rangkaian yang setengah terbuka sedangkan seluruh dunia tahu bahawa infrastruktur sebegini sepatutnya terbuka dan menjadi *assessable* kepada lain-lain pembekal *broadband* seperti mana yang berlaku di Singapura. Tambahan lagi, kerajaan tidak mempunyai terma-terma spesifik bagi perkongsian rangkaian HSSB dengan berbekal perkhidmatan yang lain.

Telekom berkata bahawa *screening* akan dilakukan. Untuk menggalakkan persaingan yang menambah nilai kepada industri negara dan pengguna, perkataan "*screening*" adalah sungguh buruk sekali sementara konsep menambah nilai mempunyai interpretasi yang terbuka. Inisiatif yang sama *equal excess plan for fixed line phone* yang diperkenalkan sedekad lepas sepatutnya menggalakkan persaingan dalam industri ISP telah gagal dengan teruk sekali. Ia merupakan muslihat Telekom untuk membantutkan kebangkitan persaingan yang serius. Adalah sungguh ganjil sekali. Kerajaan sekali lagi membenarkan Telekom untuk menggunakan kata-kata yang kabur dalam projek ini sungguhpun Telekom pernah menunjukkan niat jahatnya sebelum ini. Tidaklah kerajaan belajar dari pengalaman yang lalu. Hakikatnya Telekom yang kerap melaung-laungkan konsep meningkatkan kadar penitrasi dan kualiti internet, tetapi gagal menunaikan janji ini dan nampaknya tidak menyedarkan kerajaan mengenai hasrat buruknya.

Di negara ini, tidak wujudnya saingan *broadband* yang serius. Ini sangat jelas dalam Parlimen. Dua hari ini begitu *slow*. Ahli-ahli Parlimen yang ada guna internet, Barisan Nasional pun, begitu perlahan-lahan sahaja, *slow*, malu. Kenapa?

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang mahu minta laluan. Cepat di situ Yang Berhormat.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Okey. Sebelum saya bercakap saya ingin membuat deklarasasi bahawa saya merupakan Pengarah Syarikat Telekom Malaysia. Saya cuma hendak tanya pada Yang Berhormat Ipoh Timur sama ada, Yang Berhormat Ipoh Timur tahu atau tidak siapa pemegang saham Telekom Malaysia. Ia adalah kerajaan dan juga *public* kerana syarikat ini disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Jadi, siapa yang Yang Berhormat tuduh menerima kontrak dan sebagainya kalau tidak kerajaan sendiri dan juga pemegang saham awam?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Break up the contract.* Kita tahu siapa yang dapatlah. *Break up the contract.* Siapa subkontrak-subkontrak itu. Saya tidak tahu sama Yang Berhormat pernah mendapat apa-apa subkontrak.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Seperti yang saya katakan tadi, siapakah pemegang saham? Siapa yang mendapat keuntungan daripada pemberian kontrak

kepada HSPB ini kalau bukannya kerajaan dan juga pemegang saham awam. Itu sahaja. Saya rasa ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, prinsip HSPB ialah mengenai...

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Saya rasa Yang Berhormat Ipoh Timur sekarang cuma membangkitkan perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mengenai *competition*. Kita mahu sekarang ialah bincang mengenai *competition*, mengenai dengan penyelewengan Yang Berhormat Permatang Pauh ada bangkitkan, saya pun mungkin akan bangkit tetapi sekarang mengenai *competition*. Bagaimana kita *open up into IT downline state*.

■1650

Di negara ini tidak wujudnya saingan *broadband* yang serius. Siapa yang akan berkata bahawa Telekom yang menguasai 95% pasaran di negara ini menunjukkan bahawa Malaysia telah meliberalisasikan industri pembekal perkhidmatan *broadband* kita. Negara kita perlu melaksanakan dasar liberalisasi dan bukannya hanya bercakap-cakap sahaja mengenai konsep sebegini.

Projek HSSB yang diberikan kepada Telekom hanya akan memperkukuhkan kedudukan dominasi mereka. Adakah kerajaan akan memaksa Telekom supaya mengamalkan akses terbuka di mana semua pembekal perkhidmatan boleh menggunakan HSSB untuk mencapai pelanggan mereka apabila ianya siap dibina. Inilah satu-satunya cara untuk memupuk persaingan dan membekalkan perkhidmatan yang terbaik pada kadar yang paling berpatutan. Juga kriteria penting dalam membangunkan industri kandungan dan IT di negara kita.

Persoalan-persoalan yang perlu dijawab ialah satu, bukankah subsidi RM2.4 bilion ini terlalu tidak adil memandangkan Telekom ini memang berada di dalam posisi yang dominan. Kedua, mengapakah dibenarkan Telekom untuk melengahkan akses penuh pihak ketiga ke rangkaian HSSB nya selama 7 tahun memandangkan Telekom merupakan parti dominan. Ini bukanlah persoalan sekiranya Telekom membayar kosnya 100% tetapi mereka dibiayai dana awam. Tidak ada sebab mengapa akses terbuka perlu dilengah-lengahkan.

Mengapakah kerajaan melindungi pendapatan Telekom sahaja, sedangkan liberalisasi sebenar akan membantu membangunkan seluruh industri yang memberikan potensi pendapatan yang lebih banyak kali ganda untuk negara pada keseluruhannya. Adakah kerajaan akan memasukkan provinsi dalam persetujuannya dengan projek HSSB Telekom untuk memastikan ia akan memberikan akses terbuka kepada lain-lain pembekal perkhidmatan pada kadar yang berpatutan termasuk diadakan audit tahunan oleh pihak ketiga. Jika tidak, adakah kerajaan akan memastikan bahawa memandangkan kepentingan terlibat, maka akan diluluskan satu lagi pembekal HSSB dalam tempoh setahun untuk mencipta ruang saingan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang hendak dibangkitkan ialah mengenai pembelian helikopter Eurocopter oleh MINDEF yang ada disebut oleh Yang Berhormat daripada Permatang

Pauh pun. Ini menimbulkan satu soalan sama ada Kementerian MINDEF, Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri bertegas mengenai ketelusan, integriti dan dalam pembelian, *procurement* helikopter berbilion ringgit ini. Disebutkan, ada empat *aircraft* yang ada di *shortlisted*. Helikopter Cougar EC725 dengan harga Euro 463.44 juta atau RM2.317 bilion. Sikorski ialah *aircraft* Nuri yang akan digantikan dan pun ada buat tawaran ialah USD 427 juta ataupun RM1.45 bilion. Dan *Canadian Kelowna Flightcraft Limited* model Kazan MI-172 buatan Rusia USD312 juta atau RM1.61 bilion.

Antara tawaran harga tertinggi dan terendah ialah perbezaan RM1.256 bilion antara Cougar dan Kazan MI-172 KF, perbezaan itu boleh membeli 26 unit helikopter Kazan dan bukan sahaja 12 unit Cougar. Kenapa begitu? Yang sangat jelas bukan sahaja daripada satu surat yang ada dibaca dirujuk oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tetapi pun daripada sumber-sumber yang lain bahawa *shortlisting* dan penilaian sepenuhnya tidak disempurnakan. Apa yang *complaint* dikemukakan, ini adalah berasas bahawa proses penilaian belum selesai tetapi dengan secara tiba-tiba arahan diberi oleh pihak tertentu supaya *letter of intend* dikeluarkan kepada Eurocopter.

Letter of intend tersebut ditandatangani oleh seorang pegawai paras menengah di Kementerian Pertahanan yang bertarikh 15 September 2008 iaitu dua hari sebelum Timbalan Perdana Menteri berpindah dari Kementerian Pertahanan ke Kementerian Kewangan. Kerja yang sudah selesai ialah penelitian dokumen-dokumen, *documentary evaluation* sahaja. Kerja yang sudah selesai adalah penelitian dokumen-dokumen tender yang dikemukakan oleh penender-penender. Penilaian fizikal iaitu memeriksa premis dan kilang penender-penender dan melakukan penerbangan ujian atau *test flights* belum dilakukan. Oleh sebab kebenaran dari pihak atasan di Kementerian Pertahanan dan Kementerian Kewangan untuk berbuat demikian belum diperolehi.

Sewajarnya penilaian fizikal adalah lebih mustahak dari penilaian dokumen-dokumen ataupun *documentary evaluation*. Anggota-anggota yang terlibat semua sangat hairan apabila mengetahui bahawa LOI, *letter of intend* telah dikeluarkan sebelum penilaian fizikal dilakukan. Sangat jelas bahawa pengeluaran LOI kepada Eurocopter agak luar biasa dan bertentangan dengan prosedur yang telah diamalkan selama ini.

Biasanya LOI dikeluarkan setelah proses penilaian secara menyeluruh selesai dan sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh wakil-wakil dari Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertahanan mencapai kata sepakat tentang produk yang terbaik bersesuaian dengan belanjawan yang telah diperuntukkan. Mereka turut berpendapat bahawa adalah menakjubkan bahawa *letter of intend* bagi kontrak yang bernilai melebihi RM2 bilion ditandatangani oleh seorang pegawai kerajaan bertaraf setiausaha bahagian dan bukannya seorang yang bertaraf sekurang-kurangnya timbalan setiausaha.

Technical evaluation Tuan Yang di-Pertua tidak dipatuhi. *Short listing aircraft* yang lazim dibuat dalam satu proses tender tidak diamalkan. Apakah kriteria untuk menilai Eurocopter? Eurocopter saya tahu satu helikopter yang baik tetapi itulah harga, *evaluation* harga tender proses. Oleh sebab standard *evaluation* proses daripada segi teknikal tidak diikuti, tidak ada *flight evaluation*, so kita harap bahawa kita boleh dapat jawapan yang memuaskan dalam Dewan yang mulia ini.

Kita mendapati bahawa ada kes di mana pembuat-pembuat kapal terbang ada, sungguhpun mereka ada kemukakan tender-tender secara bertulis tetapi apabila datang *flight test*, kapal terbang yang digunakan ialah bukan yang sama. Klasifikasi yang termaktub, ini ada berlaku. Sebenarnya ini berlaku di India, di India tahun lalu, India membatalkan pembelian 197 buah helikopter.

Oleh sebab dalam India, ada satu mekanisme yang mencegah korupsi. Oleh sebab ada *observations* daripada badan-badan yang monitor pembelian *defense equipment* yang mengatakan bahawa adalah *impropriety* bahawa pembelian 197 buah Helikopter Cougar ialah sama dibatalkan.

■1700

Untuk apa harga? USD600 juta. Untuk harga USD600 juta yang kita akan belanja untuk 12 helikopter. Kenapa? India boleh beli dengan harga yang sama 197 buah helikopter Cougar. Kenapa kita mahu beli 12 sahaja? *Where has the rest of the money gone to? Black hole!* Sebab itu kita tahu adalah tuduhan-tuduhan bahawa adalah orang yang terlibat, komisen. Apabila kita sebut komisen bukan RM10 juta, RM100 juta tetapi setengah bilion, RM1 bilion. Kita mahu dalam perkara ini saya mahu tahu kenapa *short listing* proses tidak disempurnakan, tidak ada *flight testing*. Dalam kes India, dalam *flight testing* mereka menggunakan satu *civil helicopter* dan bukan satu *military helicopter* dan sebab itu tidak mengikut tender *process*.

Akan tetapi di sini kita mahu tahu. Beliau kata bahawa *Eurocopter* tidak baik tetapi kenapa adalah *Eurocopter* dipilih dan bukan *Sikorsky*, bukan *Russian-made* atau *Agusta*. Di sini saya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Minta laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat membangkitkan soal pembelian, komisen. Ia juga melibatkan kelengkapan ketenteraan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ini bukan soal rompakkan atau mengaitkan keuntungan besar sahaja tetapi ia menggugat keselamatan negara kerana bila pembelian senjata penting, perkiraannya itu, keuntungan dan komisen. Ia menjadi satu risiko kepada keselamatan negara.

Keduanya, mengapa hal sedemikian boleh berleluasa dalam negara kita berulang kali dari Scorpene ke Sukhoi ke *Eurocopter* tanpa apa-apa tindakan dan langkah perubahan. Rakyat

hanya mendengar dan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional hanya menyokong. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oleh kerana *National Integrity Plan* yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahun 2004 itu kosong saja. *Empty National Integrity Plan*, tidak ada komitmen untuk membanteras segala penyelewengan dan untuk memastikan bahawa *National Integrity Plan* memandukan segala tindakan kerajaan Barisan Nasional. Di sini ada dua perkara dan soalan saya mahu kemukakan.

Pertama, saya mendapat maklumat dan dengan izin *the EC75 – Eurocopter, selected is 40 year role aircraft certify in the 60's and 70's. There's been modified and upgraded all this while and given a new name and term tenders EC75 be guaranteed to last another 40 more years with all the modification and upgrading anticipated.*

Soalan kedua, dalam surat khabar Berita Harian, Jun tahun ini ada satu berita Sikorsky sedia beli Nuri jika Malaysia guna Superhawk. Superhawk ialah apa yang di tender oleh Sikorsky dalam exercise ini. Saya baca. "*Syarikat pengeluar helikopter terkemuka dunia, Sikorsky Aircraft Corporation membuat tawaran kepada Kementerian Pertahanan untuk membeli kembali 29 Helikopter Nuri atau Sikorsky S61A-4 jika Malaysia membuat keputusan membeli helikopter barunya, Superhawk S92 untuk kegunaan Angkatan Tentera Malaysia atau ATM*".

Eksekutif jualan serantau Sikorsky bagi Asia, Scoth Pears berkata tawaran itu dibuat melalui bida dikemukakan syarikatnya kepada kementerian berkenaan selepas Malaysia mengumumkan tawaran tender terbuka antarabangsa berhubung pembelian helikopter baru bagi pasukan itu. Katanya, jika Malaysia memutuskan terus menggunakan Nuri bersama helikopter terbarunya, Sikorsky yang juga anak syarikat United Technology Corporation atau UTC, menyatakan komitmen membaik pulih atau meningkatkan khidmat Nuri di negara ini. Sikorsky sedia membeli semua baki Nuri daripada TUDM untuk dijual kepada mana-mana pihak yang berminat.

Akan tetapi jika TUDM masih mahu menggunakan Nuri bersama Helikopter S92, kita sanggup membaik pulih dan meningkatkan helikopter berusia lebih 40 tahun itu termasuk menukar daripada kokpit konvensional kepada kokpit kaca atau digital. Tugas baik pulih Nuri akan membabitkan permintaan teknologi terkini dan kepakaran kepada orang tempatan. Katanya kepada *Berita Minggu* pada temu bual di sini baru-baru ini.

Saya bukan agen atau *spokesman* untuk Sikorsky. Itu yang kita mahu. Dengan tawaran sama macam itu, bahawa apa sebab kenapa keputusan dibuat bukan sahaja *short circuit evaluation process, short circuit* ini sudah salah. Kenapa ada pelan yang dibuat. Kita mahu *costing, comparative cost*. Sebab itu saya menyeru bahawa keputusan untuk memberi *letter of intent* kepada Eurocopter digantung. Di *suspended* sehinggalah ada satu siasatan yang memuaskan dan satu penjelasan yang memuaskan diberi kepada Dewan dan negara kita.

Apabila Yang Berhormat daripada Permatang Pauh ada sebut. Kita sudah ada skandal *sub-marine Scorpene*, kita sudah ada skandal *jet fighter* Sukhoi, kita tidak mahu lagi ada skandal helikopter *Eurocopter*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur, saya minta maaf mengganggu sekejap. Panjang lagikah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dua jam.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkaskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dua jam. Sekurang-kurangnya dua jam. Tiga jam pun mungkin. Ini *money*. *All the people here serious*. *We do homework*.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu, Yang Berhormat Ipoh Timur. Akan tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain pun mahu cakap juga. Saya seronok dengar Yang Berhormat Ipoh Timur bercakap. Saya tidak mengantuk pun. *[Ketawa]*

Yang Berhormat Permatang Pauh sudah saya bagi lebih kurang enam jam. Jadi Yang Berhormat Marang pun mahu bercakap juga. Ustaz Hadi pun mahu cakap juga. Akan tetapi kalau mahu panjang lagi, saya bagi kalau boleh sampai 5.30 petang kerana kalau sehingga 5.30 petang bermakna sejam lima belas minit, Yang Berhormat Ipoh Timur.

Beberapa Ahli: Boleh lah.

Tuan Yang di-Pertua: *You started at about 4.16 pm*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Not 4.16 pm. Sorrylah. I mean I try fast if can. I'm very fast already. I'm going at the rocket speed...rocket speed*

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sila. Sila, sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mengenai salah guna kuasa, penyelewengan dan lain-lain terutama mengenai salah guna kuasa pihak polis. *See, one helicopter* pihak polis. Pada pertengahan tahun 2007, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah diarahkan oleh Perdana Menteri merangkap Menteri Keselamatan Dalam Negeri untuk menyewa 34 buah helikopter daripada Syarikat Asiacopter selama 30 tahun. Anggaran penyewaan ini ialah RM20 bilion. Cadangan PDRM kepada kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ialah membeli lapan buah helikopter dengan peruntukan sebanyak RM272 juta dan saya difahamkan lapan helikopter adalah jauh lebih daripada mencukupi untuk kegunaan PDRM.

Soalan saya apakah perlunya PDRM menyewa 34 buah helikopter daripada Asiacopter Sdn. Bhd bahawa cadangan PDRM kepada kerajaan pada asalnya hanya membeli lapan helikopter sahaja. Apakah perlunya PDRM menggunakan wang sebanyak RM20 bilion untuk menyewa 34 buah helikopter ini. Mengapakah PDRM tidak menggunakan peruntukan ini dalam usaha pembasmian jenayah dan peningkatan gaji dan elaun anggota polis tetapi ia disalurkan untuk menyewa 34 buah helikopter.

■ 1710

Kenapa pihak KPN bersungguh-sungguh dengan projek ini sehingga menghantar surat terus kepada Menteri Kewangan bertarikh 12 Februari 2007 untuk memohon kelulusan rundingan terus untuk pelaksanaan projek ini. Bila Ketua Polis Negara menjadi satu *fogger of tender*. Kita bernasib baik selepas pilihan raya umum yang lalu bahawa menteri telah bertukar dan telah menggunakan cadangan tersebut dan Kabinet telah menolakkannya dalam bulan Mei yang lalu. Sekali lagi kami dimaklumkan bahawa Ketua Polis Negara tanpa segan silu telah menulis surat secara terus kepada Perdana Menteri untuk membuat pembelian helikopter sebanyak lapan unit ini secara rundingan terus dengan Syarikat Asiacooper. Untuk maklumat, pembelian helikopter lapan unit ini telah diluluskan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan oleh pihak EPU dengan anggaran kos RM772 juta.

Akan tetapi cadangan Syarikat Asiacooper yang disokong oleh Ketua Polis Negara mencadangkan harga RM350 juta. Mengenai *police cost solution* merupakan satu rangkaian sistem *wireless* digital sepenuhnya yang berasas teknologi, informasi dan komunikasi ICT yang canggih dengan liputan seluruh negara. Sistem ini berupaya menyalurkan suara, data, video grafik dan maklumat dan matriks, dan DNA secara serentak tanpa batasan. Kertas cadangan pelaksanaan projek ini bernilai RM4.2 bilion. Semua bilion-bilion. PDRM berminat dengan sistem ini kerana mereka percaya ia dapat membantu pihak polis dalam siasatan dan membanteras jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, ianya tidak masalah dengan keinginan PDRM untuk membeli sistem teknologi yang boleh membantu mereka menjalankan siasatan jenayah ini tetapi apa yang tidak faham di dalam urus niaga ini ialah satu, kenapa Ketua Polis Negara menghantar permohonan, menghantar, memohon dikeluarkan surat *letter of intent* dan *letter of award* kepada Syarikat Web Power Sdn. Bhd. terus kepada Perdana Menteri dan tidak melalui Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Inilah sangat tidak mengikut prosedur. Prosedur yang patut dilakukan dalam apa-apa pembelian sepatutnya ialah Ketua Polis Negara harus menulis surat kepada Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Setiausaha kemudian menulis surat kepada Kementerian Kewangan.

Selepas diluluskan oleh Kementerian Kewangan barulah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri memanggil tender tetapi sekarang Ketua Polis Negara terus *bypass* Ketua Setiausaha Kementerian dan memohon dikeluarkan surat *letter of intent* terus kepada Perdana Menteri. Kenapakah ini berlaku? Bukankah ini dapati bahawa pihak KPN telah melanggar *standard operating procedure* iaitu *go direct to the minister bypassing your immediate boss*, Ketua Setiausaha Kementerian.

Kedua, kertas cadangan *e-police force solution* dikemukakan oleh Web Power Sdn. Bhd. kepada PDRM. Kenapa Ketua Polis Negara begitu gagah untuk meminta kerajaan mengeluarkan peruntukan untuk membeli *e-police force solution* daripada sebuah syarikat yang dipunyai oleh

bekas seorang anggota suruhanjaya pasukan polis yang juga bekas orang pengarah Tiga Bintang, PDRM. Kenapa beliau boleh bersetuju dengan harga ditawarkan iaitu RM4.2 bilion dan di mana anak dia ada bekerja di dalam itu.

Saya ingin meminta Kementerian Dalam Negeri boleh bagi tahu Dewan yang mulia ini penjelasan hubungan Ketua Polis Negara dengan Syarikat Asiacopter dan Web Power Sdn. Berhad. Ini adalah penting untuk rakyat mengetahui, mengapa seorang Ketua Polis Negara terlibat secara langsung dengan aktiviti peniagaan sedangkan sekarang ini satu indeks jenayah berat semakin meningkat dan banyak kes-kes serius yang berprofil tinggi tidak dapat diselesaikan sepertimana kehilangan cip komputer di Pulau Pinang, pembunuhan kejam adik Sharlinie, pembunuhan pemimpin politik di Johor dan lain-lain lagi, termasuk baru-baru ini isteri bekas Exco Penang menjadi mangsa, isteri bekas ADUN Penang di bunuh dan lain-lain.

Kedua, kegiatan rasuah dan salah guna kuasa di kalangan pegawai kanan dan anggota polis makin meningkat. Banyak kes yang tergantung tanpa tindakan seperti kes tatatertib Pengarah Logistik PDRM hingga kini senyap tanpa tindakan. Sedangkan kes tersebut telah menjadi buah mulut di kalangan pasukan PDRM dan orang ramai. Adakah kerana pengarah tersebut orang kepercayaan Ketua Polis Negara maka tindakan tidak boleh diambil. Di mana integriti pasukan PDRM?

Ketiga, ada dua kenyataan akhbar KPN, Ketua Polis Negara dalam akhbar pada bulan Ogos dahulu. Dua, berkaitan penglibatan sebuah syarikat IT dengan negara Israel...., tidak ada masa, saya tidak mahu baca itu keratan surat khabar. Pembelian helikopter untuk kegunaan PDRM amat memerlukan kerana kedua-keduanya akhir.

Kemudian adalah dinafikan kebenarannya oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Bagaimana perkara ini boleh berlaku. Ketua Polis Negara kata adalah masalah di mana sebuah syarikat IT ada terlibat oleh pihak Israel. Menteri kata "tidak", Ketua Polis Negara kata bahawa helikopter sudah diluluskan, pembelian helikopter untuk polis telah diluluskan oleh Kabinet. Kemudian menteri kata, "Tidak!". *What is going on?*

Keempat, penglibatan Ketua Polis Negara dengan sindiket judi dan kongsi gelap. Sehingga kini pihak Ketua Polis Negara tidak pernah mengambil tindakan yang bersungguh-sungguh tentang hubung kait beliau dengan kumpulan tersebut yang diketuai oleh B. K Tan. Ramai orang tahulah B. K Tan dan Goh Cheng Poh dikenali sebagai Tengku Goh. Dia tidak sepertimana tindakan saman beliau kepada Yang Berhormat Permatang Pauh yang dituduh memfitnahnya tetapi dalam kes ini walaupun Raja Petra telah membongkar cerita ini sejak tahun 2007, mahu isi kandungan bolehlah lawat *MalaysiaToday*, Raja Petra mengenai *sheets of documents* dan tuduhan-tuduhan yang ada disebut.

Akan tetapi dalam kes ini walaupun Raja Petra telah membongkar cerita ini sejak tahun 2007, hingga kini tidak ada apa-apa tindakan yang diambil. Apakah tuduhan-tuduhan ini benar?

Dengan contoh dua perkara tersebut, kita dapati bahawa Ketua Polis Negara telah tidak menjalankan tugasnya dengan bersungguh-sungguh. Kelihatan beliau hilang keupayaan melaksanakan tugas dan amat jelas kelihatan beliau seorang yang bankrap idea untuk bertugas sebagai Ketua Polis Negara. Sebagai seorang penjawat awam, beliau tidak sepatutnya terlibat dengan perniagaan malah patut menumpukan dengan tugas untuk membanteras jenayah.

Oleh itu saya mencadangkan demi integriti dan keselamatan negara ini, adalah lebih baik Tan Sri Musa meletak jawatan secara serta merta sebagai Ketua Polis Negara. Dia tidak layak terus menjadi Ketua Polis Negara... *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua, satu isu pokok di hadapan kita ialah kehilangan kepercayaan dan apa tindakan boleh diambil yang boleh kata bahawa supaya berjaya untuk memulihkan kepercayaan. Sama ada kepada Perdana Menteri, Perdana Menteri *in waiting*, IGP, Peguam Negara, *anti corruption*, *nations building* atau lain-lain.

Hari minggu ada satu perkara yang sangat sedih yang berlaku. Ini adalah *Mingguan Malaysia...* *[Menunjukkan naskhah surat khabar Mingguan Malaysia]* Ini adalah *pullout Mingguan Malaysia*. Ahad, kesihatan *pullout*. Dalam *pullout* ini adalah satu cerpen, *short story*. Cerpen oleh Datuk Chamil Wariya. Tajuknya ialah "*Politik baru Yang Berhormat J*". Itulah kita tahu Yang Berhormat J ialah Yang Berhormat daripada Seputehlah.

■1720

Satu cerpen mengenai - memandangkan Yang Berhormat dari Seputeh yang baru-baru ini menjadi mangsa ISA dan kempen-kempen untuk memburukkan nama baik dia dan dalam cerpen ini sama, sama sekali, tuduhan-tuduhan yang berasas, yang niat jahat, '*malaises*' ada dibuat tetapi itulah hak untuk sesiapa untuk *literary license* kecuali akhir cerpen ini. Akhir cerpen ini saya baca Tuan Yang di-Pertua, "*Apabila Yang Berhormat J...*", itulah akhir, Yang Berhormat J ialah Yang Berhormat belakang, "*...apabila Yang Berhormat J bangun untuk menuju ke rostrum ucapan, seorang anak muda dari belakang pentas berjalan tenang menuju ke arahnya. Yang Berhormat J tersenyum kepadanya. Dia menyangka anak muda yang berketurunan dengannya ingin mengiringinya ke rostrum atau bersalaman dengannya. Yang Berhormat J menghulurkan tangan, tiba-tiba Yang Berhormat J tergamam dan berdiri kaku. Dia tidak percaya dengan apa yang dilihatnya. Tergenggam erat di tangan anak muda yang seolah-olah yang ingin membalas salam tangan yang dihulurnya ialah sepucuk pistol jenis Revolver yang betul-betul diajukan ke arah dada Yang Berhormat J. Tanpa berkata apa-apa anak muda itu melepaskan beberapa das tembakan. Salah satunya mengenai tepat ke jantung Yang Berhormat J. Dia rebah ke lantai. Para hadirin menjadi panik.*"

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur, apa relevan dia dengan perbahasan bajet? Itu cerpen betul.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini serius, ini bahaya. Ini mengenai Ahli Parlimen. Kalau ada....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Baca dahululah, kasi habis, kasi habis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau ada cerpen yang membayangkan menteri-menteri diburukkan dan boleh dibunuh, saya rasa tidak ada reaksi semacam ini. Tentu ada reaksi kata mana boleh kutuk dan dikritik, bagaimana kita mahu budaya, *the culture...*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak perlulah, tidak perlulah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya mahu tolong.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mahu tolong?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey. *Right, I give you a test whether you really tolong or not.*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, okey betul. Okey, saya hendak tanya Yang Berhormat Ipoh Timur bagaimana Yang Berhormat Ipoh Timur tahu bahawa cerpen itu ditujukan kepada Yang Berhormat Seputeh. Mungkin kepada orang lain, mungkin kepada saya. Macam mana boleh tahu?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya percaya kalau tanya 100 orang, 99 orang selain daripada Yang Berhormat Kinabatangan akan berkata ya, inilah ditujukan kepada Yang Berhormat Seputeh, selain daripada Yang Berhormat Kinabatangan. *You khas, you are special.* Ini mustahak, iklim ketakutan, iklim *intimidation* tanah air kita. 51 tahun pembinaan negara tidak pernah berlaku. Kita tahu, kita boleh guna cerpen, kita boleh guna *literary license* untuk agenda tertentu. Tetapi, saya kata selain daripada *last paragraph, last part* kita hormat kita tidak setuju. Kita merasakan ini memburukkan tidak bertanggungjawab tetapi inilah *literary license*. Tetapi sehingga boleh untuk *incite* pembunuhan, *are you going to keep quite?*

Is Parliament going to pretend silence? I think this is very serious. This is unacceptable. Saya sangat terperanjat bahawa ada Ahli Parlimen berdiri untuk meluahkan ini. Tidak boleh. Ini bukan untuk mahu menyelamatkan Yang Berhormat Seputeh. Sungguhpun ibu bapanya, rumah mereka dapatlah menutup - tetapi kenapa *Utusan Malaysia, one of the oldest, the most establish news paper, why are you doing this?* Kenapa? Saya mahu tahu apa pendirian kerajaan. Saya bukan kata bahawa ambil tindakan ISA terhadap *Utusan Malaysia, no.* Tetapi kalau tujuan ialah *target* ini menteri-menteri, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri *are you all going to keep quite? Say, this is literary license and rights?*

I think this is malulah, this is shame. 51 years national building this can happen. And I hope Yang Berhormat Barisan Nasional boleh berdiri take a stand and kutuk, a collective stand. Kita boleh ada perbezaan pandangan tetapi tidak hingga ke tahap ini untuk menggalakkan untuk *incite* pembunuhan. *Do you want killing in our society and political society?* Saya harap dalam perkara ini bahawa *we take a clear stand...*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Minta laluan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Yes, I give you a stand to redeem yourself.*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Atas perkara ini saya tidak tahulah *you* betul-betul hendak bantukah, ataupun tidak puas hati. Kita mesti mahu faham, atas perkara ini bukan sahaja Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim kena, saya pun kena. Saya sudah lima kali kena. Saya pun kena pusat perkhidmatan. Kalau kita sudah serahkan kepada polis untuk membuat penyiasatan, bagilah peluang sedikit siasatan. Siasat dahulu, kita minta janganlah buat *emotional* dalam Dewan. Baru dia kena sekali, saya sudah kena lima kali.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Lima kali? [*Bercakap tanpa pembesar suara*] ISA....

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bukan ISA saya kata ada pembunuhan. Kadang-kadang dia kena *threaten*. Jadi saya mintalah Yang Berhormat Ipoh Timur jangan emosi sangat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Emosi... adalah *incitement* untuk membunuh seorang Ahli Parlimen itu emosi. Nampaknya Yang Berhormat Bintulu sangat rasional. Itulah *lesson* dari Taiwan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Ipoh Timur, saya *accident* kena langgar kereta. Saya belum mati lagi, masih di sini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itu saya...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bukannya dia kena bom.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Kalau benar memang ada usaha untuk membunuh Yang Berhormat Bintulu, saya kutuk dengan sekeras-kerasnya. Oleh kerana ...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sudah berapa tahun dah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...oleh kerana.....

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya tidak nampak Yang Berhormat bersoal...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...saya rela berbuat begitu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Nasib umur saya panjang. Kalau tidak saya sudah turun bawah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita tidak tahu sama ada benar atau tidak benar, tidak maklumkan kepada kita, siapa tahu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Surat khabar pun keluar dengan besar. Selalu Yang Berhormat kata kalau hal saya baca tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau mahu cerita di luar Yang Berhormat. Sila teruskan Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita tahu Yang Berhormat bagi Bintulu orang yang ada banyak *influence*. Dua *term* dahulu saya ada sebut nama beliau Port Klang Free Zone scandal RM4.6 bilion.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya sudah cakap...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: RM4.6 bilion Port Klang Free Zone....

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Lain kali kalau hendak cakap pergi di luar dan cakap, cakap dalam Dewan tidak guna.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: [*Ketawa*] *So you are ...* benar tidak benar...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu tidak kena mengena dengan ini...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang itu saya tidak tahu. Kalau ada benar kutuk semua pun itu oleh kerana RM4.6 bilion Port Klang Free Zone.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itulah saya kata kalau Yang Berhormat berani pergi luar sana *repeat*. Janganlah macam hari itu kita pergi Taiwan *you* kata saya bagi setengah juta.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: lalah...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya cabar Yang Berhormat, Yang Berhormat kata tarik balik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa yang mustahak di sini ialah...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Minta *reporter* ubah itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ... rencana ini. *You don't try to distract*. Ini isu. Adakah Yang Berhormat rela mengutuk *Utusan Malaysia*...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur, teruskan perbahasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah rela mengutuk Datuk Chamil Wariya yang ada tulis cerpen ini. Adakah rela? Adakah BBC buat satu pendirian? Adakah berani? Kalau tidak berani langsung masa hadapan jangan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya kena punya *time* mana *you*, mulut? Mana Yang Berhormat Ipoh Timur? Masa saya kena kenapa Yang Berhormat tidak bersoal?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bolehkah BBC ambil satu pendirian dalam perkara ini atau BBC *is only a boneka* sahaja? Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Ipoh Timur, dalam Dewan ini apa ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya teruskan tidak apa. Ini mustahak, saya harap Yang Berhormat Menteri ada ambil perhatian dalam perkara ini. Saya tidak tahu di mana Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Dia sekarang sangat sibuk. Dia mahu jaga keselamatan ramai orang sehingga mahu menggunakan ISA untuk selamatkan mereka dan saya balik kepada ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada sebut bahawa isu pokok kepercayaan, *confidence*. *Confidence* perlu dipulihkan kalau kita mahu balik kontrak supaya negara kita *become great again*. Kenapa *become great again* untuk *make up 'lost ground'* 50 tahun. Saya sangat kesal kerana rombongan yang pergi ke Taiwan tidak belajar kenapa kita *when back 50 years*...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur, sambung esok. Jadi, Ahli Yang Berhormat telah berucap 1 jam 15 minit. Jadi esok apa yang dijanjikan itu tolonglah tunaikan. Jadi ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu 15 Oktober 2008.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.